

“DOKUMEN INI BELUM DISEMAK”

MALAYSIA

DEWAN NEGARA

Selasa, 25 April 2000

Mesyuarat dimulakan pada pukul 10.00 pagi.

DOA

[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*]

JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN

1. **Datuk William Lau Kung Hui** minta Menteri Dalam Negeri menyatakan mengapakah Resit Maklumat Kematian RID 073726 bertarikh 26 Oktober 1981 (Mendiang Lau Siew Wong) (K 682702) yang dikeluarkan di Miri Sarawak tidak mahu menerima dan tidak mengiktirafnya sebagai satu dokumen yang sah oleh Pejabat Pendaftaran Kelahiran dan Kematian, Sibul Sarawak, berserta bukti tambahan mengenai kematian dan rayuan lisan dan bertulis oleh seorang Senator, bagi tujuan mendaftar perkahwinan anak perempuan mendiang, menjadi sukar.

Timbalan Menteri Dalam Negeri [Dato' Zainal Abidin bin Zin]: Tuan Yang di-Pertua, Resit Maklumat Kematian mendiang Lau Siew Wong tidak diterima kerana mengikut Peraturan 3(2) Peraturan Pendaftaran Kelahiran dan Kematian Sarawak 1951, resit tersebut bukanlah dokumen bukti sesuatu kematian. Ia jelas dicatatkan di dalam setiap resit maklumat kematian yang dinyatakan iaitu ini bukan merupakan Sijil Kematian. Resit ini menunjukkan bahawa suatu kematian telah dilaporkan kepada pendaftar. Jika sijil diperlukan, resit maklumat kematian ini hendaklah dibawa kepada pendaftar dan fee tertentu perlu dibayar. Berdasarkan kepada penggunaan dan tujuan resit maklumat kematian adalah terhad kepada apa-apa yang dinyatakan di dalam resit itu, maka Jabatan Pendaftaran Negara negeri Sarawak tidak dapat menimbang rayuan lisan dan tulisan yang dibuat oleh Ahli Yang Berhormat. Jika penggunaannya diiktiraf untuk tujuan yang lain selain daripada apa yang dinyatakan di dalam resit tersebut, ianya adalah bercanggah di sisi undang-undang.

Walau bagaimanapun, daripada maklumat yang diperolehi, masalah yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat telah diselesaikan pada 7 September 1999.

2. **Tuan Benedict Bujang Tembak** minta Menteri Pendidikan menyatakan:-

- (a) sehingga sekarang berapakah bilangan unit komputer yang belum atau tidak dapat diedarkan ke beberapa sekolah di Sarawak kerana ketiadaan bekalan elektrik; dan
- (b) apakah langkah-langkah yang dicadangkan untuk mengatasi masalah tersebut bagi memastikan murid-murid sekolah dapat memajukan pelajaran mereka dengan komputer.

Setiausaha Parlimen Kementerian Pendidikan [Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir]: Tuan Yang di-Pertua,

- (a) sehingga kini terdapat 175 buah sekolah rendah dan menengah di negeri Sarawak yang belum atau tidak dapat dibekalkan dengan komputer kerana tidak mempunyai bekalan elektrik awam. Sekolah-sekolah tersebut terletak di luar kawasan yang mendapat bekalan elektrik secara kekal atau bekalan terus menerus 24 jam;
- (b) di antara langkah-langkah jangka pendek bagi mengatasi masalah tersebut ialah memberi bekalan elektrik secara terhad melalui generator. Bekalan elektrik secara terhad dengan sedikit pengubahsuaian voltan berupaya bagi menjalankan pengajaran dan pembelajaran menggunakan komputer. Kementerian Pendidikan juga dengan kerjasama kerajaan negeri dan Kementerian Pembangunan Luar Bandar akan berusaha menyediakan bekalan elektrik awam di kawasan-kawasan tersebut. Pada masa ini terdapat 444 buah sekolah di Sarawak menggunakan janakuasa yang berkuasa kuda yang rendah manakala 61 buah sekolah tiada janakuasa generator.

Dato' Abdul Aziz bin Abdul Rahman: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya merasakan amat bimbang kalau sekiranya ada lagi sekolah-sekolah yang masih belum dibekalkan dengan elektrik dan pada masa yang sama kita

mengumumkan untuk hendak memberikan atau mencelikkan rakyat jelata terutama sekali pelajar-pelajar dengan komputer dan kita lebih faham sekarang ini di Sarawak sahaja 175 buah. Saya ingin mengetahui di Semenanjung pula, berapa buah sekolah-sekolah yang tidak mendapat elektrik ini dan tidak mungkin akan mendapat komputer dan bila pula mereka ini akan dibekalkan dengan komputer – dibekalkan dengan elektrik dahulu, lepas itu dengan komputer. Kalau boleh berikan focus sedikit kepada negeri Pahang Darul Makmur kerana negerinya luas.

Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir: Terima kasih, Yang Berhormat. Untuk memberi penjelasan secara terperinci, tidaklah dapat saya berikan di sini pada pagi ini. Walau bagaimanapun, sekiranya Yang Berhormat perlukan, saya akan menghantar secara notis kepada Yang Berhormat. Walau bagaimanapun, kita di pihak Kementerian Pendidikan tetap peka mengenai dengan setengah-setengah sekolah yang tidak mempunyai kuasa elektrik, walaupun terdapat di Semenanjung tetapi langkah-langkah telah pun diambil dengan pihak-pihak kementerian yang lain supaya kawasan-kawasan yang tidak mempunyai elektrik akan dibekalkan dengan kuasa elektrik. Kita telah pun bekerjasama dengan Kementerian Pembangunan Luar Bandar dan juga dengan pihak Kementerian Tenaga, Komunikasi dan Multimedia supaya kawasan-kawasan yang tidak ataupun masih tidak ada bekalan elektrik akan diberikan elektrik.

Walaupun bagaimanapun, Kerajaan Persekutuan di bawah pimpinan Barisan Nasional tetap akan memberi perhatian secara khusus lebih-lebih lagi di Sabah dan Sarawak kerana kita mendapati kawasan-kawasan di Sabah dan Sarawak amat jauh ketinggalan jika dibandingkan dengan sekolah-sekolah di sebelah Semenanjung ini.

Tuan N. Marimuthu: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya, kenyataan bahawa kebanyakan sekolah Tamil bantuan modal masih tidak mempunyai kemudahan-kemudahan infrastruktur seperti bekalan air dan elektrik. Apakah tindakan yang diambil oleh Kementerian Pendidikan untuk menyelesaikan masalah ini?

Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir: Yang Berhormat soalan ini telah pun dibangkitkan beberapa hari yang lalu mengenai sekolah Tamil. Kita juga tidak mahu sekolah-sekolah Tamil bantuan modal ketinggalan. Pihak kerajaan terutama sekali Kementerian Pendidikan telah mengambil beberapa langkah supaya sekolah-sekolah Tamil juga akan diperuntukkan dengan komputer dan usaha-usaha ke arah ini sedang

dijalankan oleh pihak kementerian bagi memastikan supaya komputer juga dapat dibekalkan dan juga pelajaran komputer dapat diadakan di sekolah-sekolah Tamil pada masa-masa yang akan datang.

Tuan Haji Gapar bin Gurrohu: Terima kasih, Tuan Yang diPertua. Soalan tambahan saya, sebagai rakyat di akar umbi di mana kita berdepan, kita sering kali dihujah bahawa negara sudah sekian lama merdeka. Pembangunan semakin pesat dan boleh dibanggakan dengan pembangunan kita tetapi sekolah-sekolah luar bandar masih belum selesai dengan masalah bekalan elektrik, bahkan kita dengar hari ini generator pun masih gagal dibekalkan. Kita rasa keadaan ini perlu lebih cepat diatasi sebab dengan ketiadaan komputer seperti kata Dato' Aziz tadi, anak-anak di pedalaman, di kampung-kampung, termasuklah anak-anak kita Orang Asli akan jauh tertinggal daripada rakan-rakan mereka yang berada di bandar yang mendapat serba-serbi kemudahan. Terima kasih.

Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir: Terima kasih, Yang Berhormat. Sebenarnya nama saya Dato' Mahadzir, bukan Dato' Aziz.

Dato' Abdul Aziz bin Abdul Rahman: Sebenarnya saya Dato' Aziz.
[Ketawa]

Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir: Jadi, saya ingat soalan itu ditujukan kepada Dato' Aziz, bukan Dato' Mahadzir. Jadi walau bagaimanapun, pagi-pagi ini kita maklumlah kita belum berkenalan lagi. [Ketawa] Saya juga terima apa yang telah disarankan oleh Yang Berhormat tadi mengenai bahawa kita sesudah merdeka ada lagi kawasan-kawasan yang agak tertinggal. Kita akui benda-benda seperti ini tetapi kalau dibandingkan keadaan sesudah merdeka atau selepas merdeka kita lebih jauh sudah ke hadapan jika dibandingkan beberapa tahun yang lalu. Walaupun ini masih terdapat dikatakan bahawa setengah-setengah kawasan tidak mendapat bekalan elektrik, kita juga di kementerian sedang berusaha seperti mana yang saya telah katakan tadi, kita berusaha secara gigih dengan kementerian-kementerian lain supaya kawasan-kawasan ini dibekalkan dengan elektrik dan harapan kita ialah pada satu masa nanti semua kawasan akan menikmati seperti kawasan-kawasan yang sudah membangun.

Mengenai dengan sekolah-sekolah Orang Asli kalau dibandingkan pada masa yang lampau, saya kira Kementerian Pendidikan telah pun mengambil langkah-langkah yang tertentu sehingga mengadakan asrama desa di mana kemudahan

terdapat seperti sekolah-sekolah yang lain. Jadi, kita tidak ada diskriminasi antara sekolah-sekolah bandar dan sekolah-sekolah luar bandar. Ini adalah kerana kerajaan bagi saya adalah sebuah kerajaan yang cekap dan sentiasa diberi sokongan padu oleh semua pihak terutama sekali kalau kita lihat daripada apa yang telah kita lakukan kerana itulah pihak Kerajaan Barisan Nasional sentiasa diberi mandat pada setiap kali kita ada pilihan raya.

Datuk Haji Karim bin Ghani: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. soalan tambahan. Memandangkan kerajaan membekalkan komputer ke sekolah-sekolah rendah dan keperluan kita untuk memperkenalkan komputer kepada anak-anak bangsa kita lebih awal, adakah kerajaan bercadang untuk membekalkan komputer kepada sekolah-sekolah di peringkat tadika atau peringkat kindergarten. Terima kasih.

Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir: Terima kasih Yang Berhormat Datuk Karim. Sebenarnya pihak kementerian sejak kebelakangan ini, kita tidak mahu ketinggalan dalam hal bidang teknologi maklumat. Sebab itu telah kita wujudkan sekolah bestari di mana pendekatan dalam menyampaikan ilmu pengetahuan ialah melalui komputer dan seperti mana yang saya sebutkan tadi bahawa kita cuba sedaya upaya untuk mewujudkan apa yang kita panggil celik komputer di kalangan pelajar-pelajar kita lebih awal lagi. Sebab itu kalau kita lawati, boleh dikatakan banyak sekolah di Semenanjung, di Sabah dan Sarawak, bukan kesemuanya maksud saya, telah pun dibekalkan dengan komputer, malah kita sedang berusaha lebih gigih lagi untuk memperluaskan penggunaan komputer di sekolah-sekolah rendah dan juga sekolah menengah. Sebagai pengetahuan Yang Berhormat, baru-baru ini lawatan saya ke Sekolah Menengah Kebangsaan Dengkil begitu menakjubkan sekali di mana kita kalau boleh lihat sebagai contoh mempunyai makmal komputer di mana segala-galanya telah dilakukan melalui komputer.

Jadi, sebagai soalan Datuk tadi, saya juga akan mengambil saranan Datuk tadi untuk kita sama-sama berusaha. Kalau boleh kita juga mahu perkenalkan komputer seawal-awal mungkin yang boleh tetapi di dalam Rancangan Malaysia Kelapan yang akan datang, kita mempunyai peruntukan yang besar di mana harapan kita ialah untuk membekalkan komputer-komputer ke sekolah-sekolah rendah dan menengah, insya-Allah.

3. **Dato' Tee Thiong Hock** minta Menteri Pertanian menyatakan mengapakah jualan padi oleh para petani dari negeri Selangor ke kilang beras dari negeri-negeri lain disekat, serta adakah kerajaan berhasrat hendak menarik balik sekatan ini.

Timbalan Menteri Pertanian [Dato' Seri Mohd. Shariff bin Haji Omar]:

Tuan Yang di-Pertua, setakat ini pemindahan padi keluar dari negeri Selangor dibuat dengan tujuan utamanya untuk memastikan kilang-kilang beras di Selangor terus mendapat bekalan padi yang mencukupi bagi menampung keperluan beras di negeri Selangor dan di Lembah Klang. Walau bagaimanapun, sekatan ini bukanlah merupakan sekatan sepenuhnya memandangkan pada musim kedua tahun 1999 yang lepas, kementerian telah membenarkan sebanyak 62,470 metrik tan padi dipindahkan keluar daripada negeri Selangor. Daripada keseluruhan pengeluaran sebanyak 112,500 metrik tan untuk dijual di kilang-kilang beras di luar negeri. Pada masa ini kerajaan tidak berhasrat untuk menarik balik sekatan pemindahan padi dari negeri Selangor ke negeri-negeri lain.

Tuan Tan Ek Huat: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Soalan Tambahan. Saya juga mendapat tahu bahawa negeri Perak juga mempunyai sekatan seperti tadi itu dan saya ingin tahu mengapakah kita tidak boleh memberi satu sistem yang berdasarkan kepada theory supply and demand, dengan izin. Adakah sekatan ini merupakan satu perlindungan kepada mana-mana pihak tertentu sebab bagi saya kita mesti ataupun kita pasti memberi persaingan yang saksama dan adil kepada semua pihak, kepada petani dan juga kepada pekilang. Terima kasih.

Dato' Seri Mohd. Shariff bin Haji Omar: Tuan Yang di-Pertua, saya ucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat. Pada asalnya tujuan sekatan padi antara negeri ke negeri dikenakan bagi tujuan untuk menentukan kilang-kilang padi di negeri-negeri yang berkenaan mendapat bekalan padi yang cukup.

Pada masa sekarang Tuan Yang di-Pertua, timbul masalah persaingan antara kilang-kilang padi yang ada, sama ada dalam negeri Selangor ataupun di luar negeri Selangor. Kerajaan telah menetapkan bahawa harga minimum padi pada tiap-tiap 100 kilogram ialah sebanyak RM55. Itu harga minimum.

Jadi, ada kilang yang bayar lebih daripada RM55. Walaupun saya kata tadi pada masa sekarang dasar kerajaan tidak membenarkan padi-padi daripada negeri Selangor ataupun negeri lain dipindahkan ke luar negeri, kerajaan dalam masa yang sama pada masa sekarang membenarkan kuota tertentu daripada keseluruhan keluaran

padi daripada sebuah negeri itu dipindahkan. Maknanya, boleh dijual kepada kilang-kilang di luar negeri. Umpamanya, sekarang ini di kawasan Sekincan kita benarkan 50% daripada pengeluaran padi di Sekincan itu boleh dijual kepada pengilang-pengilang di negeri-negeri lain. Kita bersedia menimbang untuk meningkatkan lagi, menambahkan lagi kuota ini. Mungkin boleh jadi 60, 30 – 60 boleh dijual di luar negeri ataupun sehingga 70%. Kalau kita hendak benarkan penjualan ini seterusnya tidak ada sekatan pada masa sekarang ini kementerian tidak berhasrat hendak memansuhkan peraturan ini.

Saya juga ingin maklumkan ada setengah kilang yang sanggup bayar dengan harga yang tinggi oleh kerana pada waktu-waktu yang tertentu kilang-kilang yang berkenaan, kita istilahkan masa rehat. Maksud saya masa rehat pada musim yang berkenaan, padi tidak terdapat di negeri-negeri yang berkenaan.

Jadi, sebagai hendak tanggung atau hendak menjaminkan kilang itu beroperasi, jadi bagi membolehkan kilang beroperasi perlu ada padi, maka timbullah di mana kilang-kilang ini sanggup bayar lebih sedikit dengan tujuan hendak mendapat bekalan padi.

Datuk Tee Thiong Hock: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah Kementerian Pertanian sedar bahawa baru-baru ini dalam dialog perjumpaan bersama petani-petani atau pengusaha-pengusaha penanam padi di Tanjong Karang, kali ini walaupun mereka tidak dapat apa jawapan yang konkrit, yang memuaskan. Cara perjumpaan dan dialog telah menjadi satu tanda insentif kepada mereka kerana kita semua sedar di Dewan yang mulia ini penanam padi di Selangor, khususnya di kawasan Sekincan dan Tanjong Karang nampaknya produktiviti yang paling tinggi sekali di negara kita dan kita tahulah mereka akan jadi contoh kepada penanam-penanam padi di seluruh negara kita. Tetapi oleh kerana sekatan ini mereka tidak dapat harga yang berpatutan.

Jadi, kalau kita mahu jadikan mereka contoh di negara kita, kita patut beri lebih insentif, bukan beri *disincentive*. Jadi, ini adalah satu perasaan yang begitu tidak memuaskan. Di sini saya juga mahu bertanya, adakah kementerian sedar penanam-penanam padi ini semua orang miskin. Mereka bercucuk tanam untuk mencari rezeki, tidak untung banyak. Pendapatan mereka bukan seperti kita di sinilah cukup rendah sekali.

Tuan Yang di-Pertua: [Bercakap tanpa pembesar suara] Sedikit sahajalah.

Datuk Tee Thiong Hock: Ya, betul. *[Disampuk]* Saya lebih dari mereka, saya berani cakap. *[Ketawa]* Walaupun saya hanya mendapat RM3,000 lebih sahajalah sebulan.

Jadi, saya harap, saya minta, saya tanya kementerian adakah sistem polisi untuk mengatasi situasi ini nampaknya kerana ada lebih permintaan beras untuk rice miller, adakah kita mempunyai satu sistem, satu formula untuk mengatasi dengan cara demand and supply, bukan dengan cara artificial. Ini artificial tidak patut berlaku di negara kita. Dengan cara artificial tidak bagus, cara yang kita kata demokratik iaitu meluaskan tempat-tempat untuk tanam padi ataupun mengurangkan kilang-kilang. There is only two way to solved this problem, the farmer must not suffer because of this things, they are already poor enough....

Tuan Yang di-Pertua: Minta kebenaran atau tidak?

Datuk Tee Thiong Hock: Dengan izin, ya. *[Ketawa]* Kita patut lebih peka kepada situasi yang mereka hadapi sekarang. Adakah kita ada cadangan untuk buka lebih tanah ataupun tutup kilang, satu sahaja pun cukup. Kalau satu tidak cukup, tutup dua. Jaminan efisiensi kilang-kilang ini. Terima kasih.

Dato' Seri Mohd. Shariff bin Haji Omar: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Yang Berhormat yang cukup peka, bukan pekak, bukan *[Ketawa]* Yang peka tentang masalah petani. Kita semua amat sensitif, saya pun anak seorang petani ya. Saya faham masalah pendapatan keluarga petani.

Jadi, dalam membantu golongan sasaran ini para petani ini, kerajaan kita telah menyediakan pelbagai peruntukan ataupun kemudahan di kawasan-kawasan jelapang padi ini termasuklah di Sekincan. Umpamanya, kalau untuk subsidi harga padi sahaja kerajaan telah menyediakan peruntukan sebanyak RM438 juta setahun, kemudian untuk subsidi baja padi 'RM136,000' juta. Jumlah kedua-dua ini yang kerajaan belanja sebanyak RM574,000 juta.....

Dato' Abdul Aziz bin Abdul Rahman: Tuan Yang di-Pertua, saya hendak minta penjelasanlah. Subsidi baja RM136,000 juta, saya rasa ini hundred and thirty six billion, dalam bahasa Inggerisnya. Jadi, adakah ini benar?

Tuan Yang di-Pertua: RM136?

Dato' Seri Mohd. Shariff bin Haji Omar: Sorry, RM136 juta *[Ketawa]* kemudian RM438 juta untuk subsidi harga padi. Jumlahnya RM574 juta bersamaan

dengan 52% daripada keseluruhan belanja mengurus kementerian. Ini hendak tolong petani-petani.

Jadi, soalan Yang Berhormat bangkitkan tadi bukan masalah petani di satu kawasan sahaja. Kita hendak kena tengok senarionya keseluruhan negara. Bukan kita datang ke sini kita hendak cakap tentang masalah petani di Sekincah sahaja tetapi kita kena lihat senario keseluruhannya. Petani-petani di tempat lain pun memohon perkara yang sama, oleh kerana itu saya telah sebutkan di awal tadi, pada masa sekarang kita benarkan padi di Sekincah, kita beri kuota tertentu untuk petani-petani jual kepada kilang-kilang di luar.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, daripada kuota yang kita beri pun ada 14,000 metrik tan lagi yang belum habis. Soalannya, kita bangkit soal tambah kuota, kuota yang kita beri pun belum dihabiskan lagi. Kementerian bersedia untuk menimbang supaya kuota ini ditingkatkan. Sekarang ini 50/50, kita bersedia hendak naikkan kuota 60% ke 40%, malahan boleh jadi sampai 70% sebelum kita hendak bincang, hendak timbang sama ada hendak hapuskan peraturan menyekat pemindahan penjualan padi daripada negeri Selangor ataupun negeri Perak ke luar negeri.

Jadi, saya harap Yang Berhormat dapat memahami kementerian memang peka dan kita sedang menimbang perkara ini. Sebagai langkah awal kita tingkatkan lagi kuota padi yang boleh dijual kepada kilang-kilang di luar negeri Selangor dan kalau didapati keadaan ini bersesuaian, kemungkinanlah kita kata tidak payah ada sekatan. Kita benarkan padi ini dijual di mana-mana kilang, biarlah pengilang-pengilang yang ada ini bersaing antara mereka.

4. **Puan Jamilah binti Ibrahim** minta Perdana Menteri menyatakan:

- (a) apakah tindakan yang diambil oleh wakil Kerajaan Malaysia di Arab Saudi dalam membantu para jemaah yang ditahan sebelum dihantar pulang ke tanah air baru-baru ini; dan
- (b) nyatakan taburan statistik bagi jemaah haji tahun 2000 yang mengikut rombongan Lembaga Urusan Tabung Haji dan swasta mengikut negeri. Berapakah kos kerugian sebenar Lembaga Urusan Tabung Haji akibat dari pertukaran saat akhir jemaah yang memilih pihak swasta untuk urusan haji mereka.

Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri [Tuan Haji Noh bin Haji Omar]: Tuan Yang di-Pertua, bahagian;

- (a) Apabila pihak Konsulat Malaysia di Jeddah diberitahu oleh Pihak Berkuasa Arab Saudi tertang penahanan jemaah dari Malaysia yang menggunakan Visa Umrah untuk mengerjakan haji, beberapa orang pegawai dari Konsulat telah pergi ke tempat tahanan sementara di Talhir, Jeddah.

Selain dari untuk mengenal pasi yang ditahan itu adalah rakyat Malaysia yang sah, pegawai Konsulat juga dengan kerjasama Pihak Berkuasa Arab Saudi cuba mendapatkan dokumen-dokumen perjalanan serta tiket penerbangan setiap jemaah bagi membuat pengurusan untuk dihantar pulang. Andai kata seseorang itu tidak mempunyai dokumen perjalanan, pihak Konsulat setelah mempunyai bukti yang terlibat adalah rakyat Malaysia akan mengeluarkan sijil kecemasan untuk membolehkan mereka pulang ke tanah air.

Bagi yang kehilangan tiket penerbangan pula, pada kebiasaannya Pihak Berkuasa Arab Saudi akan mengusahakan tiket pulang untuk jemaah yang terlibat. Di antara lain pihak Konsulat adalah sentiasa membantu hal-hal yang bersangkutan dengan kerja-kerja Konsulat bagi memastikan setiap rakyat Malaysia yang terlibat adalah di dalam keadaan yang baik dan selamat.

- (b) Tuan Yang di-Pertua, kalau saya hendak baca satu-satu negeri ini terlalu banyak. Jadi, boleh saya beri dengan Yang Berhormat pecahan tiap-tiap negeri Walau bagaimanapun, izinkan saya memaklumkan negeri yang teramai sekali dan bilangan jemaah iaitu daripada Kedah seramai 2,573 orang, daripada Perlis hanya ada 305 orang, jumlah keseluruhan ialah 21,213 orang jemaah haji yang telah menunaikan haji pada musim yang baru ini.

Jumlah tersebut di atas adalah bagi jemaah haji yang mengikut Tabung Haji dan syarikat swasta yang diluluskan oleh Tabung Haji sahaja. Tabung Haji tidak mengetahui bilangan jemaah

haji yang pergi secara bersendirian ataupun yang pergi melalui syarikat swasta yang tidak berdaftar dengan Tabung Haji.

Mengikut rekod tiada jemaah haji yang membatalkan pemergian haji di saat akhir kerana mengikut syarikat swasta yang tidak berdaftar dengan Tabung Haji. Jemaah haji yang pergi menunaikan haji melalui syarikat swasta, yang tidak berdaftar dengan Tabung Haji ialah jemaah haji yang tidak berdaftar dengan Tabung Haji dan mereka tidak terpilih di dalam kuota haji tahun 2000 Masihi. Terima kasih.

Tuan Haji Gapar bin Gurrohu: Soalan tambahan saya, terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Adakah Kerajaan Arab Saudi membenarkan mana-mana parti politik daripada mana-mana negara pun dalam dunia kibarkan bendera politik dan berarak semasa musim haji di Arafah mahupun di Mina.

Tuan Haji Noh bin Haji Omar: Tuan Yang di-Pertua, saya ingat Kerajaan Arab Saudi hanya berbincang dengan kerajaan kita mengenai kuota. Jumlah urusan untuk Kerajaan Malaysia menghantar jemaah-jemaah haji daripada Malaysia. Apabila sampai di sana itu adalah tugas Kerajaan Arab Saudi untuk memastikan bahawa jemaah-jemaah ini melanggar undang-undang ataupun tidak terutamanya maksud saya melanggar undang-undang Kerajaan Arab Saudi.

Jadi, sama ada mengibarkan bendera parti PAS ataupun mana-mana bendera bercanggah ataupun tidak dengan Kerajaan Arab Saudi, saya tidak dapat memberikan kepastian. Terima kasih.

Dato' Abdul Aziz bin Abdul Rahman: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ucapkan tahniah kepada pihak kerajaan kerana dapat menyelesaikan masalah-masalah yang timbul di mana ramai jemaah daripada Malaysia terkandas akibat daripada melanggar syarat-syarat di Arab Saudi. Tetapi malangnya perkara yang baik ini diputarbelitkan oleh Parti PAS terutamanya, yang mengatakan bahawa Kerajaan Malaysia kita ini bersubahat dengan Kerajaan Arab Saudi untuk hendak menangkap mereka ini yang seolah-olahnya diatur oleh PAS pergi ke sana, tidak tahu dengan cara mana. Lepas itu mengatakan kerajaan kita yang bersubahat dengan Kerajaan Arab Saudi menangkap mereka.

Jadi, seolah-olah Tuan Yang di-Pertua, saya hendak tanya pihak kerajaan adakah pihak kerajaan menuntut supaya orang yang mengatakan begitu minta maaf,

pertama kepada kita, kepada pihak kerajaan. Keduanya, adakah pihak kerajaan menyiasat di dalam Tabung Haji itu sendiri, adakah mereka yang membuat sabotaj, ini parti-parti, ahli-ahli yang tidak bersekongkol dengan kita ini, dengan Kerajaan Barisan Nasional membuat sabotaj kepada kerajaan kita yang membuat kerja-kerja yang baik ini dan memalukan kita. Saya hendak tahu adakah pihak kerajaan menyelesaikan masalah menengok dalam Tabung Haji itu sendiri adakah mereka ini semua bersimpati dengan dasar Kerajaan Barisan Nasional ataupun kita masih menampung pegawai-pegawai yang sentiasa memberikan sabotaj kepada kita.

Tuan Haji Noh bin Haji Omar: Terima kasih, Tuan Yang diPertua. Sebagaimana yang kita sedia maklum, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan pihak Tabung Haji juga telah membuat kenyataan bahawa penahanan jemaah-jemaah haji yang menyalahgunakan Visa Umrah untuk mengerjakan haji tidak ada kaitan langsung dengan Kerajaan Malaysia. Mereka pergi dengan urusan swasta pun tidak melibatkan pihak Tabung Haji.

Apabila pihak Kerajaan Arab Saudi membuat operasi seperti biasa, kerajaan kita juga selalu mengadakan operasi-operasi untuk menangkap ataupun menyiasat pendatang-pendatang tanpa izin. Saya difahamkan selalunya operasi ini dibuat oleh Kerajaan Arab Saudi selepas musim haji tetapi kali ini Kerajaan Arab Saudi mengubah taktik ini, mereka membuat operasi untuk menyiasat jemaah-jemaah yang menyalahgunakan visa sebelum musim haji.

Jadi, secara kebetulan sewaktu operasi itu dibuat bukan sahaja rakyat Malaysia yang ditahan, ramai lagi daripada rakyat negara lain. Sebab itu dalam jawapan saya tadi kita mengatakan bahawa pegawai-pegawai kita pergi memastikan bahawa yang kena tahan itu memang benar-benar rakyat Malaysia.

Mengenai tuduhan dari parti pembangkang Yang Berhormat ini perkara biasa. Parti pembangkang ini itulah kerja dia. Dia memanglah kalau 'perbankan tanpa faedah' itu untung, ini 'pembangkang tanpa faedah' ini yang susah ini. *[Ketawa]*

Jadi, ini memang sudah agenda dia, begitu juga yang dikata kibar bendera tadi. Nampaknya orang PAS ini dia lebih cintakan parti daripada negara. Kalau betul orang PAS ini sayang dan cintakan kepada negara, dia sepatutnya kibarkan bendera Malaysia, bukannya bendera parti.

Jadi, ini senator daripada – Naib Presiden PAS ada di sini tolong betulkan sedikitlah fahaman PAS ini *[Tepuk]* Jangan hendak 'menyelewengkan' agama

sahaja tetapi kesetiaan, cintakan negara itu lebih utama daripada cintakan parti. Jadi, itu sahaja Tuan Yang di-Pertua.

5. **Dato' Ting Check Sii** minta Menteri Kerja Raya menyatakan lokasi, kapasiti dan kos pembinaan hospital baru di Sri Aman dan Sarikei dan bilakah hospital baru ini dijangka akan siap dibina.

Menteri Kerja Raya [Dato' Seri S. Samy Vellu]: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat latar belakang pembinaan ke dua-dua hospital adalah seperti berikut:

- (i) Hospital Sri Aman terletak di daerah Sri Aman, kira-kira satu kilometer dari Bandar Sri Aman. Keluasan tapak hospital adalah 20.64 hektar. Kapasiti hospital iaitu 268 buah katil dengan perkhidmatan sekunder, dengan izin, secondary care.....

Tuan Yang di-Pertua: Secondary?

Dato' Seri S. Samy Vellu: ...secondary care...

Saya tidak tahu siapa semak ini. Ini bahasa pun saya percaya lebih baik kita guna dalam Bahasa Malaysia sendiri tetapi

Tuan Yang di-Pertua: Bahasa Malaysianya apa?

Dato' Seri S. Samy Vellu: Ini bahasa Inggeris sudah mengambil alih dari bahasa Malaysia sekarang, Tuan Yang di-Pertua. Bila-bila masa pun saya bantah sahaja.

Tuan Yang di-Pertua: Bahasa Malaysia apa?

Dato' Seri S. Samy Vellu: Dia tulis 'sekunder' – s-e-k-u-n-d-e-r. Sekunder kata 'secondary care'. [Ketawa]

Tuan Yang di-Pertua: Siapa punya terjemah itu?

Dato' Seri S. Samy Vellu: Ya. Kos pembinaan projek belum dapat dipastikan, walau bagaimanapun, anggaran kos adalah selaras dengan kos Hospital Lahad Datu di Sabah iaitu sebanyak RM208 juta. Jangka siap tahun 2003 atau 2004.

Jawapan bagi soalan (b) iaitu Hospital Sarikei, lokasi Hospital Sarikei terletak sejauh tiga kilometer dari bandar Sarikei iaitu berdekatan dengan Sungai Batang Rajang, hospital ini juga berkedudukan berhampiran dengan jalan besar yang menuju ke projek perumahan kos rendah Sarikei, kawasan perindustrian ringan Sarikei dan juga jalan raya yang menghubungkan Tanjung Manis dan Belawai.

Tuan Yang di-Pertua, kapasiti hospital ini, 268 katil dengan skop perkhidmatan iaitu sekunder sekali lagi, secondary service care. Kos pembinaan belum dapat dipastikan walau bagaimanapun, anggaran adalah selaras dengan kos Hospital Lahad Datu iaitu di Sabah iaitu RM208 juta. Jangka siap projek ini iaitu dijangka siap dalam tahun 2003 atau 2004.

Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat juga, projek pembinaan kedua-dua hospital ini akan dilaksanakan secara joint venture, dengan izin, iaitu di antara syarikat satu gabungan di antara dua syarikat iaitu di antara Syarikat United Engineers Malaysia Berhad (UEM) dengan Perbadanan Kemajuan Ekonomi Negeri Sarawak.

Projek hospital ini telah diputuskan Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri dan Perbendaharaan Malaysia untuk dilaksanakan secara runding terus dan konsep binaan adalah secara turnkey, dengan izin, meliputi bidang-bidang. Jawapan saya adalah dalam bahasa Inggeris, dengan izin, "Design construction, equipment commissioning" dan juga "equipment maintenance". Saya percaya kita boleh juga menterjemah ini dalam bahasa Malaysia, iaitu reka bentuk pembinaan, membekal alat-alat perubatan dan juga penyelenggaraan, dalam bahasa Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, mengikut rancangan pada minggu ketiga bulan Jun 2000, syarikat konsesi akan menghantar kertas cadangan kepada kementerian ini dan pihak kementerian akan meneliti sepenuhnya dalam bidang teknikal termasuk cadangan harga. Sekiranya tidak ada apa-apa masalah, kerja-kerja pembinaan kedua-dua hospital ini boleh dilaksanakan pada bulan Ogos 2000. Tempoh siap projek ini mengikut jangkaan adalah di antara 36 hingga 40 bulan iaitu tahun 2004.

Dato' Abdul Aziz bin Abdul Rahman Tuan Yang di-Pertua, saya hendak ucapkan tahniah kepada Yang Berhormat Menteri kita yang bukan sahaja memberikan jawapan yang penuh dengan fakta-fakta yang tepat, tetapi 'sokmo', cakap bahasa kita ini datang ke Dewan Negara ini untuk memberikan jawapan secara bersendirian.
[Tepuk]

Seorang Ahli: Sokmo!

Dato' Abdul Aziz bin Abdul Rahman: 'Sokmo' ini bahasa Pahang pun macam itu jugalah, Terengganu ya.

Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan saya, sungguhpun ianya tidak berkait secara langsung dengan hospital-hospital di Sarawak, saya hendak hubungkaitkan

dengan hospital di Pahang. Saya ingin mengetahui dari pihak kementerian, terutama Hospital Temerloh, kenapa Hospital Temerloh ini tergendala, siapakah kontraktor-kontraktor yang mula sekali diberi untuk membuat kerja-kerja kerana saya difahamkan banyak hospital pada suatu waktu dahulu diberikan kepada kontraktor konsortium dan siapakah mereka ini kerana lepas itu dikatakan mereka gagal untuk menjalankan kerja-kerja sehinggakan menggagalkan projek-projek dan melambatkan projek-projek seperti juga Hospital Temerloh. Yang Berhormat Menteri saya ingat mesti mengetahuinya, saya hendak tahu siapakah mula-mula sekali, kepada siapa kontrak ini diberi dan kenapa ianya gagal bukan di Hospital Temerloh, saya difahamkan konsortium-konsortium ini diberi peluang untuk membuat banyak hospital, kita hendak tahu siapa mereka ini dan kenapa mereka gagal menjalankannya?

Dato' Seri S. Samy Vellu: Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Kewangan telah memutuskan dalam tahun 1996 bersama-sama dengan Unit Perancang Ekonomi untuk membina lebih daripada 16 hospital di beberapa kawasan iaitu di negeri-negeri. Satu dari itu ialah Hospital Temerloh. Hospital Temerloh itu menjadi sebuah hospital yang saya percaya akan dibina tidak lama lagi oleh kerana walaupun kita merancang dalam tahun 1996, pada tahun 1997 dan tahun 1998 kita menghadapi kegawatan ekonomi oleh kerana beberapa projek telah ditangguhkan oleh kerajaan.

Baru-baru sahaja saya ingat lebih kurang empat bulan yang lalu, Yang Berhormat Menteri Kewangan telah mengarah Kementerian Kerja Raya untuk membincang dengan kontraktor berkenaan dengan pembinaan Hospital Temerloh. Saya percaya rundingan pertama akan diadakan di kementerian saya, selepas itu kita akan menerima reka bentuk dan butir-butir yang lain untuk membincang berkenaan dengan penutupan masalah kewangan. Jadi, selesai itu, saya percaya kita boleh juga mula dengan kerja ini.

Tuan Abdillah bin Abdul Rahim: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih, saya ingin juga mengucapkan tahniah kepada Yang Berhormat Menteri kerana memberi jawapan yang begitu lengkap. Walau bagaimanapun, saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Menteri, sama ada kontraktor-kontraktor kecil tempatan akan juga diberi peluang untuk mendapat kerja-kerja pembinaan yang kecil dalam usaha tersebut kelak.

Dato' Seri S. Samy Vellu: Tuan Yang di-Pertua, pembinaan hospital ini kontraktor mesti mengadakan beberapa kepakaran. Walau bagaimanapun, kerja-kerja struktur dan kerja-kerja tanah dan lain-lain akan diserahkan kepada kontraktor-kontraktor kecil oleh syarikat konsesi ini. Saya percaya, dalam keputusan itu kontraktor-kontraktor bumiputera yang kecil boleh juga diberi peluang untuk menjalankan kerja.

6. Dato' Abdul Aziz bin Abdul Rahman [Di bawah P.M. 23(2)] minta Perdana Menteri menyatakan sebab-sebab banjir kilat sering berlaku akhir-akhir ini di beberapa tempat di Kuala Lumpur hingga menyebabkan kesesakan lalu lintas dan kerugian harta benda yang musnah akibat banjir ini. Bilakah pihak Dewan Bandaraya dapat mengatasi perkara ini.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Tengku Dato' Seri Azlan ibni Sultan Abu Bakar]: Tuan Yang di-Pertua, punca utama berlakunya banjir kilat di beberapa tempat di Kuala Lumpur kebelakangan ini adalah akibat dari kerja-kerja pembinaan projek Lebuhraya Bertingkat Ampang ke Kuala Lumpur yang dilaksanakan di dalam rizab Sungai Klang serta projek penyaluran Sungai Klang yang kini sedang giat dijalankan. Halangan dan sekatan dari kerja-kerja pembinaan di dalam rizab sungai ini telah mengakibatkan paras air melimpahi tebingnya serta memecahkan beberapa bahagian ban sementara di sungai tersebut. Ini telah mengakibatkan beberapa kawasan yang berdekatan ditenggelami air.

Kejadian banjir, khususnya di kawasan pusat bandar pula adalah berpunca dari halangan-halangan yang terdapat di tebing atau di dalam rizab sungai itu sendiri. Terdapat banyak struktur-struktur seperti kedudukan Stesen LRT (STAR) Masjid Jamek, tiang-tiang landasan LRT dan jambatan-jambatan sedia ada yang terlalu rendah yang mengganggu aliran air.

Pada masa ini Jabatan Pengairan dan Saliran yang merupakan agensi utama kerajaan yang bertanggungjawab untuk melaksanakan projek-projek tebatan banjir di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur sedang menjalankan kajian terhadap projek pembinaan Sungai Klang dari Jambatan Sultan Ismail ke Jambatan Sultan Sulaiman. Projek ini adalah di bawah Rancangan Tebatan Banjir Lembah Sungai Klang.

Di samping itu, beberapa langkah juga telah diambil oleh Dewan Bandaraya Kuala Lumpur untuk mengatasi masalah banjir di Kuala Lumpur. DBKL dalam

usaha mempertingkatkan sistem saluran kota, mempunyai program berterusan untuk memperbesar dan mendalamkan parit yang sedia ada di Kuala Lumpur. Dalam hubungan itu, di antara tahun 1995 hingga 1999, DBKL telah membelanjakan sebanyak RM130.8 juta untuk membangunkan sistem parit induk di Kuala Lumpur dan 43 kawasan tebatan yang telah dipertingkatkan telah menghasilkan pengurangan risiko banjir.

DBKL akan berusaha untuk meneruskan program mempertingkatkan sistem saluran kota supaya mengurangkan masalah banjir di Kuala Lumpur.

Tuan Haji Gapar bin Gurrohu: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih, soalan tambahan saya, saya rasa Jabatan Perdana Menteri turut sedar bahawa banjir kilat sekarang ini bukan sahaja melanda Kuala Lumpur, bahkan di mana-mana kawasan perumahan. Ini adalah kerana perparitan yang tidak setara kerana projek pembangunan perumahan berlaku di sana sini pada kadar masa yang berbeza. Jadi, parit ini tidak dibuat mengikut sewajarnya. Pemaju-pemaju perumahan hanya membuat perparitan ini untuk melepaskan air di tempat masing-masing. Maka di sinilah air tidak dapat mengalir dengan betul dan yang menjadi mangsanya ialah kawasan sekeliling.

Mereka ini ada yang telah lama menderita masalah-masalah banjir dan setiap kali musim hujan dan kerugian harta benda, kepayahan yang telah berlaku kepada mereka ini. Adakah pihak kerajaan akan mengambil berat dan memantau pembinaan saluran dan saliran air ataupun parit supaya ianya terus ke sungai ataupun dapat mengelakkan banjir kilat berlaku di kawasan-kawasan perumahan?

Tengku Dato' Seri Azlan ibni Sultan Abu Bakar: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih. Yang sebenarnya Dewan Bandaraya Kuala Lumpur adalah agensi yang bertanggungjawab terhadap pembangunan sistem parit induk iaitu parit monsun, bertujuan untuk mengurangkan risiko banjir kilat di kawasan tempatan tertentu di dalam Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur.

Projek-projek perparitan adalah meliputi pembesaran dan pembaikan sistem parit induk yang sedia ada yang dilaksanakan melalui peruntukan di bawah belanjawan tahunan. Pelaksanaan projek-projek perparitan DBKL ini telah membantu JPS di dalam melaksanakan projek-projek tebatan banjir di dalam Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur.

Dato' Abdul Aziz bin Abdul Rahman: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Banjir selalunya mengakibatkan kerosakan jalan. Jadi, saya hendak bertanya kepada pihak kerajaan, adakah pihak DBKL mempunyai petugas-petugas penyelenggaraan untuk meronda di kawasan jalan-jalan di Kuala Lumpur ini bagi memastikan yang rosak diperbaiki dengan secepat mungkin kerana saya perhatikan keadaan lepas sahaja banjir, Tuan Yang di-Pertua, jalan ini berlubanglah, kadang-kadang` lubang itu ditutup dengan kayu menandakan lubang itu ada di situ. Ini di jalan raya ini, lepas itu kita lalu mengelakkan kayu ataupun kadang-kadang ada dahan mati diletakkan di dalam lubang supaya menunjukkan ini lubang. Jadi, kadang-kadang ianya berterusan sehingga berminggu-minggu.

Jadi, saya hendak bertanya pihak DBKL adakah petugas, dahulu saya sudah pernah bertanya di sini di Dewan yang mulia ini, tetapi menteri yang bertanggungjawab sudah tidak ada dah, dia kata ini bukan tanggungjawab JKR, ini tanggungjawab DBKL. Jadi, berapa ramai petugas-petugas di DBKL yang pergi setiap pagi meronda jalan-jalan di Kuala Lumpur untuk menentukan setiap kerosakan diambil tindakan agak segera dan berapakah belanja budget yang ada di DBKL untuk menyelesaikan penyelenggaraan jalan-jalan ini dan adakah ianya dibuat sendiri atau diberikan kepada pihak swasta untuk mengendalikan penyelarasan jalan-jalan ini.

Tengku Dato' Seri Azlan ibni Sultan Abu Bakar: Tuan Yang di-Pertua, untuk menjawab soalan Ahli Yang Berhormat tadi, rasa saya ini adalah sentiasa dilakukan oleh pihak DBKL, tetapi untuk kehendak Yang Berhormat iaitu sesuatu angka atau bahawasanya ada kegiatan untuk memantau keadaan di kawasan Kuala Lumpur ini apabila berlakunya banjir yang mana beberapa pegawai yang khusus diarahkan untuk bertindak untuk menyelesaikan masalah-masalah lubang-lubang yang telah berlaku semasa banjir itu, saya tidak dapat angka-angka dari segi pegawai-pegawai yang bertanggungjawab setakat hari ini. Insya-Allah, kalau diperlukan oleh Ahli Yang Berhormat, saya akan membuat jawapan itu dan memberikan angka-angka dengan secara bertulis. Terima kasih.

7. Dato' Lee Pit Chern minta Menteri Dalam Negeri menyatakan bagaimanakah kadar pengurangan penagih yang didakwa berkurangan pada tahun 1999 ditentukan dan apakah langkah-langkah segera yang diambil oleh pihak kementerian ini untuk terus memastikan jumlah mereka yang menagih akan berkurangan setiap tahun.

Timbalan Menteri Dalam Negeri [Dato' Zainal Abidin bin Zin]: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, bahawa sistem maklumat dadah kebangsaan, agensi dadah kebangsaan, Kementerian Dalam Negeri telah mendaftar semua penagih dadah yang dikenal pasti sama ada melalui tangkapan polis atau mereka yang menerima rawatan di hospital. Daripada statistik yang dikumpul ini, didapati bilangan penagih dadah pada tahun 1999 berkurangan berbanding dengan tahun 1998.

Pada tahun 1999 seramai 35,359 orang penagih dadah telah dikesan berbanding seramai 37,588 orang pada tahun 1998. Ini bermakna bilangan penagih yang dikesan pada tahun 1999 telah berkurangan seramai 2,229 orang atau 5.2% berbanding tahun 1998.

Di antara langkah-langkah segera yang diambil oleh pihak kementerian untuk terus memastikan jumlah mereka yang menagih akan berkurangan setiap tahun ialah mengadakan program pendidikan pencegah melalui kurikulum sekolah, maktab, institusi pengajian tinggi dan kempen ceramah, bengkel serta ujian urine ataupun air kencing di tempat-tempat yang di mana mereka telah ditangkap ataupun dikesan.

Kempen kesedaran melalui televisyen, radio dan ceramah kepada masyarakat di tempat-tempat yang tertentu seperti kepada kumpulan-kumpulan pekerja di kilang dan juga belia-belia, beliawanis serta program bertemu dengan ibu bapa dan termasuk pencegahan sekatan di tempat-tempat sempadan kemasukan daripada negara jiran.

Kerajaan juga telah mempertingkatkan tindakan penguatkuasaan di bawah kawasan-kawasan perairan dan jalan-jalan darat yang digunakan oleh penyeludup-penyeludup dadah. Polis Diraja Malaysia telah melancarkan operasi tertumpu kepada kegiatan penyeludupan di sempadan di lima buah negeri iaitu di Perlis, Kedah, Pulau Pinang, Perak dan Kelantan.

Mengadakan pengawasan oleh pihak polis dan penyeliaan oleh pegawai-pegawai agensi dadah kebangsaan selama dua tahun terhadap penagih-penagih yang keluar dari pusat-pusat serenti dan penagih-penagih yang diletakkan dalam komuniti supaya mereka tidak mengulangi tabiat menagih lagi. Kerajaan juga berhubung rapat dengan negara-negara jiran dan pertubuhan-pertubuhan antarabangsa untuk menyekat kemasukan dadah-dadah daripada negara-negara jiran.

Tuan Haji Rosli bin Mat Hassan: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua, lima kali bangun hari ini baru boleh, terima kasih. Penagih-penagih yang dibuat tangkapan

oleh polis ataupun diarahkan oleh kementerian atau mana-mana agensi yang bertanggungjawab kepada penagih-penagih dadah ini saya dapat tahu banyak, boleh dikatakan pada keseluruhannya lokap-lokap di tiap-tiap balai polis di daerah-daerah lambat diuruskan untuk dihantar ke destinasi yang tertentu. Jadi, setengahnya mempunyai banyak penyakit kita tidak dapat confirm, dengan izin, penyakit-penyakit yang dihadapi tetapi pegawai-pegawai polis yang memang menjadi tanggungjawab dan tugas mereka, t saya pernah diberi peluang untuk melawat beberapa lokap bahawa mereka disimpan di lokap-lokap di balai polis ini begitu lama dan menimbulkan masalah kepada pegawai-pegawai polis yang menjaga lokap.

Apakah strategi ataupun pendekatan kementerian supaya penagih-penagih dadah yang berpenyakit ini tidak disimpan di lokap di peringkat daerah-daerah tetapi dibuat satu kawasan yang sesuai supaya anggota polis kita, walaupun tugas mereka begitu tetapi dapat meneruskan tugas-tugas mereka dalam hal-hal ataupun agenda yang lain. Terima kasih.

Dato' Zainal Abidin bin Zin: Tuan Yang di-Pertua, perkara ini kita tidak dapat menolak atas sebab-sebab yang tertentu daripada segi kajian bagi menentukan bahawa tuduhan terhadap mereka itu adalah satu tuduhan yang benar, terutama sekali untuk menentukan bahawa ujian air kencing mereka itu dipastikan bahawa mereka adalah penagih. Bagi mendapat ujian ini, satu unit yang ada di dalam negara kita dan kadang kala alat-alat ini terdapat kerosakan maka ujian ini tidak dapat dilakukan oleh sebab itulah tergendala pada masa-masa yang tertentu, tetapi Kementerian Dalam Negeri memastikan semua tangkapan yang telah dibuat akan ditempatkan setelah mereka dijatuhkan hukuman dan sebagainya di tempat-tempat sama ada di dalam penjara ataupun diletakkan di pusat-pusat serenti.

Tuan Abdillah bin Abdul Rahim: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya apakah langkah-langkah yang telah diambil oleh kerajaan untuk mengawal penjualan gam kerana setakat ini gam ini masih lagi bebas dijual. Sekian, terima kasih.

Dato' Zainal Abidin bin Zin: Penemuan hidu gam ini telah berlaku dalam jangka masa yang singkat baru-baru ini di mana tiga orang pemuda telah mati disebabkan menghidu gam, satu jenis yang dikenal pasti sebagai yang boleh merosakkan saraf di dalam badan dan kita mengambil tindakan untuk mengawal

penjualan ini mengikut peraturan-peraturan yang kita rangka dan akan kita tentukan kepada pengeluar dan pendedarnya sekali.

Tuan Haji Karim bin Salleh: *[Bangun]*

Datuk Zainudin bin Maidin: *[Bangun]*

Tuan Yang di-Pertua: Sana dahulu ya, fasal dekat payah nampak, jauh nampak.

Datuk Zainuddin bin Maidin: Tuan Yang di-Pertua, dalam hubungan mengenai gam ini, maafkan saya kerana saya tidak teringat, saya telah membaca sebuah rencana yang mengatakan ada kilang di Malaysia yang membuat gam dan pekerja-pekerja yang bekerja di bahagian gam ini tidak mahu lagi dipindahkan ke bahagian lain. Jadi adakah kerajaan menyedari keadaan ini yang mungkin juga secara tidak langsung dengan bekerja di tempat yang demikian telah mencandui mereka dan akan membahayakan kesihatan mereka dan mungkin mereka juga akan akhirnya menjadi sebahagian daripada penagih.

Dato' Zainal Abidin bin Zin: Tuan Yang di-Pertua, ada dua persoalan yang timbul di sini. Satu, pekerja tidak mahu berpindah ataupun pekerja tidak dibenarkan untuk berpindah. Daripada persoalan yang ditimbulkan pekerja tidak mahu dipindah, mesti ada sebab-sebab yang tertentu, sama ada bayarannya baik ataupun dia menjadi ketagih. Tentang peraturan-peraturan bekerja di kilang-kilang ini tidaklah menjadi tanggungjawab Kementerian Dalam Negeri tetapi kalau perkara ini sebenarnya dan kita mendapat aduan, Tuan Yang di-Pertua, kita akan menyiasat perkara ini dan kita akan menentukan supaya bantahan terhadap apa yang telah dibangkitkan atau saranan yang telah dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat ini dapat kita atasi.

Tuan Yang di-Pertua: Tuan Haji Karim.

Tuan Haji Karim bin Salleh: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Berkaitan dengan menghidu gam, soalnya mengapakah kerajaan tidak boleh mewujudkan undang-undang seperti mana kita kenakan kepada penghidap ataupun penagih-penagih dadah? Sekian, terima kasih.

Dato' Zainal Abidin bin Zin: Mengadakan undang-undang satu perkara, menghormati undang-undang satu perkara. Walaupun ada undang-undang terutama sekali dalam masalah dadah, kita masih terdapat banyak lagi penagih dadah di negara kita dan kita berusaha untuk menangkap kemudian memulihkan mereka ini dengan belanja yang begitu banyak.

Dalam masalah gam ini kita baru bertemu dengan satu kejadian yang saya sebutkan tadi dan saya telah maklumkan di Dewan ini bahawa kita sedang merangka satu peraturan supaya kita dapat mengawal daripada segi pengeluarannya, daripada segi penggunaannya, tetapi seperti yang saya katakan tadi Tuan Yang di-Pertua, kita ada undang-undang pun, kalau mereka masih mengambilnya dengan secara haram, kita hanya dapat mengetahui apabila ianya menjadi satu kemudaratan kepada mereka sendiri.

[Soalan No. 8 – Y.B. Datuk Haji Kasim bin Mh. Yusop tidak hadir]

9. **Tuan Zakaria bin Arshad** minta Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat menyatakan peratusan penduduk Malaysia yang tergolong sebagai warga tua “usia emas” dan apakah langkah-langkah jangka panjang dan jangka pendeknya yang telah dan yang akan diambil oleh kementerian dalam usahanya untuk mempertingkatkan taraf kebajikan bagi golongan ini di seluruh negara.

Setiausaha Parlimen Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat [Dato S. Veerasingam]: Tuan Yang di-Pertua, saya ucapkan terima kasih. Tuan Yang di-Pertua, berdasarkan kepada perangkaan yang dikeluarkan oleh Jabatan Perangkaan Negara melaporkan bahawa warga tua yang berumur 60 tahun ke atas di negara ini sekarang ialah sebanyak 6% dari jumlah penduduk seramai 22.7 juta orang iaitu lebih kurang 1.2 juta warga tua. Meskipun beberapa langkah jangka pendek dan jangka panjang telah diambil oleh Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat bagi mempertingkatkan taraf kebajikan golongan warga tua, kementerian melalui JKM telah merangka dan melaksanakan pelan jangka pendek bagi menjamin kesejahteraan golongan warga tua. Antara pelan jangka pendek ini seperti golongan warga tua yang berada di dalam kategori miskin diberikan bantuan bulanan, kemudahan tempat tinggal di institusi penjagaan warga tua, geran tahunan kepada pertubuhan-pertubuhan sukarela yang mentadbirkan rumah-rumah ataupun pondok-pondok warga tua di seluruh negara.

Manakala bagi perancangan jangka panjang kementerian ini telah menubuhkan Majlis Penasihat dan Perundingan Warga Tua Kebangsaan bagi merealisasikan Dasar Warga Tua Negara yang telah diluluskan oleh kerajaan pada tahun 1995. Pelan ini menggariskan matlamat untuk memberikan kesejahteraan

hidup kepada semua lapisan masyarakat warga tua di negara ini. Bagi melaksanakan pelan tindakan Dasar Warga Tua Negara, pendekatan secara makro dan bersepadu antara pelbagai agensi kerajaan, pertubuhan sukarela dan sektor swasta dilibatkan secara bersama dengan menyediakan program dan aktiviti yang bersesuaian kepada warga tua. Terima kasih.

10. **Puan Safinah binti Jusoh** minta Menteri Pengangkutan menyatakan adakah cadangan pembesaran Lapangan Terbang Kuala Terengganu akan diteruskan. Sekiranya diteruskan, bilakah projek ini akan dimulakan.

Timbalan Menteri Pengangkutan [Tan Sri Dato' Seri Diraja Ramli bin Ngah Talib]: Tuan Yang di-Pertua, projek peningkatan taraf Lapangan Terbang Kuala Terengganu akan dilaksanakan seperti mana yang telah dijanjikan oleh kerajaan. Kerja-kerja pembinaan akan dimulakan setelah selesai proses menimbang tender bagi kerja-kerja kontrak berkenaan dan tawaran muktamad diberi oleh kerajaan.

Selain daripada meningkatkan taraf Lapangan Terbang Kuala Terengganu secara amnya, kerja-kerja ini juga boleh menampung operasi pesawat B747-400 secara terkawal dan juga ke destinasi-destinasi yang terkawal oleh pesawat yang berkenaan. Skop kerja projek di bahagikan kepada dua pakej yang terdiri daripada bangunan, pentadbiran, menara, peralatan bomba dan pagar keselamatan, jalan keselamatan landasan lapangan terbang, perparitan dan juga kerja-kerja yang lain termasuklah kerja-kerja tanah, perparitan dan juga kerja-kerja pembedungan dan aspek-aspek elektrik.

Dato' Abdul Aziz bin Abdul Rahman: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengetahui daripada pihak kerajaan apakah fakta-fakta yang mendorong pihak kerajaan membuat Lapangan Terbang Antarabangsa di Terengganu kerana pada suatu ketika dahulu semasa saya di Dewan yang lain pernah saya menyatakan Kuantan, mohon izin, sebagai *the gateway to the East* kerana pada waktu itu Kuantan digunakan untuk membawa pelancong-pelancong secara langsung daripada Taiwan, Korea, direct flight, mohon izin, Tuan Yang di-Pertua, dan sudah pun berkembang dengan baik tetapi baru-baru ini saya dengar dipilih Terengganu untuk dijadikan Lapangan Terbang Antarabangsa untuk boleh menarik pelancong-pelancong secara direct, apa hendak di tengok di Terengganu sekarang ini - turtle, penyu pun telah

dirobohkan. Jadi saya tidak faham apakah alasan kerajaan hendak buat di Terengganu.

Tuan Rosli bin Mat Hassan: Tuan Yang di-Pertua, bagi pihak Timbalan Menteri saya jawab. *[Ketawa]* Saya rasa tahun lepas kita telah berbincang perkara ini di Dewan yang mulia ini kerana ada satu majlis kaji selidik telah dijawab oleh Kementerian Pengangkutan sebelum ini iaitu Terengganu adalah merupakan central point, dengan izin, untuk ketiga-tiga negeri yang secara langsungnya menjadi fokus.

Dato' Abdul Aziz bin Abdul Rahman: Saya hendak kerajaan menjawab, bukannya wakil daripada kontraktor-kontraktor Melayu.

Tan Sri Dato' Seri Diraja Ramli bin Ngah Talib: Tuan Yang di-Pertua, saya bersetuju dengan Yang Berhormat tadi kerana perkara ini telah pun diputuskan dan telah dipersetujui setelah menjalankan kajian secara terperinci. Yang keduanya, kalau kita lihat dari segi trafik ataupun penumpang-penumpang yang menggunakan Lapangan Terbang Kuala Terengganu ini memang sudah meningkat pada tahun 1998 terdapat 272,618 penumpang pada hal pada tahun 1999 terdapat 297, 271 penumpang yang menggunakan Lapangan Terbang Kuala Terengganu ini. Ini merupakan peningkatan sebanyak 9%. Jadi, dengan itu sahaja boleh memberi sebagai asas pembinaan ataupun peningkatan keupayaan Lapangan Terbang Kuala Terengganu ini.

Lagi pun, ini akan meningkatkan keupayaan untuk membawa penumpang-penumpang serta juga pelancong-pelancong ke Terengganu, ke Pahang dan juga ke Kelantan serta ianya juga akan memberi perkhidmatan sebagai satu infrastruktur juga kepada kawasan-kawasan industri yang akan dibina di Terengganu dengan adanya Petronas dan dengan adanya industri berasaskan kepada minyak dan Lapangan Terbang ini adalah diperlukan dan sesuai dibuat oleh kerajaan.

Dato' Abdul Aziz bin Abdul Rahman: Tambah sedikit, Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan Barisan Nasional demokratik sekali sungguhpun Terengganu diambil oleh PAS tetapi kita buat juga projek besar.

Tuan Rosli bin Mat Hassan: Saya sokong. *[Ketawa]*

To' Puan Wan Seri @ Wan Asiah binti Ahmad: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua, saya bukan bagi pihak Menteri tetapi bagi pihak rakyat Terengganu yang telah berjuang selama 40 tahun untuk mendapatkan Lapangan Terbang Internasional

di Terengganu, alhamdulillah, telah berjaya kerana ini nasib rakyat Terengganu, jangan lupa dan saya minta Yang Berhormat Menteri dan kerajaan jangan berdolak-dalik lagi. Ini adalah perjuangan Barisan Nasional. Terima kasih. *[Tepuk]*

11. **Datuk Zainudin bin Maidin** minta Perdana Menteri menyatakan:-

- (a) bilakah kerajaan akan mengambil langkah mewajibkan penggunaan Bahasa Malaysia bagi dokumen jualan dan sewa beli memandangkan kalangan swasta dan lain-lain yang terlibat tidak begitu mengambil berat terhadap tanggungjawab ini; dan
- (b) apakah terdapat perubahan sikap atau kemajuan dalam penggunaan Bahasa Malaysia sejak menteri berkenaan membuat kenyataan di Sabah pada 7 Mac 2000 bahawa beliau tidak menetapkan jadual masa tetapi mengharapkan pihak yang terlibat mengambil inisiatif sendiri dalam memastikan penggunaan Bahasa Malaysia untuk dokumen urusan jual dan sewa beli.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Dr. Rais bin Yatim]: Tuan Yang di-Pertua, bagi menjawab soalan:-

- (a) Kerajaan sudah pun bertindak supaya dokumen-dokumen jual beli rumah, insurans, pajak gadai dan lain-lain diperbuat dalam versi Bahasa Kebangsaan. Sebagaimana dimaklumkan dalam perkara 152 Perlembagaan Persekutuan memartabatkan Bahasa Melayu sebagai Bahasa Kebangsaan dan bahasa rasmi negara ini. Di samping memaktubkan dengan jelas bahawa Bahasa Melayu hendaklah digunakan bagi semua maksud rasmi perkara 152 Perlembagaan Persekutuan tetap menjamin dan melindungi kebebasan mana-mana pihak untuk menggunakan bahasa lain bagi apa-apa maksud yang tidak bersifat rasmi.

Ungkapan maksud rasmi ditakrifkan dalam fasal 6 perkara 152 Perlembagaan Persekutuan sebagai

merangkumi apa-apa maksud kerajaan sama ada Kerajaan Persekutuan atau kerajaan negeri dan apa-apa maksud sesuatu pihak berkuasa awam. Perkembangan pesat Bahasa Melayu dalam kehidupan seharian kita dan dalam pelbagai bidang sememangnya telah jelas kelihatan. Hasil gigih kerajaan dan pihak-pihak yang berwibawa dalam aspek kebahasaan yang berusaha untuk mendapatkan sokongan padu daripada semua lapisan masyarakat di negara ini agar bersama-sama menghormati, mendukung dan mengutamakan Bahasa Kebangsaan.

Dokumen jualan barang dan sewa beli bukanlah dokumen dibuat bagi maksud rasmi mengikut makna yang diberikan dalam fasal 6 perkara 152 Perlembagaan Persekutuan. Namun demikian kerajaan memandang berat bahawa urusan niaga dan transaksi yang berkaitan sedemikian perlu juga dirangkul bersama dan dijadikan sebagai dasar agar akhirnya jual beli, sewa, dokumen-dokumen pajakan dan berkaitan dengan insurans ditakluki dengan penggunaan Bahasa Kebangsaan.

- (b) Tuan Yang di-Pertua, kerjasama pelbagai pihak seperti Persatuan Pembangunan Perumahan, pajak gadai, syarikat syarikat insurans dan lain-lain telah dihubungi agar menyediakan versi Bahasa Kebangsaan dalam dokumen-dokumen perjanjian di samping diadakan versi dalam Bahasa Inggeris, jika perlu.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat masa untuk soalan-soalan bagi jawab lisan telah pun selesai.

[Masa untuk pertanyaan bagi Jawab Lisan telah cukup dan Jawapan bagi Pertanyaan No. 8 dan 12 hingga 28 akan dijilid dalam buku yang berasingan]

RANG UNDANG-UNDANG

RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN 2000

Bacaan Kali Yang Kedua

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula perbahasan yang ditangguhkan atas masalah “Bahawa Rang Undang-undang Perbekalan 2000 dibacakan kali yang kedua sekarang” [24 April 2000]

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Tuan Haji Rosli bin Mat Hassan.

11.18 pagi.

Tuan Haji Rosli bin Mat Hassan: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, Bismillahir Rahmanir Rahim. Pertamanya saya bangun sebagai mana rakan-rakan lain sebagaimana yang telah dibentangkan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri berkenaan dengan Belanjawan kita pada tahun 2000 yang berjumlah sebanyak RM36.8 bilion dengan ini saya menyokong kepada cadangan ataupun usul sebagaimana terdapat dalam Akta Perbekalan tahun 2000 sebagaimana yang telah dibincangkan oleh beberapa rakan pada semalam.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga merakamkan tahniah yang tidak terhingga kepada Kementerian Kewangan yang telah menyusun begitu rapi dan berasaskan kepada sumber-sumber keperluan untuk negara sekurang-kurangnya perbelanjaan pada tahun ini telah diunjurkan melebihi daripada pendapatan dan di sini saya berkeyakinan pengurusan kerajaan akan mempunyai satu vakum untuk memenuhi tuntutan Belanjawan ini semoga ianya akan dapat dibelanjakan oleh semua sektor sebagaimana digariskan di dalam Rang Undang-undang ini bermula dari Parlimen sehinggalah item B.51 iaitu Kementerian Luar Negeri dan saya berkeyakinan perbelanjaan ini adalah khusus untuk pengurusan dan juga untuk kepentingan rakyat dan negara pada keseluruhannya.

Sebelum saya melanjutkan beberapa minit pandangan saya pada hari ini saya hendak memberi sedikit pandangan kerana ternampak item B.1 iaitu Parlimen. Jadi saya minta kalau boleh pengurusan Parlimen kalau boleh tukar deringan loceng kita itu. Saya ingat sudah agak out dated, dengan izin, macam loceng jual kacang sahaja sekarang ini. Jadi saya rasa bolehlah bincang dengan pengurusan Parlimen, apabila dipanggil sampai masa loceng kita dalam bentuk lebih – sekarang ini IT banyak dia

punya tunings off itu, carilah satu bunyi yang lebih sesuai dengan panggilan mesyuarat kita di Dewan Negara. Jadi kita pun masuk dengan keadaan semangat dan tidak dalam keadaan longlai.

Tuan Yang di-Pertua, kita pun tahu dalam Budget ini, dengan izin, dalam Belanjawan ini kementerian yang paling banyak diperuntukkan ialah Kementerian Pendidikan dan prasarana pendidikan dari sudut pembangunan fizikalnya tidak dapat dinafikan oleh semua lapisan masyarakat dan rakyat bahawa penyediaan prasarana seperti sekolah menengah, sekolah rendah dan lain-lain ini telah diasaskan oleh kerajaan khususnya Kerajaan Persekutuan melalui kerajaan Barisan Nasional yang ditunjangi oleh UMNO bahawa perkara ini adalah perkara penting.

Negara-negara membangun yang lain banyak meletakkan belanjawan kepada perkara-perkara yang berkaitan dengan Kementerian Pertahanan mereka tetapi nampaknya kerajaan kita khususnya kerajaan BN pusat kita banyak memberi fokus kepada Kementerian Pendidikan dan belanjawannya pada tahun ini lebih kurang ataupun hampir RM11.7 bilion yang saya yakin ianya adalah satu kesinambungan perjuangan kerajaan kita untuk meneruskan agenda pendidikan untuk rakyat kita.

Tuan Yang di-Pertua, pada keseluruhannya kalau kita menilai dari segi prasarana persekolahan anak-anak kita khususnya di sekolah rendah dan sekolah menengah di negara kita ini, kita dapati ianya jauh lebih baik daripada beberapa negara ASEAN lain khususnya di Filipina, Myanmar, Thailand dan juga di Indonesia. Jadi oleh kerana perkara ini telah disediakan oleh kerajaan begitu awal maka, kita nampak kebelakangan ini timbul perkara-perkara yang boleh dikatakan setiap penjuru daerah di dalam tiap-tiap daerah hampir keseluruhan sama ada di bandar ataupun di luar bandar penyediaan kerajaan untuk membina sekolah rendah ataupun sekolah menengah di seluruh pelosok negara.

Jadi ianya bukan satu kemestian untuk dilakukan oleh kerajaan tetapi saya berharap ianya akan menjadi 'penterjemahan' di peringkat rakyat apabila timbul pada pilihan raya tetapi ianya agak sebaliknya berlaku pada mutakhir ini oleh kerana perkara ini tidak dapat dihayati oleh masyarakat khususnya masyarakat di peringkat *grass root* ataupun akar umbi, dengan izin, bahawa seolah-olah sekolah ini menjadi tanggungjawab mutlak. Tetapi penyediaan prasarana seperti sekolah dan penyediaan guru dan perkara-perkara yang lain ini adalah merupakan kecekapan dan kewibawaan pengurusan kerajaan untuk melihat generasi akan datang ini, generasi bangsa kita ini

berbangsa Malaysia ini akan terus menjadi satu bangsa yang mempunyai pendidikan yang dilengkapi oleh ilmu dan pengetahuan.

Jadi banyak keadaan yang berlaku sebelum pilihan raya ini khususnya di dua buah negeri iaitu di Kelantan dan Terengganu yang melibatkan sebahagian daripada pelajar-pelajar yang tingkatan tinggi kerana diasak pemikiran mereka oleh pengajar dan guru-guru yang telah menyokong beberapa parti pembangkang seperti parti PAS, Keadilan dan sebagainya dan oleh kerana PAS begitu bijak menangani isu yang dibawa oleh parti Keadilan di bawah gagasan yang diasaskan oleh BN sebelum ini maka seolah-olah rakyat terpengaruh dan percaya. Tetapi percayalah bagi pihak perjuangan parti BN iaitu yang ditunjangi oleh UMNO, saya berkeyakinan sekolah rendah dan sekolah menengah tidak akan ditutup di negeri Terengganu dan di Kelantan, malah saya berkeyakinan daripada program Kementerian Kewangan dan Kementerian Kerja Raya banyak lagi sekolah rendah dan sekolah menengah dalam proses pembinaannya di Terengganu dan Kelantan malah ianya akan dirancang lagi oleh kerajaan.

Saya berharap rakyat akan terus menyedari hakikat ini bahawa asas pendidikan yang dilaksanakan oleh kerajaan BN peringkat pusat ini tidak mempunyai apa-apa diskriminasi kerana kita nampak dalam pendaftaran anak-anak kita di sekolah apabila sampai umur tujuh tahun, kita daftar anak kita, dia tidak tanya dalam borang, sekolah apa, ayah parti apa dan sebagainya. Saya rasa masalah pendidikan ini ialah masalah komitmen yang berterusan oleh pemimpin-pemimpin kerajaan kita supaya ianya tidak berlaku diskriminasi bukan sahaja di antara orang Melayu dengan orang Melayu yang mempunyai fahaman politik yang berbeza tetapi juga di dalam gabungan pakatan ras ataupun racial – integrasi kaum di negara kita, malah boleh dikatakan sumbangan kerajaan untuk membina ataupun mengurus sekolah-sekolah kepada yang melibatkan beberapa kaum terbesar di negara kita khususnya kaum Cina, Tionghua ataupun India di negara kita.

Kita berharap usaha yang murni yang dilaksanakan oleh kerajaan ini yang sekiranya dapat kita belanjakan pada tahun ini sebanyak RM11.7 bilion, saya bagi pihak rakan-rakan menyanjung tinggi usaha-usaha kerajaan dan saya telah memerhatikan hampir tiga tahun setiap Belanjawan dalam Akta Perbekalan ini sektor ataupun kementerian yang paling banyak sekali ditumpukan oleh kerajaan kita ialah berkenaan dengan peruntukan di Kementerian Pendidikan dan ianya berbeza dengan

banyak negara membangun yang memberi fokus kepada Kementerian Dalam Negeri dan Kementerian Pertahanan.

Jadi sesuai dengan semangat kerajaan kita saya berharap satu pendekatan yang lebih wajar oleh Kementerian Pendidikan supaya pelajar-pelajar tidak lagi dihasut oleh pengajar-pengajar, guru-guru yang melihat perjuangan politik di sekolah mereka. Jadi kita mahu pengajar dan guru-guru ini jadi satu kumpulan guru yang dihormati oleh segenap lapisan masyarakat sebagaimana berlaku di dalam tahun 60-an, 70-an yang mana guru-guru merupakan satu kumpulan manusia dalam sesuatu kumpulan masyarakat yang amat dihormati dan dipandang tinggi.

Jadi saya berharap satu pendekatan dan strategi baru akan dilaksanakan oleh Kementerian Pendidikan supaya mengkaji kedudukan guru-guru kita di seluruh negara. Ingatlah kepada guru-guru di seluruh negara bahawa untuk menjadi seorang guru di Indonesia umpamanya selepas tamat pengajian mereka bukan senang untuk menjadi seorang guru di sekolah dan ada sebahagian sekolah di sebelah pedalaman di Indonesia pun tidak mendapat gaji penuh. Jadi dalam keadaan ini saya melihat bahawa kerajaan kita telah dapat menguruskan dengan baik selepas kita melalui proses pemulihan ekonomi baru-baru ini, seluruh tenaga guru harus digerakkan semula sebagai penterjemah kepada dasar pendidikan kebangsaan supaya guru menjadi satu kumpulan yang neutral tetapi profesional bentuknya supaya ianya menjadi satu kumpulan yang boleh membangunkan minda dan menterjemahkan dasar tadi supaya generasi kita akan menjadi satu generasi bangsa Malaysia yang bertanggungjawab yang boleh mematuhi dan sayang serta cinta kepada negara kita.

Tuan Yang diPertua, tadi kita bercakap juga berkenaan dengan pembekalan komputer dan ianya satu pendekatan yang dilaksanakan oleh kerajaan. Saya hendak mencadangkan dari segi jangka panjang supaya kementerian dapat melihat sesuai dengan zaman yang hendak diperkenalkan oleh kerajaan iaitu masalah ekonomi dalam masyarakat kita, dengan izin, *knowledge economy* ataupun ekonomi yang berorientasikan kepada ilmu pengetahuan yang mana asas teknologi maklumat adalah penting. Jadi, saya mencadangkan supaya satu strategi baru dari segi jangka panjang supaya dibuat satu pendekatan iaitu satu komputer satu pelajar, sekurang-kurangnya di peringkat sekolah menengah ke atas.

Jadi, cara pendekatan ini boleh dikaji sebagaimana kita tahu bahawa Menteri Kewangan dan Kementerian Kewangan baru-baru ini meluluskan beberapa

pendekatan supaya daripada KWSP pun boleh dibeli komputer ataupun apa yang paling penting sekali selepas anak kita dilahirkan supaya satu bentuk insurans pendidikan dilaksanakan kepada seluruh bayi ataupun anak yang dilahirkan kerana kita tahu untuk menjalani pendidikan

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, sekejap. Ahli-ahli Yang Berhormat, menurut Peraturan Mesyuarat 6(1), saya menjemput Yang Berhormat Dato' Michael Chen untuk mempengerusikan Mesyuarat.

[Dato' Michael Chen Wing Sum *mempengerusikan Mesyuarat*]

Dato' Michael Chen Wing Sum: Sila sambung Yang Berhormat.

Tuan Haji Rosli bin Mat Hassan: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya mencadangkan dari segi jangka panjang supaya satu pendekatan dibuat oleh Kementerian Pendidikan khususnya dan kerajaan amnya, supaya satu komputer satu pelajar diasaskan oleh kementerian. Ini satu pendekatan yang agak rumit kerana ianya akan melibatkan satu kos yang begitu tinggi tetapi saya rasa ada beberapa strategi yang boleh dimanfaatkan oleh ibu bapa ataupun oleh Kementerian Pendidikan sendiri supaya dapat bekerjasama dengan perkara-perkara lain seperti KWSP ataupun menyusun satu mekanisme dengan menyediakan satu insurans pendidikan secara *total*, secara keseluruhan, mungkin selepas kita melahirkan anak atau bayi baru kita kerana kita tahu sekarang ini, kos pendidikan agak tinggi dan kita tahu tanpa bantuan kerajaan, khususnya kepada orang-orang Melayu di negara kita ini, saya berkeyakinan lebih daripada 50% tidak akan dapat menyambung pelajaran mereka selepas SPM.

Ini hakikat melalui kajian kita tetapi oleh kerana kerajaan kita adalah kerajaan yang begitu prihatin kepada masalah pendidikan, apatah lagi melalui pakatan semua kaum di negara kita, kita menyediakan banyak peruntukan supaya generasi bangsa kita ini akan dapat terus mendapat pendidikan yang sewajarnya, semaksimum yang mungkin, setinggi yang boleh. Jadi, harus dilihat satu bentuk mekanisme yang baru supaya generasi kita dapat menjadi satu kumpulan masyarakat yang dididik dari awal-awal lagi dalam teknologi maklumat ini dan moga-moga negara kita yang dalam proses sedang membangun ini akan dapat menyediakan warga bangsa kita yang bukan sahaja berakhlak tinggi tetapi mempunyai daya pengetahuan dan ilmu yang berkebolehan setanding dengan negara-negara lain.

Tuan Yang di-Pertua, baru-baru ini saya terbaca juga dengan kenyataan Menteri Pendidikan supaya prasekolah ini akan diambil alih oleh Kementerian

Pendidikan. Kita tidak tahu sejauh mana perkembangan ini tetapi untuk jangka panjang adalah lebih sesuai satu pendekatan supaya semua prasekolah apa bentuk sekalipun, sama ada yang diasaskan oleh kerajaan di bawah kementerian lain seperti Kementerian Pembangun Luar Bandar seperti KEMAS umpamanya dan juga kalau dihebohkan di Terengganu dan Kelantan, taski yang diasaskan oleh PAS dan sebagainya, oleh kerana kita mahu modul ataupun piawai pendidikan di peringkat prasekolah ini mempunyai satu *standard* atau piawai yang serata dan sama sebagai penyediaan untuk masuk ke sekolah kebangsaan, maka saya menyokong cadangan Kementerian Pendidikan khususnya, sebagaimana kenyataan Yang Berhormat Menteri Pendidikan baru-baru ini supaya prasekolah ini semua peringkat, jadi, lesen tidak perlu keluarlah. Tetapi PAS in kadang-kadang tidak ada lesen pun, dia buka juga. Dia beritahu kepada orang, dia menyediakan sebagai 'perkaderan' parti sedangkan matlamat kita sebagai satu kerajaan yang bertanggungjawab adalah untuk mendidik anak-anak kita dan saya hendak bagi beberapa contoh di peringkat prasekolah ini.

Di taski, umpamanya, saya ini kebetulan boleh pergi semua tempat. Anak-anak yang baru enam tahun pun boleh bercakap masalah politik. Ini telah dididik oleh pemimpin-pemimpin kita tetapi tidak di sekolah rendah dan sekolah menengah. Kita biarlah anak-anak kita ini membicarakan masalah politik sebagai arkitek negara di peringkat umur yang mereka ini telah melepasi universiti ataupun kolej.

Biarlah anak-anak kita ini diberi pendekatan dan pendidikan yang murni dan baik sebagaimana yang dikehendaki oleh ajaran agama kita. Jadi, saya mencadangkan Tuan Yang diPertua, supaya

Dato' Dr. Chin Fook Weng: [*Bangun*]

Dato' Michael Chen Wing Sum: Yang Berhormat, ada yang minta laluan. Bolehkah Yang Berhormat? Okay.

Dato' Dr. Chin Fook Weng: Terima kasih Tuan Yang diPertua. Saya ingin menanya rakan saya tentang apa yang telah diberitahu tadi tentang kanak-kanak di peringkat bawahan ini, mereka begitu terdedah kepada unsur-unsur politik sehingga tahulah perkembangan politik dan sebagainya. Adakah ini disebabkan oleh ketiadaannya kawalan tentang sukatan-sukatan pelajaran di peringkat itu ataupun itu terlalu bebas dan adakah kita perlukan satu kawalan supaya unsur-unsur yang murni

sahaja yang disebutkan tadi dapat diajar kepada budak-budak ini dan bukan perkara-perkara yang akan memecahbelahkan pihak-pihak ini? Terima kasih.

Tuan Haji Rosli bin Mat Hassan: Terima kasih Yang Berhormat. Saya rasa ianya sebagai satu maklumat baru kepada Ahli-ahli Yang Berhormat di luar kawasan Terengganu dan Kelantan tetapi bukan masalah kawalan, sebagaimana persoalan Yang Berhormat tadi, dia perangai pemimpin-pemimpin parti politik seperti PAS ini, dia tidak ada lesen. Kata orang Terengganu, dia pakai langgar, dia buat sahaja. Dia kumpul cari guru walaupun tidak dididik tetapi ini program politik semata-mata.

Walaupun dari segi kacamata masyarakat, dilihat sebagai satu bentuk pendidikan kerana hendak sekonyong-konyongnya inilah asas pendidikan Islam untuk anak-anak dan saya berkeyakinan mungkin hari ini pemimpin-pemimpin kita, rakan-rakan kita dari PAS, mungkin melihat ini sebagai satu kejayaan tetapi percayalah bahawa dari segi jangka panjangnya, ianya akan menjadi satu bentuk racun yang sungguh bisa untuk generasi bangsa kita. Kita mesti ingat, kita bangun dan asaskan negara kita ini melalui satu strategik *alliance*, dengan izin Tuan Yang diPertua, satu pakatan yang strategik kerana matlamat utama pembinaan negara ini mesti melahirkan kesejahteraan dan perpaduan rakyat.

Sebab itulah di bawah gagasan Perikatan sebelum ini dan di bawah gagasan Barisan Nasional dan kita tahu pengorbanan yang telah dibuat oleh pemimpin terdahulu dalam PAS seperti Allahyarham Yang Berhormat Dato' Asri Muda, umpamanya. Beliau telah mengorbankan sebahagian daripada prinsip perjuangannya supaya kita dapat menyatukan seluruh umat Islam dan bangsa Melayu di bawah satu gagasan parti politik kerana yang pentingnya di dalam perjuangan mana-mana parti politik ialah pengisian programnya, pengisian perjuangannya supaya bangsa di semua peringkat, sama ada semua kaum, semua strata umur dan sebagainya, mendapat pembelaan daripada dasar-dasar kerajaan.

Jadi, saya bersetuju sangat dengan pandangan Yang Berhormat tadi, di luar kawalan dan sebagainya tetapi kalau kawal pun, perangai kawan-kawan kita daripada aktivis partilah boleh kita katakan tetapi kita hari ini mungkin pemimpin PAS seperti sahabat-sahabat saya, mungkin melihat saya sebagai seorang yang radikal, dari UMNO, dari BN dan sebagainya tetapi percayalah, pandangan kita pada hari ini adalah pandangan yang berpaksikan unjuran di masa hadapan. Kita lihatlah mungkin ada kelemahan-kelemahan dalam pengurusan negara. Mungkin ada kelemahan-

kelemahan dalam pengurusan negeri tetapi percayalah, perkara-perkara berorientasikan pendidikan tidak ada

Dato' Haji Ahmad bin Ismail: [*Bangun untuk keluar Dewan*]

Tuan Haji Rosli bin Mat Hassan: Dato' hendak minta izin, tidak ya? [*Bertanya kepada Yang Berhormat Dato' Haji Ahmad bin Ismail*] Ha, okay. Saya memang hendak bagi laluan sikit kalau Dato' hendak tanya. Dato' ada hendak tanya, tidak ada?

Dato' Haji Ahmad bin Ismail: [*Menggelengkan kepala*] [*Ketawa*]

Tuan Haji Rosli bin Mat Hassan: Tuan Yang di-Pertua, sebab itulah prasekolah ini sebagaimana dicadangkan oleh Menteri Pendidikan mesti dengan seberapa segera dan kita kena tutup semua prasekolah yang berada di negara kita ini supaya modul, susunan, satu aturcara atau satu kurikulum yang sesuai kerana lepas pada taski pun, saya nampak, kita pun hantar, macam PAS buat – taski, taska atau apa-apa yang lain yang kita buat di seluruh negara ini sebahagiannya mempunyai pendaftaran dan lesen daripada Kementerian Pendidikan, sebahagiannya tidak tetapi ianya tidak mempunyai satu *uniformity*, dengan izin, satu penyeragaman dari segi kaedah mendidik dan sebagainya dan guru-gurunya tidak terlatih dan sebagainya.

Maka, saya rasa sesuai sangatlah di alaf baru ini, Kementerian Pendidikan mengambil cabaran ini untuk mengambil alih semua jenis bentuk ini. Jadi, kita mintalah kerjasama semua pihak kerana yang pentingnya bukan kita lagi, yang pentingnya generasi kita harus diberi *input*, diberi, dengan izin, pendidikan dan pemikiran supaya generasi bangsa kita ini bukan sahaja ianya harus berakhlak tinggi tetapi ianya harus mempunyai ilmu sesuai dengan gagasan ataupun dasar-dasar pendidikan nasional yang diasaskan oleh kerajaan BN.

Setakat ini, dasar pendidikan yang dibuat oleh PAS, dalam manifesto pun, saya tidak tahu apa. Diambil alih Terengganu pun, pejabat yang sama. Saya nampak tidak ada satu bilik air pun sedang dibuat. Ahli-ahli Yang Berhormat, rakan-rakan saya yang berada di Terengganu, saya rakamkan tahniah dapat pakai Mercedes semuanya. Kita harap kita dapat kerjasama...

Dato' Michael Chen Wing Sum: Yang Berhormat.

Tuan Haji Rosli bin Mat Hassan: Ya, sila, sila, sila. Tidak ada apa, no problem.

Puan Jamilah binti Ibrahim: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, di atas pandangan ucapan yang telah diberi oleh Yang Berhormat tadi saya rasa kalau saya tidak jawab, menzalimi diri saya sebab saya dengar, kalau tidak dengar itu, lain cerita. Di antaranya saya hendak tanya, kita educate, kita didik anak-anak. Mana lebih baik, seorang ayah Muslim, seorang ibu Muslimah mendidik anak-anak dalam bentuk menari, lebih kepada keterampilan, keceriaan, keduniaan dengan gamitannya daripada kita asuh *spiritual* anak-anak itu lebih menghormati ibu bapa, menghormati jiran, mengenal Allah. Tolong bezakan dua itu sahaja dulu. Terima kasih.

Tuan Haji Rosli bin Mat Hassan: Tuan Yang di-Pertua, saya menghormati sangat Yang Berhormat 'akak' saya ini. Memang mana-mana ayah, dia nasib baik dalam Al-Quran ini, sudah tercatat supaya menghormati kedua ibu bapa. Masyarakat kita yang tidak diasaskan dengan perkara-perkara *spiritual*, memang sekarang ini pun kalau kita sedang asas pun, kita menentang. Sebagai contohnya, kalau kita bercakap masalah sejauh mana selepas kita merdeka hampir 40 tahun lebih, kerajaan BN yang ditunjangi oleh UMNO pun mendidik pegawai-pegawai profesional kita dan sebagainya pun, ada yang menentang kerajaan tetapi nasib baik sebagai ibu dan bapa, khususnya kepada umat Islam, telah digariskan dalam Al-Quran iaitu mesti menghormati dan abid kepada kedua ibu bapa.

Jadi, itu pun ada di antara anak-anak kita yang menderhaka kepada ibu bapa. Saya tidak nafikan pendidikan *spiritual* adalah penting tetapi ianya mesti mempunyai dua gabungan di antara *spiritual* dan juga perkara-perkara yang berorientasikan pendidikan anak-anak kita. Masalah menari ini, saya rasa bukan satu kurikulum ataupun ko-kurikulum yang mesti dan menari ini satu benda yang bagus kalau kita melihat dari segi pendekatan positif tetapi kadang-kadang kita susahlah apabila hendak bercakap masalah ini kerana seolah-olah yang dibina oleh pemimpin-pemimpin PAS di taski dan sebagainya, *spiritual* semata-mata.

Spiritual semata-mata akan melahirkan satu bentuk manusia yang tidak kreatif, tidak bertamadun sebenarnya. *Spiritual* di sini dalam dua bentuk – *spiritual* berorientasikan maklumat yang berpengetahuan Islam atau *spiritual* yang berorientasikan kepentingan politik sebagai menyediakan kader-kader politik. Kita kadang-kadang kena bezalah. Saya amat menghormati Yang Berhormat akak saya ini dan saya pun tidak jauh sangat dengan pemimpin-pemimpin PAS khususnya bermula

daripada Profesor Zulkifli Hamzah. Saya pernah mengikuti dan pengasas PAS pun beberapa....

Tuan Haji Karim bin Salleh: [*Bangun*]

Tuan Haji Rosli bin Mat Hassan: Yang Berhormat pun hendak minta izin juga?

Tuan Haji Karim bin Salleh: Zulkifli Ahmad.

Tuan Haji Rosli bin Mat Hassan: Saya jawab tidak habis lagi ini. Zulkifli Ahmad, sorry! Kemudian dibawa oleh pemimpin-pemimpin sebelum ini. Cuma berlakunya perubahan dalam PAS ini, apabila ada satu kumpulan baru di dalam Dato' Asri memerintah. Saya minta Yang Berhormat tolong ingatlah. Ini bukan masalah kita hendak menang pilihan raya tetapi sebagai satu perbincangan di mana apabila Ayatullah Khomeini dilihat sebagai idealis pejuang Islam, ketika itu mengambil Iran kerana perjuangan Islam kononnya ketika itu dan kita tengok PAS mengambil ini sebagai model.

Itu dapat kita pastikan. Ketika itu Ayatullah Khomeini, gambar dia di mana-mana, khususnya di dalam *Harakah* sendiri, ada gambarnya di rumah tiap-tiap penyokong-penyokong PAS. Jadi, seolah-olah Ayatullah Khomeini sebagai model.

Apakah ini dilihat sebagai perjuangan spiritual melihat Ayatullah Khomeini sebagai idola perjuangan ahli-ahli parti seperti PAS. Saya mahu sama ada kita pembangkang atau menjadi penyokong kerajaan meletakkan asas kepentingan negara dan rakyat sebagai paksi perjuangan kita. Kalau parti-parti sama ada kita yang pembangkang kerajaan tidak berpaksikan kepada tatasusila masyarakat, kita tidak berpaksikan kepada kerukunan Rukun Negara kita, tidak berpaksikan kepada asas penubuhan Perlembagaan dan negara kita apatah lagi keselamatan rakyat keseluruhannya, saya rasa parti ini sudah lari daripada penubuhannya kerana saya tahu PAS sendiri berorientasikan kepada tiga asas yang penting, ia seperti UMNO cuma oleh kerana strategi diletak ia mahu Islam, saya tak tahu perlembagaan sekarang tetapi perlembagaan dulu saya baca, kerana saya tak bawa, saya boleh bawa. Kalau Dr. Burhanuddin Helmi, salah seorang pengasas PAS pun menyatakan bahawa PAS berjuang atas tiga paksi.

Pertamanya ialah memperjuangkan Islam yang diletakkan kepada bangsa Malaysia khususnya bangsa Melayu kemudian mestilah berada di tanah air iaitu Malaysia, Persekutuan Tanah Melayu ia panggil kalau tak silap saya dalam

perlembagaan lama-lama, perlembagaan sekarang saya tak tahulah mungkin PAS sudah begitu antarabangsa, mungkin dah ada perubahan-perubahan tertentu. Saya insya-Allah lah saya minta dengan kawan-kawan saya, kaji balik perlembagaan dia.

Jadi berkenaan dengan pandangan Yang Berhormat akak saya tadi seperti di KEMAS dan sebagainya semua mengikut landas-landas yang dibenarkan dan ada dua bentuk unsur-unsur spiritual dan juga unsur keduniaan. Jadi janganlah kita kerana kita nak pergi ke akhirat kita lupa kepada dunia. Ingatlah bahawa dunia ini adalah perjuangan kita menuju ke akhirat. Kalau kita tidak sejahtera di dunia, percayalah Tuan Yang di-Pertua, kita pun tidak akan sejahtera di akhirat.

Jadi saya rasa lebih kurang sahalalah Kita bercakap di luarlah pula hal ini. Kita minum kopi lepas ini Yang Berhormat kak, saya nak cuba sambung. Kesian kawan-kawan yang lain ada. Saya cuba nak pendekkan cerita berkenaan dengan Kementerian Pendidikan ini dan sekali lagilah, saya mengingatkan Kementerian Pendidikan supaya dapat memberi satu pendekatan iaitu supaya ada satu strategi jangka panjang kepada pelajar kita sekurang-kurangnya di sekolah menengah ke atas, satu komputer, satu pelajar. Kaedah caranya mungkin KWSP pun boleh selesaikan kepada anak-anak, keluarga yang miskin mungkin dalam bentuk mekanisme yang lain sebagaimana kita boleh susun dan atur. Kita harap ibu bapa kita akan menjadi ibu bapa yang dapat berbangga dengan kebolehan anak-anak kita di masa-masa akan datang.

Datuk Yang di-Pertua, baru satu bercakap ni, panjang hari ini. Saya terbaca pandangan Yang Amat Berhormat Dato Seri Dr. Mahathir Mohamad semalam bercakap masalah pertanian dan hari ini *Berita Harian* telah menunjukkan dalam column dengan izin, ekonomi telah menyatakan sebanyak RM36 bilion daripada dana-dana yang disediakan oleh kerajaan tidak digunakan. Jadi saya rasa sebagai seorang Perdana Menteri adalah wajar beliau menegur dana-dana yang disediakan oleh kerajaan. Saya dapat tahu Yang Berhormat Timbalan Menteri dan Setiausaha Parlimen pun ada sini, dana ini ada 25 ke Yang Berhormat? Lebih kurang 25 kah? *[Bertanya kepada YB Timbalan Menteri]* Atau lebih lagi Yang Berhormat? 40, ha banyaknya dana dan dana ini diurus oleh kerajaan kita dan sebahagian besarnya adalah untuk kepentingan usahawan bumiputera.

Jadi saya minta Kementerian Kewangan mengambil pandangan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri ini, apakah dana ini tidak digunakan kerana mekanisme

kita tidak berapa betul kerana ada sebahagiannya, banyak dana-dana ini disalurkan kepada bank-bank komersial yang memproses mengikut viability mereka sendiri dan saya sebelum inipun selalu berhubung atau berhubung rapat dengan Kementerian Kewangan bahawa khususnya pinjaman-pinjaman kecil saya tak tahulah banyak sangat dana saya tak boleh sebut dan kita nampak ada penggabungan dana-dana yang dilaksanakan oleh Kementerian Kewangan melalui Bank Negara dan kita dapati banyak antara kerjasama khususnya Dewan Perniagaan Melayu dan kita berharap dana ini walaupun tidak dibelanja tapi kita berharap dana ini dapat diteruskan untuk kepentingan usahawan kita khususnya usahawan bumiputera yang menjalankan usaha-usaha kecil dan sederhana.

Jadi dana usahawan ini kadang-kadang terlampau banyak. Jadi gerakan penerangan yang dijalankan oleh Bank Negara baru-baru ini sedikit sebanyak memberi satu kesan ataupun impak yang baik kepada usahawan kita tetapi kita berharaplah suatu mekanisme yang berkemungkinan dana ini sebelum diwujudkan telah dikaji oleh kementerian dan Bank Negara tetapi apabila di peringkat perlaksanaannya jumlah...*[Memandang kepada YB Jamilah binti Ibrahim]* Akak nak tanya lagi? *[Ketawa]* Ok. Saya hari ini cuba nak tenang sikit, saya nak cakap point sikit bukan nak cakap politik banyak sangat.

Datuk Yang di-Pertua, jadi dana-dana ini kadang-kadang terutama sekali bumiputera dan Melayu ini kita selalu lupa diri. Saya mesti ingatkan melalui Kerajaan Barisan Nasional yang ditunjangi oleh UMNO telah melahirkan inspirasi. Jadi dana-dana ini adalah semata-mata, secara majoritinya adalah untuk membantu usahawan bumiputera dan banyak perkara-perkara lain, perkara-perkara yang berkaitan dengan peribumi dengan menghormati rakan-rakan kita daripada MCA, Gerakan dan lain-lain, MIC dan sebagainya, kita tahu bahawa kita telah bersetuju supaya satu jumlah peratusan mesti kerajaan gunakan untuk kepentingan bumiputera supaya matlamat negara untuk merapatkan jurang ekonomi di antara kaum khususnya bumiputera dan bukan bumiputera dapat dirapatkan kerana goal kita bukan nak kayakan Cina atau nak kayakan bumiputera, itu cara Barisan Nasional urus negara kita tetapi goal kita adalah untuk merapatkan hubungan kaum di negara kita yang akhirnya pengagihan ke-ekonomi ini dapat diagihkan dengan bijaksana, dapat diterjemahkan di peringkat pelaksanaan.

Jadi pembinaan usahawan bumiputera ini adalah satu daripada agenda kita bermula pada tahun 1970 lagi iaitu Dasar Ekonomi Baru kemudian disambung lagi selepas 20 tahun dan sekarang ini kita nampak ia mempunyai usaha-usaha lanjutan tetapi dalam pilihan raya baru-baru ini saya pun nak ingatkanlah juga kepada Yang Berhormat Menteri-menteri, Timbalan Menteri-Timbalan Menteri yang tidak mempunyai masalah dengan parti-parti pembangkang yang banyak ini macam di Terengganu, Kelantan, Malay base state oleh kerana orang Melayu saya tidak malu menyatakan bahawa dari segi pendekatan ekonominya, kita sebenarnya masih terkebelakang kalau dibandingkan dengan kaum Cina serupa juga dengan kaum India. Jadi kalau kita kadang-kadang hanyut dengan keadaan emosi kita oleh kerana usahawan Melayu ini dilahirkan oleh kerajaan.

Saya ingin menegaskan kepada Dewan yang mulia ini bahawa orang Melayu yang telah dieksploitasikan kedudukan mereka sebelum merdeka tetapi selepas merdeka maka orang Melayu ini agak segelintir sahaja berdagang dan sebagainya tetapi melalui pakatan kerjasama semua kaum kita bahawa gagasan Barisan Nasional DEB dilahirkan dan saya ingat profesional bumiputera pun, ahli-ahli yang bertauliah bumiputera lahir selepas Yang Berhormat Dr. Mahathir menjadi Perdana Menteri pada tahun 1981 dan mereka ini berada dalam pasaran perdagangan dan perniagaan di negara kita tetapi oleh kerana kita kadang-kadang hanyut dengan unsur-unsur politik yang tidak melihat bagaimana kita dilahirkan.

Saya ingin ingatkan kepada seluruh usahawan bumiputera di seluruh negara bahawa tidak ada satu pun usahawan di negara kita ini khususnya usahawan bumiputera tidak mempunyai faedah daripada dasar ekonomi negara kita sama ada secara langsung ataupun tidak langsung, apatah lagi perkara-perkara yang berkaitan dengan pelesenan, pendaftaran, permit dan sebagainya. Saya mintalah menteri-menteri, timbalan menteri dan pegawai-pegawai kanan kerajaan supaya menilai semula, macam kita tengok permit teksi. Ini satu privilege kepada syarikat konsesi mereka tetapi kita nampak banyak di antara teksi kita letak logo ADIL lah, logo PAS lah, seolah-olah permit dan pemandu yang bawa itu seolah-olah ini adalah milik PAS dan sebagainya.

Kita tidak marah nak sokong PAS kah, ADIL kah, tapi sebagai satu bentuk public service dengan izin perkhidmatan awam kita mahulah logo-logo parti pembangkang ini tidak ada. Saya mintalah Kementerian Pembangunan Usahawan

dengan kerjasama lembaga yang di bawah urusannya supaya menilai semula kedudukan permit-permit teksi ini bukan saja di Kuala Lumpur dan Wilayah Persekutuan tetapi di belah pedalaman, di daerah-daerah dan sebagainya. Ada satu teksi oleh kerana dia mempunyai masalah dia, masalah tempatan dan sebagainya, mereka pun kadang-kadang lupa bahawa mereka dianugerah privilege ini dengan izin, oleh kerajaan khususnya perkara-perkara yang berkaitan dengan permit.

Serupalah juga dengan pendaftaran kontraktor, siapa yang melahirkan kontraktor khususnya bumiputera. Tidak lain dan tidak bukan melalui Kongres Ekonomi Bumiputera yang kedua maka lahir satu falsafah supaya sebahagian kontraktor ini mesti difokus oleh kerajaan mestilah pendaftaran mereka, lesen-lesen mereka dikeluarkan. Saya minta jugalah walaupun saya mewakili hampir keseluruhan kontraktor bumiputera seluruh negara tetapi saya juga merasa bertanggungjawab secara kolektif supaya satu pendekatan ataupun pengubahsuaian dalam pemberian-pemberian lesen dan permit ini khususnya kepada kontraktor bumiputera dapat dinilai semula oleh Kementerian Pembangunan Usahawan khususnya melalui pusat khidmat kontraktor.

Datuk Yang di-Pertua, baru-baru ini apabila berlaku kegawatan kita banyak juga bercakap masalah kekurangan bekalan makanan kepada negara kita tetapi saya nampak apabila kita sudah lepas daripada belunggu kegawatan ekonomi ini kita kadang-kadang agak lupa sedikit. Seketika dulu apabila negara kita berusaha untuk menjadikan Malaysian Green maknanya semua di bandar raya supaya semua tanaman hijau dapat diperkukuhkan oleh institusi masyarakat kita.

Jadi Datuk Yang di-Pertua, adalah kita mesti ingat balik dalam kegawatan pada tahun 1997 dan 1998, kita banyak berbicara dan berbincang di sini bahawa kita terpaksa mengimport banyak barangan bahan makanan. Jadi saya ingin mencadangkan kepada Kementerian Pertanian dan kita pun kebetulan mempunyai seorang menteri yang mempunyai latar belakang korporat dan IT dan saya rasa sesuai sangat kementerian ini dimodenkan dari segi pengurusan mereka kepada petani-petani kita. Kita tidak mahu lagi petani, nelayan dan sebagainya di seluruh negara kita dilihat sebagai satu kumpulan sasar yang miskin. Saya mahu kalau boleh dari satu jangka masa yang tertentu, satu pendekatan supaya kita dalam satu peringkat, mungkin asas-asas pendidikan kepada mereka, bantuan secara lebih berbentuk

reasonable dengan izin, lebih berpatutan kepada mereka. Kita tidak mahulah petani kita, nelayan kita dilihat sebagai satu kumpulan yang miskin pada masa akan datang.

Jadi saya berkeyakinan satu melalui Dasar Pertanian Negara yang baru digubal dan juga boleh digubal lagi untuk kepentingan petani-petani kita dan kita kena bezakan di antara melahirkan petani dan petani moden dan juga untuk melahirkan usahawan tani. Ini satu benda yang amat berbeza. Saya mungkin boleh jadi seorang usahawan tani yang berjaya sekiranya saya menguruskan ladang yang besar, menanam padi dengan cara pengurusan moden dan sebagainya tetapi mungkin saya dengan memegang cangkul ataupun teknik yang begitu simple, mungkin saya tidak mampu mengeluarkan diri saya dari kepompong kemiskinan. Jadi semua ini saya berkeyakinan kerajaan kita akan terus melihat dasar-dasar pertanian khususnya kepada nelayan dan petani-petani kita di seluruh negara supaya mereka ini akan keluar daripada kepompong kemiskinan dari segi jangka panjangnya.

Tuan Yang di-Pertua, semalam kita bercakap masalah telekomunikasi sekejap oleh rakan-rakan kita. Saya dapat tahu bahawa kita mempunyai lebih daripada enam konse si telefon bimbit ini. Sekarang ini oleh kerana telefon bimbit ini sudah jadi satu kebiasaan anak-anak kita di sekolah menengah pun sudah pandai menggunakan telefon bimbit dan kita nampak sistem telekomunikasi kita agak canggih dan kita rasa bangga sebagai sebuah negara yang sedang membangun, kita jauh lebih baik daripada negara-negara lain di ASEAN ini.

Jadi, daripada enam yang lebih tadi yang menggunakan sistem telefon selular ini walaupun mereka telah diluluskan oleh kerajaan melalui Akta Telekomunikasi tetapi saya hendak cadang jugalah supaya mereka lebih kompetitif. Sekarang ini kita nampak pembeli atau pengguna telefon ini dibebankan dengan bayaran RM60, tidak silap saya dalam keputusan kementerian ataupun dalam akta, saya lupa. RM60 itu ialah bayaran maksimum. Jadi saya minta kementerian, kerajaan dan operator ini lebih prihatin. Kita buat secara NCB, dengan izin, macam kita sudah pakai sepuluh tahun ataupun lima tahun, setiap tahun itu potong dari RM60 turun RM50, RM40, RM30 mungkin last sekali akhirnya mungkin RM10.

Jadi, kadang-kadang ini boleh meringankan pengguna-pengguna telefon. Mungkin operator telefon dapat menyediakan prasarana lain, maknanya accessories, dengan izin, yang lain, yang boleh menambahkan kos tambahan kepada pengurusan mereka. Tetapi kebanyakan daripada operator telekomunikasi di negara kita yang

telah diberikan peluang ini agak kurang kompetitif kalau kita bandingkan dengan beberapa negara yang baru sahaja menyediakan telekomunikasi secara IT.

Jadi, saya berharap kerajaan dapat memikirkan semula apakah permit dan lesen konsesi ini diberikan kepada enam kumpulan operator ini dapat digabungkan mungkin dua sahaja supaya mereka lebih kompetitif, mempunyai persediaan kerana telekomunikasi ini sendiri memang penyediaannya begitu *cost intensive*, dengan izin, dan saya berharap kerajaan dapat mengkaji supaya daripada enam konsesi ini dapat bergabung macam kita gabung bank. Saya ingat perkara ini, mekanisme ini pun sama, tetapi mesti ada iltizam khususnya daripada Kementerian Kewangan dan Kementerian Telekomunikasi kerana yang penting kita mahu industri ini berkembang dan pengguna mendapat faedah dan meminimumkan kos mereka tetapi berlaku efficiency kerana akhirnya produktiviti negara lebih penting untuk negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, saya sudah mengambil masa hampir satu jam. Saya sekali lagi hendak beri peluang kepada rakan-rakan yang lain dan saya ucap terima kasih kerana peluang yang telah diberikan dan saya berharap pandangan-pandangan itu dapat memberi natijah yang baik bukan sahaja untuk kerajaan tetapi untuk kita semua melaksanakan amanah ini untuk kepentingan rakyat dan negara kita.

Dengan kata-kata itu, saya turut menyokong. Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

Dato' Michael Chen Wing Sum: Yang Berhormat Datuk Norjan.

12.03 tgh.

Datuk Norjan binti Khan Bahadar: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih saya ucapkan di atas kesudian mengizinkan saya untuk turut serta membahas Rang Undang-undang Perbekalan yang dibacakan oleh Timbalan Menteri Kewangan pada 24 April 2000, kali yang kedua di Dewan yang mulia ini.

Terlebih dahulu saya ingin mengambil kesempatan untuk mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada barisan kepimpinan kerajaan yang telah berjaya membawa negara kita ke luar daripada kemelut kegawatan ekonomi yang secara langsung telah menjadi salah satu bukti kukuh keupayaan dan keyakinan kita untuk berdiri sendiri selaras dengan slogan "Malaysia Boleh". Sudah pasti kejayaan itu juga berpunca daripada kejayaan kerajaan khususnya Kementerian Kewangan dalam merangka Belanjawan negara pada tahun-tahun sebelumnya yang bersesuaian dengan situasi semasa.

Tuan Yang di-Pertua, natijah daripada kejayaan berkenaan, saya berkeyakinan penuh Belanjawan yang telah dibentangkan untuk tahun ini juga akan dapat membantu untuk mempergiatkan dan merangsang semula aktiviti ekonomi negara semoga dengan wujudnya kepimpinan negara yang telah pun teruji kemantapannya, kita bakal mampu untuk kembali mempertingkatkan pertumbuhan ekonomi negara seperti yang pernah kita capai dalam hampir satu dekad suatu masa dahulu.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengutarakan beberapa perkara berbangkit yang saya rasa wajar untuk dipertimbangkan oleh kerajaan dalam strategi pelaksanaan Belanjawan negara tahun 2000 bagi kementerian tertentu.

Tuan Yang di-Pertua, dalam beberapa tahun kebelakangan ini, kerajaan telah membawa agenda pembaharuan terhadap sistem pendidikan negara. Sungguhpun dasar dan polisi baru yang diperkenalkan dilihat amat baik bersesuaian dengan agenda negara untuk mempertingkatkan lagi mutu dan taraf sistem pendidikan negara di alaf baru ini dan seterusnya menjadikan Malaysia sebagai pusat kecemerlangan pendidikan, namun seperti kebiasaan kita pasti akan berhadapan dengan beberapa kelemahan mahupun masalah-masalah kecil. Oleh yang demikian, Tuan Yang di-Pertua, adalah amat perlu bagi kerajaan untuk membuat penilaian secara terperinci bagi setiap agenda yang diperkenalkan dengan seterusnya memberikan respon yang sewajarnya untuk memperbaiki sebarang kelemahan.

Tuan Yang di-Pertua, contohnya isu keciciran para pelajar yang telah mengikuti program Matrikulasi di bawah Kementerian Pendidikan, baru-baru ini adalah dilaporkan bahawa seramai lebih kurang 1,500 orang para pelajar yang sedang mengikuti program berkenaan tidak dapat meneruskan pengajian apabila keputusan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) diumumkan. Mereka didapati tidak dapat memenuhi syarat kelayakan minimum yang telah ditetapkan.

Tuan Yang di-Pertua, sungguhpun sistem yang diperkenalkan untuk membenarkan para pelajar lepasan SPM untuk mengikuti program Matrikulasi sebelum keputusan diumumkan adalah merupakan satu langkah yang baik demi untuk membantu para pelajar untuk menamatkan pengajian dalam tempoh yang singkat selain menjimatkan para pelajar, namun sedikit perubahan perlu dilakukan dalam pelaksanaan sistem berkenaan.

Tuan Yang di-Pertua, ini adalah kerana kita perlu menyedari akan pelbagai kesan yang dihadapi oleh para pelajar yang terpaksa berhenti apabila keputusan

diumumkan bukan sahaja ia telah merugikan para pelajar khususnya, ibu bapa daripada aspek kos yang lebih dilaburkan, malah pelajar juga akan berhadapan dengan masalah psikologi seperti perasaan malu apabila tercicir juga akan menghadapi masalah dalam membuat perancangan semula tentang masa hadapan mereka.

Oleh yang demikian Tuan Yang di-Pertua, saya mencadangkan kepada pihak kerajaan agar mengkaji semula syarat kemasukan ke program berkenaan sebelum keputusan diumumkan. Dengan lebih khusus lagi adalah dicadangkan bahawa syarat kemasukan melalui keputusan pra-SPM tersebut diketatkan dengan mengenakan syarat kemasukan yang lebih tinggi. Biarlah hanya mereka yang benar-benar mendapat keputusan cemerlang dalam peperiksaan percubaan SPM yang dibenarkan memasuki program Matrikulasi dengan lebih awal.

Tuan Yang di-Pertua, ini adalah kerana saya melihat adalah lebih baik bagi kita menambahkan kemasukan setelah keputusan SPM sebenar dikeluarkan dengan menerima mereka yang berjaya mendapat keputusan cemerlang dalam keputusan SPM daripada kita mengeluarkan mereka yang gagal mencapai syarat kelayakan minimum.

Tuan Yang di-Pertua, cara ini juga akan dapat menggalakkan para pelajar untuk membuat persiapan secara menyeluruh dengan lebih awal lagi, iaitu sebelum peperiksaan percubaan kerana kita mengetahui bahawa apabila mereka mendapat keputusan yang cemerlang dalam peperiksaan percubaan, mereka akan berpeluang untuk mengikuti program Matrikulasi dengan lebih awal.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga merasa terpanggil untuk menyentuh tentang perkembangan yang berlaku dalam pentadbiran Mahkamah Syariah di negara kita. Pelbagai isu telah diutarakan oleh pelbagai lapisan masyarakat. Saya mendapati kesemua isu berkenaan tidak akan dapat kita selesaikan secara mutlak selagi usaha penyeragaman pentadbiran dan perundangan Islam belum dilaksanakan. Usaha Kerajaan Pusat mewujudkan Jabatan Kehakiman Syariah di peringkat pusat merupakan satu langkah yang amat berkesan.

Tuan Yang di-Pertua, namun begitu seperti yang telah dilaporkan bahawa setakat ini hanya enam buah negeri yang telah memberikan persetujuan dan usaha penyeragaman tersebut. Oleh yang demikian, sebarang tindakan lagi didapati banyak bergantung atau hanya dapat dilaksanakan sepenuhnya setelah kesemua negeri

memberikan persetujuan lantaran daripada kuasa yang wujud pada mereka di sisi Perlembagaan.

Tuan Yang di-Pertua, apa yang menyedihkan adalah kita melihat isu ini telah berlarutan sejak sekian lama dan di alaf baru ini kita masih belum dapat melaksanakannya. Lebih mengecewakan lagi terdapat pihak-pihak tertentu termasuk mereka yang terlibat secara langsung dengan menyumbang kepada kegagalan tersebut lantaran daripada keengganan memberikan persetujuan. Contohnya, beberapa pemimpin-pemimpin utama kerajaan negeri tertentu telah mengambil sikap lepas tangan dengan menyalahkan Kerajaan Pusat dalam setiap masalah yang timbul tentang sistem perundangan Islam di negara ini.

Tuan Yang di-Pertua, oleh itu menyedari akan sistem pentadbiran dan perundangan Islam merupakan satu perkara yang amat penting dan sebarang isu yang berkaitan dengannya perlu untuk diselesaikan dengan segera, maka saya mencadangkan kepada pihak Kerajaan Pusat untuk bertindak dengan lebih agresif tentang perkara ini. Kita sudah tidak boleh membiarkan pihak-pihak tertentu memperlambat-lambatkan usaha penyeragaman tersebut dengan hak yang wujud pada mereka. Isu ini merupakan isu masyarakat Islam secara keseluruhannya di negara ini.

Tuan Yang di-Pertua, kita tidak mahu pihak-pihak yang terlibat dengan perundangan Islam di negara ini khususnya golongan rakyat menjadi mangsa lantaran daripada ketidakcekapan dan masalah yang wujud dalam Mahkamah-mahkamah Syariah natijah daripada ketidakseragaman sistem pentadbiran.

Tuan Yang di-Pertua, oleh itu saya ingin mencadangkan kepada pihak kerajaan agar membuat kaji terperinci tentang isu berkenaan. Jika sekiranya ada pihak yang menggunakan hak yang ada pada mereka untuk lewat-lewatkan usaha Kerajaan Pusat yang realitinya amat baik, tidak salah pada hemat saya sekiranya Kerajaan Pusat menggunakan hak yang ada pada mereka di sisi Perlembagaan termasuklah membuat pindaan Perlembagaan sekiranya ini melibatkan kepentingan kebajikan dan harapan rakyat.

Tuan Yang di-Pertua, sekiranya tidak sampai bilakah lagi kita harus menunggu, rakyat terus menjadi mangsa, Sistem Pentadbiran Perundangan Islam kita terus kurang diyakini dan Kerajaan Pusat pula terus dijadikan scapegoat, dengan izin, oleh segelintir pihak yang hanya mementingkan agenda peribadi dan puak masing-masing.

Tuan Yang diPertua, berkaitan dengan isu yang sama saya ingin mengutarakan masalah yang dihadapi oleh para penuntut jurusan Undang-undang Syariah di Universiti Islam Antarabangsa (UIA). Adalah dimaklumkan bahawa para graduan undang-undang syariah daripada universiti berkenaan masih belum mendapat pengiktirafan daripada Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) dan beberapa Majlis Agama Islam negeri sebagai setanding dengan graduan bidang yang sama dengan universiti-universiti yang lebih termasuk daripada luar negara untuk membolehkan mereka secara automatik layak memasuki arena perundangan Islam termasuklah sebagai peguam syariah. Perkara ini telah menyebabkan ramai para penuntut undang-undang di UIA yang sungguhpun mengambil subjek Undang-undang Islam dalam bahasa Arab, tidak mahu meneruskan pengajian mereka dalam Tahun Kelima untuk mendapat Double Degree, dengan izin, Sarjana Muda dalam undang-undang dan Sarjana Muda Undang-undang Islam.

Tuan Yang diPertua, saya melihat perkara ini sebagai satu kerugian kepada kita sendiri. Di kala kita menghadapi masalah kekurangan tenaga, kepakaran dalam perundangan Islam, kita tidak menggunakan sumber yang tersedia dari gedung ilmu yang wujud di negara kita sendiri untuk menyelesaikan masalah berkenaan.

Tuan Yang diPertua, oleh itu saya mencadangkan agar kerajaan mengkaji untuk memberi pengiktirafan kepada mereka. Tindakan ini sekiranya dilaksanakan akan dapat menggalakkan lebih ramai para pelajar undang-undang khususnya di UIA yang akan mengambil peluang untuk meneruskan pengajian untuk mendapatkan Sarjana Muda Undang-undang Syariah dalam Tahun Kelima.

Tuan Yang diPertua, akhir sekali sukalah saya menyentuh tentang Minggu Saham Amanah yang baru-baru ini telah dilangsungkan yang juga telah menjadi acara tahunan dalam kalendar negara. Syabas diucapkan. Saya mendapati program berkenaan adalah amat baik untuk mendidik masyarakat dan menanamkan sikap melabur. Selain daripada itu, ia juga akan membantu mempertingkatkan dana negara. Ini adalah kerana simpanan merupakan teras pembangunan ekonomi negara. Namun begitu, sukalah saya mencadangkan agar pihak kerajaan meminta pihak-pihak yang terbabit dalam penganjuran program tersebut agar membuat sedikit perubahan, agar semua lapisan masyarakat mendapat manfaat daripada aktiviti-aktiviti yang dijalankan sepanjang minggu berkenaan.

Tuan Yang di-Pertua, contohnya, apabila program tersebut hanya dianjurkan di ibu negara, hanya masyarakat yang duduk di sekitar sahaja yang berpeluang untuk melihat pameran dan mendapatkan maklumat-maklumat yang berkaitan. Rakyat di Sabah contohnya, tidak berpeluang untuk terdedah secara langsung dengan program yang amat bermanfaat tersebut. Oleh itu, saya mencadangkan antara langkah yang boleh dilakukan adalah mengadakan acara-acara utama program berkenaan secara bergilir-gilir setiap tahun di ibu-ibu negeri yang lain. Ini akan membolehkan program tersebut menjangkau golongan sasaran yang lebih luas khususnya masyarakat luar bandar.

Tuan Yang di-Pertua, dengan itu saya menyokong Rang Undang-undang Perbekalan 2000. Sekian, terima kasih.

Dato' Michael Chen Wing Sum: Yang Berhormat Datuk Zainudin.

12.19 tgh.

Datuk Zainudin bin Maidin: Pertama sekali saya ingin mengucapkan berbanyak terima kasih kerana memberi peluang kepada saya untuk turut serta dalam perbahasan mengenai Belanjawan 2000 di peringkat Dasar. Saya akan cuba untuk menyentuh masalah-masalah press council, percutian pegawai-pegawai kerajaan, kakitangan kerajaan dan juga tentang globalisasi yang akan juga mencakupi kementerian-kementerian iaitu Jabatan Perdana Menteri, Kementerian Dalam Negeri, Kementerian Tenaga, Komunikasi dan Multimedia, Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, Kementerian Luar Negeri dan Kementerian Kewangan sendiri.

Pertama sekali saya ingin ikut serta dalam sentimen dan restu rakyat di atas pelantikan Gabenor Bank Negara dari seorang wanita. Semalam seorang anggota PAS telah pun juga mengucapkan tahniah di atas pelantikan ini. Selain daripada merupakan wanita pertama di Asia, Ze ti, anak kepada Pak Ungku dan Kak Azah adalah juga merupakan wanita Islam yang pertama di dunia yang telah dilantik menjadi Gabenor Bank Negara. Ini adalah menunjukkan kepada dunia luar dan juga di dalam negara bahawa Malaysia adalah sebuah negara Islam yang paling dinamik dan paling progresif di dunia ini. Saya percaya, insya-Allah, suatu masa nanti mungkin seorang wanita akan dilantik menjadi Setiausaha Negara dan kita telah melihat potensi-potensi wanita-wanita kita dalam memikul tanggungjawab yang besar di negara ini, umpamanya, pada suatu masa dahulu kita telah melihat bagaimana Setiausaha Negara

Amerika sendiri telah ditandingi dan telah dicabar oleh wanita juga di negara ini dan saya merasakan bahawa bakat-bakat yang tersembunyi mereka yang berkelulusan tinggi dan juga wanita-wanita yang lebih cekap dan lebih mahir serta berkeupayaan tinggi wujud di negara ini menerusi peluang-peluang pendidikan yang telah diberikan begitu luas untuk mereka mencapai tahap yang dikehendaki oleh negara dan peluang-peluang yang sentiasa dibuka oleh negara kepada mereka.

Saya harap juga ini akan memberi penghayatan kepada pihak PAS sendiri yang selama ini hanya memberikan peluang untuk wanita-wanitanya menjadi senator dan satu masa nanti akan membuka semula peluang yang telah pun ada dahulu untuk memberi peluang kepada wanita-wanitanya untuk bertanding dalam pilihan raya supaya menyertai arus perdana yang tidak dapat disekat lagi yang telah dilihat dari masa ke semasa di negara ini. Saya ingat dahulu Dewan Rakyat pernah digegarkan oleh suara-suara seperti Khatijah Sidek dan beberapa orang wanita yang berkebolehan dan bakat-bakat serupa ini walau daripada mana sekalipun mereka adalah melambangkan keberanian, ketokohan dan keupayaan wanita yang ada dan tersembunyi di dalam negara ini yang tidak harus ditekan oleh sesiapa pun.

Dato' Abdul Aziz bin Abdul Rahman: Soalan, Tuan Yang di-Pertua. Adakah pihak Yang Berhormat secara tidak langsung menyatakan bahawa parti pembangkang seperti PAS menyekat dari segi wanita berkembang dengan potensinya sehingga ke peringkat yang setinggi-tinggi sekali – di dalam Dewan Negara, Dewan Rakyat ataupun di dalam perbankan dan segala-galanya.

Datuk Zainudin bin Maidin: Saya rasa saya tidak harus memberikan jawapan yang tidak meyakinkan orang PAS. Biar orang-orang PAS sendiri yang menjawab soalan ini, apakah itu merupakan suatu sekatan terhadap peluang yang telah pun dibuka dan ditutup semula untuk kemajuan wanita dalam politik tanah air.

Tuan Hassan bin Haji Shukri: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kerana memberikan laluan. Pertama saya hendak terangkan di sini, kita daripada Parti Islam SeMalaysia ini sebenarnya pertama saya hendak sebut, saya tidak hendak sebut hal-hal parti dalam Dewan ini tetapi oleh kerana sahabat-sahabat di depan saya ini telah membangkitkan perkara yang berkaitan dengan Parti Islam SeMalaysia (PAS), maka saya perlulah memberikan penjelasan. Itu pun setelah diberi ataupun setelah diminta untuk saya memberikan penjelasan.

Yang pertama, kalau saya sebut di sini pun barangkali Ahli-ahli Yang Berhormat tidak percaya ramai orang-orang PAS ini, kalau saya sebut pegawai kerajaan, nanti tuan-tuan hendak buang semua. Itu yang susah, pegawai-pegawai tinggi, saya tidak sebut namalah, cari sendirilah, kalau hendak buang pun itu terserahlah kepada Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian. Ramai, bukan sahaja dalam bidang agama, dalam bidang perubatan, farmasi, pakar atom pun ada kalau saya hendak sebut, nanti Ahli-ahli Yang Berhormat beritahu pula kepada Kementerian Dalam Negeri. Ramai, tetapi untuk sementara waktu ini, oleh kerana suasana pada pandangan kita belum lagi me ngizinkan untuk kaum wanita bertanding dalam pilihan raya, maka dengan sebab itu kami melihat belum sesuai, belum munasabah, belum wajar lagi bagi wanita-wanita untuk menyertai pertandingan di dalam pilihan raya kerana kami melihat banyak fitnah-fitnah yang boleh berlaku ke atas seorang wanita yang menjadi wakil rakyat kerana di negara kita ini, sepatutnya macam negara-negara lain, kalau dia menjadi Ahli Parlimen, kerjanya ialah menggubal dan meluluskan undang-undang tetapi di negara kita ini kalau seorang wanita menjadi wakil rakyat, dia terpaksa kadang-kadang orang hendak bersalin pun beritahu dia juga – tengah-tengah malam. Itu di antara kerja-kerja yang sepatutnya tidak dilakukan oleh seorang wanita.

Jadi, dengan sebab itu bukan, saya tidak mengatakan bahawa tidak boleh tetapi untuk waktu ini, belum sesuai lagi, insya-Allah, kalau masanya sesuai, masyarakatnya pun sudah baik, tidak ada lagi berlaku jenayah dan sebagainya yang begitu menjolok mata ataupun yang begitu banyak, insya-Allah, kita akan tampilkan wanita-wanita ini untuk mengambil bahagian dalam politik, dalam bidang ekonomi, dalam apa jua bidanglah tetapi sekarang ini saya tidak, barangkali Ahli-ahli Yang Berhormat pun tidak boleh hendak menafikan bahawa kaum Muslimat daripada kalangan PAS ini ramai yang menyertai bidang-bidang profesional dan saya tidak harus mendedahkan nama-nama mereka. Ahli-ahli Yang Berhormat sendirilah cari tetapi saya harap jangan kita ambil sikap untuk membalas dendam. Seakan-akan Ahli-ahli Yang Berhormat sekarang ini kalau ada sedikit lawan sahaja hendak cari jalan kalau boleh hendak singkirkan. Ini adalah satu sikap yang tidak baik, satu sikap yang tidak harus disuburkan dalam sebuah negara yang menjalankan atau yang melaksanakan dasar demokrasi berparlimen ataupun demokrasi berpilihan raya. Kita

biarkan demokrasi ini hidup subur selama ianya tidak menggugat ketenteraman negara. Sekian, terima kasih.

Datuk Zainudin bin Maidin: Terima kasih, Yang Berhormat. Saya penuh percaya sekiranya masa mengizinkan apabila Yang Berhormat Hassan bin Haji Shukri mengambil alih pimpinan PAS kelak, maka akan semakin cepatlah peluang untuk wanita berkembang dan meningkat dalam pimpinan PAS dan juga pimpinan negara dan memberi peluang kepada wanita untuk bertanding dalam pilihan raya yang akan datang.

Saya rasa bahawa dengan adanya wanita-wanita yang telah mempunyai kedudukan dalam pemerintahan negara, dalam farmasi dan sebagainya, itu adalah juga saya kira satu peluang yang diberikan oleh kerajaan, walaupun kerajaan tahu, saya kira semua tahu, takkanlah kerajaan tidak tahu siapa PAS, siapa tidak PAS tetapi ada juga sampai sekarang farmasi yang supply kepada kerajaan masih dibenarkan – banyak, jadi ini adalah soal demokrasi. Di sini kita bercakap tentang politik, ini Parlimen. Jadi, tentulah hal-hal politik itulah yang secara langsung terlibat dengan Dewan Rakyat dan juga Dewan Negara. Maka, tidak dapat mengelakkan bahawa kita bercakap dari segi politik.

Saya tidaklah berhasrat menyentuh PAS tadi dari segi politik tetapi sebenarnya adalah dari segi rasa tanggungjawab saya kepada wanita dan juga kesedaran saya terhadap kemampuan wanita di negara ini dan bagaimana saya melihat wanita harus timbul untuk menyedarkan wanita sendiri di negara ini yang mencakupi seluruh aspek-aspek yang boleh menengahkan dan meyakinkan wanita terhadap kemampuan mereka untuk mencorakkan dunia ini, di Malaysia tanahnya terbuka untuk mereka berjuang.

Seterusnya saya ingin menyentuh, sebelum pergi perkara-perkara yang lebih rhetoric, saya akan menyentuh secara langsung pertama sekali ialah tentang bagaimana kita harus mengembangkan dan menanam perasaan kecintaan dan kesedaran terhadap sejarah negara ini sendiri. Bila berlaku demonstrasi Oktober yang menggugat seluruh Kuala Lumpur dan seluruh negara, kita tersandar kepada kenyataan bahawa nilai-nilai sejarah tidak menerap dalam angkatan muda yang dilahirkan menerusi satu sistem pelajaran kebangsaan. Kita menyalahkan mereka, kita menyatakan mereka tidak bersyukur, mereka tidak berterima kasih dan mereka telah

menggigit tangan-tangan yang telah menyuap bagi kehidupan mereka. Mereka begitu cepat terpengaruh dengan anasir-anasir antikerajaan.

Saya tidak bermaksud untuk membincangkan perkara ini dengan panjang lebar tetapi cukuplah sekadar untuk mengatakan mereka ini telah tidak dididik dengan sewajarnya bagi menghargai sejarah dan bagi menilai sejarah itu, bagi mengenal sejarah dalam kebangkitan sesuatu bangsa yang menjadi makmur dan kuat.

Kita ahli-ahli di Dewan ini sendiri pernah mendengar anak-anak muda, anak saya atau anak sesiapa juga yang telah terpelajar, yang telah mendapat pelajaran tinggi di luar negeri melihat pembangunan yang berlaku ini sebagai suatu keharusan. Seharusnya berlaku begitu, mereka akan mengatakan tanggungjawab kerajaanlah untuk membina jalan raya, tanggungjawab kerajaanlah untuk memberikan scholarship, tanggungjawab kerajaanlah untuk menyediakan sekolah-sekolah.

Semua itu adalah bermakna juga kerajaan akan bertanggungjawab dalam melaksanakan hasrat rakyat, tetapi pernahkah kita bertanya bagaimana kita sampai kepada peringkat di mana kita memberikan semua ini? Apakah kita melalui satu proses yang paling licin, paling tenang, paling mudah dan tidak menghadapi banyak masalah untuk kita mencapai kepada suatu taraf kestabilan, kekuatan dan maruah harga diri yang tinggi mencakupi agama Islam itu sendiri. Apakah begitu mudah kita melihat pembangunan-pembangunan masjid yang hebat, yang timbul satu demi satu sebagai melambangkan bahawa negara ini negara Islam.

Saya terkenang bila kita menuju untuk kita turun ke Istanbul, walaupun negara Islam itu sudah tidak menjadi suatu penghayatan yang besar di Istanbul itu sendiri. Tetapi apabila kita hendak mendarat di Istanbul itu apa yang kita lihat ialah masjid-masjid di mana-mana. Ini dihayati oleh negara kita, maka itu berhampiran dengan KLIA telah kita bangukan masjid, berhampiran dengan Kementerian Kewangan di atas bukit-bukit. Di tempat-tempat yang indah kita bangukan masjid, bahawa walaupun kita menerima agama lain untuk turut hidup dalam negara ini bebas tetapi lambangnya, keagungannya adalah Islam itu sendiri. Kita lupakan ini semua, di mana datangnya, di mana kemampuan wang yang begitu besar datang, bagaimana?

Kita jangan lupa kita telah berjuang dengan pertumpahan darah, tentera-tentera kita telah mati, askar-askar kita telah terkorban, kita telah menyatukan rakyat untuk menentang komunis pada tahun sebelum kemerdekaan dan selepas kemerdekaan itu sendiri. Itu yang pertama.

Kemudian, anasir-anasir ini terus berkumpul dalam melambangkan ekstremisme, melambangkan chauvinisme, melambangkan penghayatan dari unsur-unsur luar, berkiblat kepada Indonesia, menjemput konfrontasi Indonesia dan kita hampir dihancurkan tetapi kita bangun sebagai satu bangsa yang kuat. Masalah chauvinisme dari masa ke semasa sehingga mencetuskan Peristiwa 13 Mei dan kita keluar dengan strategi yang lebih hebat, yang meyakinkan diri kita dari hanya Perikatan kita bangunkan Barisan Nasional, lebih besar. Itu satu idea Razak, satu vision yang telah memerangkapkan seluruh negara ini untuk menjadi lebih kuat. Kita mengambil PAS, hanya DAP yang tidak pernah menyokong sebarang langkah untuk membangunkan negara ini. Hanya DAP sampai ke akhir, sampai sekarang dan malangnya terus menjadi, terus diperalatkan oleh kuasa asing tanpa penghayatan terhadap sensitiviti rakyat negara ini.

Jadi, saya dengan segala ringkasnya setelah saya mengemukakan perkara ini saya ingin mencadangkan supaya dibangunkan sebuah muzium sejarah perjuangan rakyat di Baling, Kedah untuk melambangkan pertahanan rakyat terhadap demokrasi, menentang komunisme dan juga musuh-musuh negara.

Saya memilih Baling adalah kerana Baling mencatatkan sejarah yang paling besar di negara ini, sejarah nama Baling lebih dikenali daripada Malaysia itu sendiri, daripada Malaya itu sendiri apabila Almarhum Tunku Abdul Rahman, mengetuai satu kumpulan rakyat Malaysia pada 29 Disember 1955 untuk berunding dengan Parti Komunis Malaya bagi mencari perdamaian bagi menamatkan gerakan-gerakan ganas komunis ke atas rakyat Malaysia. Rakyat Malaysia diketuai oleh Perdana Menteri Malaysia Tunku Abdul Rahman, Datuk Sir Tan Cheng Loke, David Marshall, Hamid Jumaat, Yaakob Latiff, Thoo Joo Hin, T.H.Tan dan – saya ingat Syed Jaafar Albar tidak masuk dalam perundingan itu. Yang saya ingat Tunku Abdul Rahman, Tan Cheng Loke, David Marshall, itu yang paling terkemuka dan Parti Komunis Malaya diketuai oleh Chin Peng, Chin Tian dan Rashid Maidin.

Perundingan ini yang ‘code name’nya saya pun tidak dapat mencari apa maknanya, ‘Ping Gim’ telah gagal kerana rakyat Malaysia menolak tuntutan untuk menghalalkan parti Komunis dan komunis kemudiannya meneruskan perjuangan sehinggakan gerakan komunis seluruh dunia lumpuh dan PKM memutuskan untuk turut menyerah kalah dengan suatu perjanjian damai di Haadyai.

Saya bersyukur kerana saya telah berkesempatan untuk turut menyaksikan perjanjian apa yang dikatakan Perjanjian Damai tetapi sebenarnya bukan Perjanjian Damai tetapi adalah penyerahan Parti Komunis Malaya kepada perjuangan rakyat Malaysia yang bertahun-tahun kepada kekuatan dan perpaduan rakyat untuk melunturkan dan menghancurkan mereka sebenarnya, ialah bukan suatu Perjanjian Damai tetapi satu penyerahan Parti Komunis Malaya yang berselindung di sebalik perdamaian tetapi upacara perdamaian itu bukan sesuatu yang solemn tetapi begitu menjadi satu perkara yang begitu lucu. Semua tetamu telah dilindungi oleh photographer dan jurugambar-jurugambar akhbar dan berlaku pecah pasu bunga dan sebagainya hingar-bangar tanpa kawalan keselamatan yang menandakan berakhirnya suatu perjuangan yang sia-sia.

Jadi, hal ini saya harap konsep muzium ini adalah menanamkan kepercayaan rakyat kepada dasar hidup bersama yang menolak semua bentuk fahaman kekerasan, ekstremisme dan chauvinisme. Malaysia mempunyai banyak bahan sejarah bergambar, filem dan visual yang menunjukkan kemenangan rakyat ke atas fahaman kekerasan dan perjuangan PKM, konfrontasi Indonesia, politik perkauman dan agama yang menumpah darah.

Tujuan saya, saya tidak mahu mana-mana pihak kelak apabila kita merancang dalam konsep muzium ini menyinggung mana-mana parti politik yang halal di negara ini tetapi kita haruslah luas dan liberal dan juga mempunyai konsep yang adil dalam mengemukakan muzium ini untuk dihargai oleh rakyat. Tujuan saya muzium ini bukanlah untuk mendewakan perjuangan komunis tetapi perjuangan pasukan keselamatan, perjuangan daripada SC, polis, tentera dan rakyat Malaysia sendiri. Sekalipun mungkin bahan-bahan ini terdapat di Muzium Negara atau di Arkib Negara tetapi tanpa muzium yang khusus, ia tidak akan dapat menarik perhatian rakyat terhadap permulaan kita yang benar.

Jika permulaan kita salah, maka kita mungkin berada pada tahap Indonesia, berada pada tahap Burma, berada pada tahap Kemboja dan negara-negara Afrika yang telah jatuh kepada penjajahan komunis setelah merdeka. Kita telah mempelajari – apa pun dikatakan – tidak – kita barangkali ikut dalam sentimen bahawa Razak, Tunku adalah semuanya adalah alat-alat penjajahan British. Itulah gambaran, itulah semangat Asia, itulah semangat Afro-Asia tetapi kita telah memilih jalan yang benar dalam berasaskan kemerdekaan kita dan kerana jalan yang benar inilah, kita telah

berada pada tahap tamadun yang masalah-masalah yang kita hadapi sekarang bukan masalah-masalah yang dihadapi oleh Vietnam, bukan masalah yang dihadapi oleh Myanmar, bukan masalah yang dihadapi oleh Indonesia tetapi kita sudah berada pada satu tahap untuk menyelesaikan masalah-masalah yang sama dengan masalah-masalah negara lain yang telah maju.

Di sinilah perbezaannya di mana kita meninggalkan mereka kerana kita telah memilih jalan yang benar. Bukan kita memilih retorik, berdikari, kita pernah dengar rakyat mesti berdikari pada setiap 14 Ogos tetapi akhirnya apa yang terjadi sekarang, bukan berdikari, menyerah diri kepada IMF. Menyembah lulut mereka tetapi kita tidak jadi demikian kerana asas yang telah kita letakkan adalah asas yang paling kuat, paling mantap, paling benar.

Jadi, itulah saya mengemukakan cadangan dan terserahlah kepada mereka yang peka dalam soal pembangunan sebuah muzium dan Baling bandar yang cantik, bandar yang indah, yang akan menjadi sekiranya ada Muzium Sejarah rakyat akan bertumpu untuk mengenangkan sejarah, untuk mengingatkan kekuatan bangsa kita.

Saya akan pergi kepada Press Council ataupun Majlis Media. Saya ingin tahu dari Kementerian Dalam Negeri, sejauh manakah kemajuan dalam usaha untuk menubuhkan Majlis Media di Malaysia yang telah saya timbulkan pada persidangan Dewan ini di tahun lalu. Ini adalah ekoran daripada usaha-usaha untuk menubuhkan Press Council yang telah dimulakan sejak 15 tahun dahulu dan saya mengemukakan sebagai Majlis Media oleh kerana pada masa Press Council dianjurkan peranan-peranan media elektronik tidak begitu jelas tetapi saya rasa Press Council haruslah mencakupi tidak hanya print media tetapi electronic media.

Jadi, sejak saya membangkitkan perkara ini Menteri Dalam Negeri atau sekarang ini Timbalan Perdana Menteri telah pun menunjukkan sikap proaktif dengan mengambil langkah-langkah positif dengan mengadakan perundingan dengan para wartawan Kesatuan Kebangsaan Wartawan (AUJ) dan juga Press Club dan juga mengadakan perundingan dengan pengarang-pengarang akhbar dalam usaha untuk memahami keperluan atau penting wujudnya sebuah Press Council di Malaysia. Meminjam apa yang dikemukakan oleh Press Kelab baru-baru ini iaitu masih menggunakan Press Council.

Saya merasakan yang wajarnya ialah Majlis Media – saya mengalu-alukan kenyataan Presiden Press Kelab Malaysia, Zainon Ahmad untuk menyampaikan

sebuah kertas kerja bagi penubuhan Press Council berasaskan kepada kajian model Press Kelab di negara-negara lain. Seorang wartawan veteran yang juga Pengerusi Adcom, Datuk Mazlan Nordin seorang wartawan yang terkenal, yang komitmennya sangat besar dalam dunia kewartawanan di negara ini dan sekarang telah aktif semula dalam umurnya lebih kurang 75 tahun, aktif semula dalam *New Straits Times*, telah menyatakan dalam sebuah tulisan di *NST* pada 21 April 2000, bahawa dengan adanya Press Council kelak, maka beberapa perkara tidak perlu dibawa ke mahkamah tetapi boleh dirujuk lebih dahulu ke majlis itu yang seharusnya dipengerusikan oleh bekas hakim, pengarang dan wakil orang-orang awam. Oleh kerana usaha untuk menubuhkan Press Council di negara ini telah pun mengambil masa 15 tahun, maka itu telah banyak perubahan yang berlaku terhadap Press Council di luar negara.

Press Council di London telah pun ditukarkan namanya kepada Suruhanjaya Perundangan Akhbar dengan menetapkan etika kewartawanan yang antara lain, bukan semuanya, antara lain ialah pertama, pengakuan mereka, pengakuan yang telah ditandatangani oleh semua akhbar di Britain iaitu kita akan mengawal. Ini akhbar-akhbar yang komited kepada etika ini atau code of conduct, kita akan mengawal agar tidak membuat penyiaran yang salah, mengelirukan atau memutarbelitkan bahan distorted material. Jika kesilapan, kekeliruan atau penyelewengan laporan sangat jelas, kita akan menyiarkan pembetulan dengan segera dan dengan memberikan keutamaan yang sewajarnya.

Peluang menjawab yang adil kepada kesilapan akan diberikan oleh akhbar-akhbar. Pencerobohan dan penyiasatan kepada kehidupan peribadi seseorang tanpa persetujuan termasuk penggunaan fotografi jarak jauh atau long lancer photography untuk mengambil gambar terhadap harta-harta persendirian, hanya akan dibenarkan jika dilakukan untuk kepentingan awam.

Saya percaya bahawa akhbar-akhbar telah mengadakan etika baru atau tambahan kepada etika yang sudah wujud ialah berikutan dengan pencerobohan terhadap kehidupan Lady Diana oleh photographer dan juga oleh pihak-pihak akhbar. Di sana bukan soal politik lagi tetapi soal peribadi dan saya rasa bahawa apabila ini diterima maka soal check book journalism juga akan dapat diatasi, iaitu check book journalism ini maknanya bukanlah rasuah kepada pemberita tetapi adalah akhbar-akhbar di London, di United Kingdom banyak membeli bahan-bahan yang dirahsiakan daripada orang-orang perseorangan untuk menaikkan circulation atau

dalam persaingan menambahkan pasaran akhbar, yang dibayar dengan harga yang bermilion-milion ringgit untuk mendapatkan cerita-cerita eksklusif. Inilah yang dipanggilkan sebagai check book journalism yang mungkin juga akan berlaku di negara kita ini apabila kita menjadi affluent dan semakin kuat dari segi ekonominya.

Pada fikiran saya, tidak seharusnya apabila ada Press Council atau media council kelak, maka kita semestinya menghapuskan Akta Cetak dan Penerbitan seperti mana yang dibayangkan oleh Press Club yang dituntut atau dibayangkan oleh Press Club, tetapi ia boleh dianggap sebagai suatu langkah kecil ke arah langkah yang lebih besar atau suatu permulaan ke arah penghapusan akta itu, apabila orang awam, orang perseorangan dan juga pihak-pihak akhbar dan media merasakan bahawa Press Council sudah cukup untuk menjamin kepentingan individu, hak awam, keselamatan negara dan juga kebebasan akhbar itu sendiri.

Pada ketika ini saya kira kerajaan nampaknya menyerah perkara ini kepada pihak akhbar sendiri atau kepada pihak Press Council dan para editors untuk membuat keputusan, tetapi saya kira peranan kerajaan dalam membantu usaha ini adalah juga penting dan keikhlasan daripada pihak parti-parti pembangkang juga harus ada bagi memudahkan penubuhan Press Council ini yang akan menjamin keselamatan semua pihak dan juga akan memupuk pemikiran yang lebih teratur, lebih tertib di kalangan para akhbar dan juga di kalangan masyarakat sendiri.

Saya kira apabila ada keyakinan dengan adanya Press Council ini, pihak akhbar sendiri, pihak media telah dapat meyakinkan masyarakat, maka lama kelamaan Akta Cetak dan Penerbitan ini boleh kita hapuskan tetapi tidaklah dengan serta merta, sebab kalau dihapuskan akan wujudnya akhbar-akhbar tanpa lesen, maka bukan sahaja ia merugikan pihak tetapi juga bukan hanya merugikan, kita hanya memikirkan dari segi politik, tetapi lebih kepada hak-hak individu itu sendiri dan individu juga tidak akan mengambil tindakan yang sewenang-wenang terhadap akhbar walaupun tidak berkuasa, tetapi mengugut akhbar dengan tindakan undang-undang sehingga RM100 juta atau RM200 juta dan sebagainya, liable suit yang memberikan gambaran bahawa kalau mereka juga berkuasa, mereka juga tidak akan menjamin kebebasan akhbar, malah mereka mungkin juga bertindak lebih buruk lagi daripada apa yang ada sekarang.

Jadi, saya menyerulah agar kerajaan dalam mendapatkan fikiran-fikiran untuk penubuhan Press Club ini, mereka mestilah mendapatkan pendapat dari kalangan

wartawan yang betul-betul profesional, badan-badan yang mewakili para wartawan yang sah, bukan daripada badan-badan yang hanya gembar gembur mewakili golongan wartawan, umpamanya yang sah di Malaysia yang mesti kerajaan tidak tinggalkan ialah Press Club dan juga NUJ itu sendiri. Tidak boleh dipandang kecil, sebab National Union of Journalist (NUJ) adalah mewakili sebahagian besar kaum wartawan di semua akhbar, akhbar Cina, akhbar berbahasa Melayu, akhbar Inggeris dan sebagainya dan mempunyai sejarah kewarasan dan sejarah kematangan, sejarah-sejarah perjuangan yang baik di negara ini.

Saya sendiri pernah menganggotai NUJ ini dan Press Club ini juga saya rasa adalah satu badan yang telah lama ditubuhkan yang diketuai oleh orang-orang yang veteran, yang berminat untuk mengumpulkan para journalist bagi tujuan-tujuan yang lebih bertujuan sosial daripada perjuangan kepentingan para wartawan daripada segi gaji dan sebagainya.

Maka saya harap janganlah kita mengambil..., tiba-tiba muncul satu persatuan yang tidak mempunyai kredibiliti untuk turut serta dalam penubuhan ini dan saya mengharapkanlah jawapan dan penerangan daripada pihak yang terlibat, khususnya Kementerian Dalam Negeri, sejauh manakah usaha yang telah dilakukan dan pencapaian-pencapaiannya setakat ini.

Saya ingin menyentuh suatu isu yang agak sensitif, barangkali kepada kakitangan kerajaan ataupun pegawai-pegawai kerajaan, tetapi saya rasa, saya harus kemukakan perkara ini untuk difikirkan semula, untuk dikaji dan untuk dipertimbangkan iaitu sesuai dengan hasrat kerajaan untuk meningkatkan produktiviti negara, terutama dalam memenuhi tuntutan-tuntutan eksport dan persaingan tenaga buruh dan pengeluaran negara yang lebih murah dan lebih kompetitif, dengan demikian juga di dalam keadaan kerajaan memerlukan komitmen kakitangannya, penghayatan sepenuhnya terhadap usaha-usaha memantapkan negara dari segi politik dan ekonomi, keikhlasan dari kakitangan kerajaan sendiri, maka saya ingin menyeru kerajaan dan juga kesatuan-kesatuan sekerja, CUEPAC, MTUC dan sebagainya dan juga kerajaan-kerajaan negeri dan Kerajaan Persekutuan sendiri supaya tidak menjadikan cuti sebagai suatu permainan politik.

Kerajaan Persekutuan telah pun menambahkan cuti rehat hujung minggu dari satu setengah hari seminggu kepada dua hari seminggu dalam sebulan dan terdapat kemungkinan akan ditambah lagi. Tujuan utama ialah untuk menggalakkan

pelancongan. Rasional yang diberikan oleh Kerajaan Pusat ialah untuk menggalakkan pelancongan. Dan juga kerana cuti hujung minggu separuh hari tidak produktif kerana perasaan dan suasana mempengaruhi hari kerja, separuh hari kerja, dahulunya kalau saya tidak silap dalam masa Almarhum Tunku Abdul Rahman, Dato' Senu sebagai Menteri Penerangan telah mengesyorkan supaya kakitangan kerajaan memakai baju batik pada hari Sabtu, tetapi ia melahirkan suasana cuti pada hari Sabtu, maka oleh kerana dianggap hari Sabtu itu sebagai hari yang tidak produktif maka ditambahkan lah cuti hujung minggu untuk berlibur seolah-olahnya kita telah menjadi satu masyarakat yang affluent, yang kuat ekonominya, yang lebih banyak untuk berehat, bercuti dan sebagainya.

Di Kelantan dan Terengganu, cuti hujung minggu telah ditetapkan dua hari seminggu pada setiap minggu. Terengganu dengan segera serta merta mengikuti langkah Kelantan sebaik sahaja ditawan oleh PAS. Oleh kerana hari cuti yang tidak sama dengan cuti Wilayah, maka sebenarnya mungkin yang kita tidak sedar, urusan hubungan antara negeri dan Persekutuan, tentu ada pejabat kerajaan negeri dan pejabat Persekutuan yang terpaksa berhubung hanya tiga hari sahaja dalam seminggu iaitu Isnin, Selasa dan Rabu. Pada hari-hari yang lain tidak boleh semua bercuti kerana hari cuti yang tidak sama. Pusat tidak boleh menghubungi kedua negeri itu pada hari Sabtu, Ahad, Jumaat dan Khamis dan sebaliknya dari segi produktiviti bagaimana?

Tambahan pula orang-orang Terengganu dan orang-orang Pantai Timur ini mereka lebih suka dengan lambaian pohon kelapa, nyiur di pantai, rehat dan sebagainya dan budaya kerja keras itu belum diterapkan, cuti lebih dahulu, kita belum sampai kepada peringkat untuk memenuhi cuti kalau kita bandingkan produktiviti di Amerika, tetapi tak usahlah bandinglah, tetapi kadang-kadang kita kena banding sebab apa yang kita hendak apa yang di Amerika dan apa yang di Jepun. Cuti yang paling banyak sekarang menurut kajian saya ialah di Jepun yang paling banyak sekali tetapi yang paling kecil sekali di Amerika dan produktiviti mereka dibantu oleh teknologi yang moden, selain daripada tenaga manusia dan komitmen para pekerja. Dan di dalam beberapa hal, pemberian cuti ini lebih bersifat hadiah politik. Kadang-kadang kita lihat, sebagai suatu persaingan politik atau mencari political mileage daripada keperluan sebenarnya.

Pemberian cuti Thaipusam juga bersifat politik. Saya masih ingat adalah bersifat politik, dari sebuah negeri menjadi beberapa negeri dan sekarang sudah ada tuntutan untuk dijadikan sebagai cuti nasional dan maafkan saya, saya dengar kata di India pun tidak ada cuti Thaipusam. Itu saya minta dibetulkanlah kepada saya oleh mereka yang lebih maklum dalam perkara ini dan saya kira kalau saya melihat, kalau hendak panjang kalau saya hendak bawa, saya melihat cuti di Kanada, di United Kingdom, di Amerika Syarikat, di Jepun, di South Korea, di Singapura dan sebagainya, saya banding-bandingkan, Malaysia adalah negeri yang paling banyak cuti dalam dunia, dengan cuti negeri dan macam-macam cuti. Ini adalah oleh kerana kita masyarakat multi racial dan sebagainya tetapi Amerika dia tidak peduli, dia pun multi racial, dia pun melting port juga tetapi dia tidak peduli bahawa dalam sejarahnya ialah mementingkan produktiviti.

Saya berharaplah, dalam perkara ini kerajaan mengkaji semula apakah sebenarnya kakitangan ataupun pegawai-pegawai kerajaan telah menggunakan cuti hujung minggu untuk melancong atau tidak mampu untuk melancong. Apakah kita sebenarnya kita sudah sampai kepada kemampuan untuk melancong pada setiap hujung minggu? Apakah telah menambah pendapatan-pendapatan hotel begitu banyak dari segi pengalihan produktiviti negara kepada perolehan hotel-hotel dan usaha-usaha pelancongan di negara ini dan percutian dua hari seminggu ini juga memberikan tekanan secara tidak langsung, walaupun kerajaan tidak memestikan kepada syarikat-syarikat swasta tetapi telah menimbulkan harapan kepada para pekerja di syarikat-syarikat swasta iaitu mereka merasakan bahawa mereka seharusnya mendapatkan dua hari juga seminggu seperti mana yang telah didapati oleh kakitangan kerajaan dan juga oleh pihak swasta yang berkeupayaan.

Sebenarnya, kalau saya tidak silap yang memulakan di Malaysia ini yang lebih advanced yang mendahului semua pihak dalam memberikan cuti dua hari seminggu ialah akhbar iaitu desakan daripada NUJ sendiri yang mengilhami, menghayati perjuangan NUJ di Britain dan masalah-masalah yang dihadapi kemudiannya ialah bahawa syarikat-syarikat akhbar terpaksa menanggung perbelanjaan overtime yang begitu besar kerana terutamanya cuti-cuti para wartawan sendiri, wartawan bekerja tanpa mengira masa dan saya tidak mahu mengatakan bahawa ini suatu perkara yang salah, tetapi perbezaan kerja dalam bidang kewartawanan ini adalah tanpa mengira masa dan satu masa dahulu mereka begitu dieksploitasi oleh pihak syarikat-

syarikat akhbar, tetapi akhirnya syarikat-syarikat akhbar berjaya juga menguruskan perkara ini dan saya kira ada keadilan berlaku terhadap para wartawan sekarang.

Walau bagaimanapun, saya kira banyak kilang kalau sekiranya mereka belum mampu untuk memberikan satu kadar gaji yang minimum, saya kira mereka juga banyak yang masih belum mampu untuk memberikan cuti dua minggu sehari terutamanya oleh kerana persaingan dalam pengeluaran yang semakin hebat daripada negara-negara jiran yang dapat menawarkan harga tenaga buruh yang lebih murah, jauh lebih murah daripada negara kita seperti di China, Vietnam dan sebagainya.

Maka saya tidak menuntut supaya bahawa cuti yang telah diberikan itu dihapuskan – tidak!.....

Dato' Michael Chen Wing Sum: Yang Berhormat boleh menyambung ucapan selepas makan tengah hari?

Datuk Zainudin bin Maidin: Saya akan tamatkan ucapan saya dan saya sambung iaitu tentang cuti iaitu saya berharap Kerajaan Persekutuan sebelum menambah cuti rehat hujung minggu, mestilah mengkaji kesannya kepada produktiviti negara, masalah yang timbul di kalangan pejabat kerajaan, koperatif dan syarikat-syarikat yang telah diswastakan dan juga kerajaan sendiri dan saya berharap tidaklah masalah cuti ini dipolitikkan dan Tuan Yang di-Pertua, saya akan menyambung ucapan saya pada petang ini. Terima kasih.

Dato' Michael Chen Wing Sum: Ahli-ahli Yang Berhormat, Majlis ini ditempokkan sehingga pukul 2.30 petang ini.

Mesyuarat ditempokkan pada pukul 1.00 tengah hari.

Mesyuarat disambung semula pada pukul 2.30 petang.

[Tuan Yang di-Pertua mempengerusikan Mesyuarat]

2.30 ptg.

Datuk Zainudin bin Maidin: Terima kasih atas keizinan kepada saya untuk meneruskan perbahasan saya yang dimulakan tengah hari tadi. Saya turut mengalu-alukan Belanjawan ini adalah kerana keyakinan saya berasaskan kepada pergerakan dan pertumbuhan ekonomi yang amat jelas dari penguncupan kepada pertumbuhan yang dapat dilihat dalam perbelanjaan pengguna, penjualan rumah dan kereta, sehingga kepada bukti-bukti kebenaran strategi ekonomi dalam pengawalan modal dan mata wang yang telah membangkitkan kesedaran dunia dan Asia hingga

menggugat kredibiliti IMF dan World Bank yang kredibilitinya tidak pernah dipersoalkan selama ini.

Serangan terhadap apa yang dikatakan penyangak mata wang, Soros, yang menggemparkan dunia yang bermula di Hong Kong pada tahun 1998 yang diikuti dengan tindakan ekonomi yang bijak dengan sokongan rakyat dan juga swasta ternyata telah membentuk suatu sikap dunia yang lebih rasional terhadap negara kita. Umpamanya yang jelas sokongan terhadap tabung kewangan Asia yang dijuarai oleh Malaysia bagi membantu negara-negara Asia yang tidak berkemampuan atau yang bermasalah dalam kewangan kelak, dan ini telah mendapat sokongan yang hangat daripada negara-negara Asia yang ditujui perhatian dan pandangan kita.

Kita bukanlah menyuarakan nasionalisme yang sempit untuk menyelamatkan diri tetapi kita mahu menyedarkan diri kita dan rakyat kita dan juga negara-negara membangun terhadap globalisme supaya diterima tidak secara total tetapi dengan kesedaran. Globalisasi atau globalisme adalah suatu konsep dari teori revolusi dan aplet sains Barat yang terbaru setelah mereka berjaya mentamadunkan politik dan ekonomi dunia selepas Islam menerusi infralisme, nasionalisme, mekanisme, liberalisme, kapitalisme dan ideological totalitarian.

Agenda terbuka globalisasi dan liberalisasi adalah untuk pembatalan kawal selia dan integrasi ekonomi dunia atau, dengan izin, movement of global economic derevolution and integration tetapi agenda tersembunyi adalah untuk memastikan Amerika Syarikat menjadi bukan lagi *superpower* tetapi *hyperpower*. *Hyperpower* telah digunakan terminologi ini oleh Menteri Luar Perancis ‘Uber Bendrain’ terhadap Amerika Syarikat yang menunjukkan kebimbangan Eropah, kebimbangan Perancis terhadap gabungan kekuatan ketenteraan dan juga kekuatan ekonomi, the economic master and regime, dengan izin yang telah semakin dirasakan oleh negara-negara Barat sendiri selepas runtuhnya Soviet Union.

Kuasa-kuasa Eropah sendiri sebenarnya tidak senang dengan domination Amerika Syarikat dan Amerika Syarikat sendiri melihat kebangkitan nasionalisme Eropah yang membimbangkannya dan maka itu ia memerlukan Asia untuk memperkuat kedudukannya dan mengimbangi kekuatannya sebagai suatu kuasa besar di dunia. Ia memerlukan Asia dan kita haruslah sedar dalam perkara ini, kita harus sedar tidak sahaja kita yang memerlukan Amerika Syarikat tetapi Amerika Syarikat juga memerlukan kita untuk sesuatu agendanya yang besar.

Maka itu kita harus mengimbangi, kita harus menyadari bahawa kita tidak mudah untuk dipergunakan tetapi kita ada peranan kita sendiri untuk menyedarkan Amerika bahawa kita tidak mudah dipergunakan, kita tidak mudah diumbang-ambungkan dan kita mudah menjadi alat kepadanya tanpa menguntungkan kita sendiri. Kita harus mengatur daripada dasar luar sendiri, kita harus melihat bahawa Eropah ini adalah penting kepada kita. Hubungan kita dengan Eropah lebih mendahului hubungan kita dengan Amerika Syarikat sendiri. Hubungan kita dengan Eropah adalah mengikut sejarahnya sudah lebih 800 tahun iaitu dengan kedatangan Marco Polo ke China 800 tahun dahulu dan kemudiannya kedatangan Portugis Vasco de Gama dan juga Magellan yang datang ke pantai-pantai India, China, Jepun dan Malaya sendiri. Jadi hubungan ini adalah hubungan yang telah lama yang telah juga mendatangkan faedah dalam membawa pembangunan dan kesedaran politik di rantau ini .

Jadi dalam keadaan sekarang kita harus juga menyadari bahawa jumlah pinjaman bank-bank Eropah atau European Union kepada East Asia adalah jauh lebih besar daripada apa yang diberikan oleh bank Jepun dan bank Amerika, iaitu pinjaman daripada European Union berjumlah US\$106 bilion dibandingkan dengan Amerika yang hanya US\$18 bilion dan Jepun hanya 68 bilion. Ekonomi European Union itu adalah lebih besar daripada ekonomi Amerika Syarikat sendiri. Jadi potensi pasaran itu adalah berada di kedua pihak dan terserah kepada kita dan juga kepada mereka untuk berinteraksi dalam hal ini.

Bagaimanapun, sebahagian besar daripada negara-negara Eropah sendiri tidak menyadari hakikat tentang pentingnya East Asia kepada mereka kecuali rakan-rakan lama kita, seperti Britain yang telah mempunyai sejarah hubungan yang lama dengan kita dan mungkin Germany yang banyak hubungannya dengan Afrika, tetapi kebanyakan negara-negara Eropah masih menganggap bahawa East Asia ini adalah suatu kawasan yang mundur dan menganggap bahawa hubungan perdagangan dengan kita adalah akan menjadi ancaman kepada mereka kelak.

Hal-hal ini dalam dasar luar kita saya kira perkara-perkara ini haruslah kita sedari dalam mengalir dan mengimbangi dalam diri kita dalam permainan politik Amerika yang bertujuan dan bermatlamat untuk menjadi suatu *hyperpower* dengan menggunakan kita sebagai alat mereka. Maka itulah mereka perlu saya kira menghancurkan kemaraan, kebangkitan Asia, apa yang mereka sering panggil

sebagai *Asian Tigers* bahawa mereka melihat bahawa ini adalah membahaya, ini adalah akan mengancam Amerika Syarikat sendiri dari mengatur politik di sebelah sini.

Maka kebangkitan ekonomi itu harus diperlahankan, bukan mereka tidak mahu harus diperlahankan supaya tidak menjadi suatu ancaman, cukuplah sekadar Jepun menjadi masalah sebagai the second largest ekonomi di dunia dan mereka tidak mahu suatu penyatuan Asia kemudiannya akan menjadi satu ancaman yang lebih besar kepada mereka sendiri.

Kebangkitan-kebangkitan Asia ini berlaku dari masa ke semasa terutamanya yang jelas ialah kebangkitan Jepun sendiri. Jepun yang tidak percaya kepada perjuangan-perjuangan Afro Asia yang cara penentangannya dipelajari daripada pengeboman ke atas dirinya walaupun sebagai suatu kuasa kuat militari tentera tetapi bom atom telah menyedarkan bahawa bukan cara perjuangannya tetapi kejatuhan kebangkitan Afro Asia yang dijuarai oleh Nassir, Sukarno, Suharto, Mao Tze Tong dan sebagainya adalah bukan jalan untuk melawan kapitalis-kapitalis dan infralis besar ini. Jadi bagi Jepun setelah menghadapi pengeboman, setelah dideritakan oleh bom atom, maka satu cara ialah "*joint them and beat them*", dengan izin.

Cara-cara ini jugalah yang dilihat oleh Mahathir sekarang. Dan kita boleh lihat bagaimana suatu kebangkitan bank-bank Jepun dalam tahun 80-an, bank-bank Jepun disenaraikan sebagai bank-bank yang terbesar di dunia, dengan izin, world's biggest bank dalam tahun 1980 tetapi Amerika Syarikat bersama dengan Eropah telah bersatu dan menubuhkan suatu bank yang dipanggil Mega Bank dan menjatuhkan sepuluh tahun kemudian, telah menolak kekuasaan bank-bank Jepun ke taraf yang tidak lagi bertaring kuat seperti mana dahulu.

Jadi, ha-hal ini mereka akan cuba, ini adalah kita dari masa ke semasa dalam apa juga globalisme atau apa juga 'ism' yang di'introduce'kan oleh dalam theory revolusi ataupun applied science mereka, matlamat mereka adalah bahawa it is a white supremacy untuk selama-lamanya. Inilah malangnya bahawa kadang-kadang kita melihat bahawa China ada masalahnya, Singapura ada masalahnya untuk dalam menghadapi keadaan ini tetapi yang paling nyaring bersuara, yang paling lantang bersuara tentulah kita tidak dapat menafikan bahawa apa pun kelemahan Mahathir tetapi Mahathirlah yang menjadi juara dalam kebangkitan Asia dan ia dilihat sebagai

the last bastion of Asean nationalist tetapi malangnya bahawa kekacauan politik, krisis politik telah tidak menampakkan orang-orang yang dahulunya sebagai orang-orang sosialis, orang-orang yang dahulunya sebagai orang-orang nasionalis yang mengharapkan satu kepimpinan yang seumpama ini mereka tidak lagi dapat dinilai oleh kerana krisis politik tetapi sedangkan bahawa mereka ia berseorangan diri menggoncangkan dunia ini dengan keyakinan bahawa Asia ini boleh bangun, Asia yang kaya ini boleh bangun satu masa nanti untuk bersama-sama tidak pun menandingi Amerika tetapi setaraf. Dan yang lebih menarik lagi ialah sejarah kebangkitan Malaysia ini adalah terlalu menarik apa pun kita katakan tentang Amerika tetapi mereka yang pernah tinggal di Amerika tahu bahawa sebenarnya Amerika adalah is a promising land.

Berapa banyak pelajar kita yang tinggal di sana, yang pernah belajar di sana bahawa kehidupan di Amerika adalah mewah, harga barang murah, rakyat yang miskin adalah lebih merupakan the relative property ataupun social ill bukanlah kerana bahawa Amerika itu tidak dapat memberikan kemakmuran kepada rakyatnya dan barang-barang murah dibandingkan dengan Eropah dan hal ini adalah menyebabkan bahawa Amerika menjadi sebagai satu promising land yang banyak menyenangkan walaupun di sebalik segala apa imej dunianya yang menimbulkan kemarahan kepada kita tetapi dengan kekuatan itulah mereka dapat menggoncangkan dunia, mereka menjadikan masalah dalam rumah-rumah kita sehingga hari ini dan menjadikan masalah dalam rumah, menjadikan masalah dalam makanan, eksport, budaya dan sebagainya sama ada orang PASKah, orang Barisan Nasionalkah, semuanya makan McDonalds, semuanya makan Kentucky Fried Chicken, kekuatan yang masuk menjadi masalah dalam rumah kita dan rumah kita ada segala penerapan budayanya walaupun apa kita katakan tetapi kita tidak dapat menolak lagi. Soalnya bagaimana kita menyusun strategi sebagai satu bangsa Asia untuk menjadi lebih kuat dan untuk menghadapi masalah ini bukan dengan sentimen tetapi dengan kebijaksanaan yang telah ditunjukkan oleh kita, ditunjukkan oleh Mahathir dan ditunjukkan oleh para cendekiawan kita yang berpusat di Bank Negara dan lain-lain lagi.

Jadi bagaimana kita datang kepada kekuatan ini, sejarah kita adalah hampir sama sahaja dengan sejarah Amerika itu sendiri yang dibangunkan dari satu melting port, penyatuan segala kaum, penyatuan segala pemikiran, penyatuan suatu bangsa

yang telah memberikan peluang kepada kedatangan orang-orang asing dan kemudiannya menggunakannya untuk kekuatan dan pembangunan dalam negeri sendiri dan ini dapat dilihat umpamanya pembangunan apa yang berlaku dalam sejarah Amerika itu sendiri, iaitu pembangunan jalan kereta api pada mulanya dan diikuti dengan kegiatan penumpuan kepada produktiviti dan kemudiannya ialah bahawa ia dapat melahirkan pekerjaan dan kadang-kadang walaupun pekerjaan itu terpaksa berlaku pengangguran tetapi kerana dinamikanya ekonomi mereka, mereka dapat mengisi, mengembalikan pekerjaan dengan cepat. Ini adalah satu sejarah yang memang ada pada Amerika dan bagaimana hal ini boleh berlaku sebenarnya kita sendiri sedang melalui sejarah ini dan pembentukan ekonomi kita tidak jauh bezanya dengan Amerika sendiri. Kita adalah juga melting port tetapi yang masih muda.

Dalam hal ini jugalah seperti saya katakan, saya agak kesal dengan apa yang berlaku di negara kita bahawa kita tidak dapat menilai kalau sekiranya tidak ada krisis politik. Kalau tidak adanya krisis politik yang bermula pada tahun 1998, saya kira penyatuan rakyat negara ini tanpa mengira parti politik, tanpa mengira fahaman politik kita akan menjadi satu bangsa yang paling kuat, paling lantang, paling berani, paling kukuh, paling dihormati di Asia tanpa kekeliruan yang dibangkitkan oleh masalah krisis politik kerana kita mempunyai satu pimpinan yang walaupun apa yang dikatakan tetapi yang utamanya ialah nasionalisme yang dapat diterima oleh dunia, bukan nasionalisme yang sempit tetapi kebijaksanaan dalam melihat, perbezaannya ialah bahawa Mahathir dapat melihat bahawa dengan join them and bit them Mahathir dapat melihat bahawa tanah yang tidak rata yang harus diberikan tanah yang rata yang dijadikan sebagai medan perjuangan untuk semua. Ertinya kita terpaksa bertanding setaraf dengan negara-negara yang telah maju. Hal ini kita dapat lihat oleh kerana kita tidak berada di luar tetapi kita berada di dalam kawasan perjuangan itu sendiri dan kita cuba membetulkannya.

Dalam soal ini ialah oleh kerana pihak Amerika Syarikat sendiri tidak memahami sensitiviti rakyat tempatan khususnya bumiputera. Apabila pemimpin-pemimpinnya dan medianya jelas apabila pemimpin-pemimpin Amerika sendiri datang ke sini dan demikian juga medianya menjejak piagam perdamaian yang telah dicapai, walaupun tidak ditandatangani secara rasmi tetapi dicapai secara konsensus oleh rakyat negara ini di dalam kawasan-kawasan atau bidang-bidang yang telah pun menunjukkan bukti pencapaiannya dalam memantapkan dan menstabilkan negara ini.

Jadi pihak Amerika Syarikat ini dia bukan sahaja tidak memahami masalah kita tetapi di mana-mana juga, umpamanya macam di Iran sendiri menyebabkan timbulnya kebenciannya kepada Amerika adalah kerana dia tidak memahami perasaan rakyat tempatan. Demikianlah, umpamanya dalam masa kita menghadapi krisis, apa yang ditonjolkan oleh Amerika ialah parti pembangkang DAP itu sendiri yang terlalu sensitif kepada orang Melayu yang menjadi juara kepada satu chauvinisme yang merbahaya kepada negara ini, tetapi itulah dialah yang ditonjolkan oleh CNN, dan lain-lain media, padahal ia adalah tidak pernah menyertai satu konsep politik atau satu konsep nasional di negara ini. Itu adalah jelas.

Dato' Abdul Aziz bin Abdul Rahman: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon minta laluan untuk menanya sedikit kepada sahabat saya Datuk Zainudin Maidin, sebagai seorang ahli media. Saya ingin mengetahui apabila kerajaan Barisan Nasional menang dengan majoriti dua pertiga dalam pilihan raya baru-baru ini, apakah pandangan dan perhatian daripada media Barat terutama sekali Amerika Syarikat, *Washington Post*kah ataupun *Financial Times*kah dan media-media besar ini terhadap kemenangan kita. Bagaimanakah cara pandangan mereka terhadap kemenangan kita dari segi berita, vis-a-vis ataupun dibandingkan dengan pandangan mereka terhadap kemenangan yang dicapai oleh parti-parti kecilan seperti KeADILan, PAS dan sebagainya.

Saya hendak tengok cara perhatian mereka seolah-olah memang terlalu berat sebelah dalam menganalisa berita-berita di kawasan kita ini dan memperkecilkan usaha kerajaan Barisan Nasional kerana kita terlalu tinggi suara untuk melaungkan kebenaran. Saya minta penjelasan daripada Yang Berhormat.

Datuk Zainudin bin Maidin: Untuk berlaku adil saya melihat mereka banyak juga media Barat yang telah menerima hakikat terhadap keupayaan Mahathir keluar daripada krisis yang besar dan masih menjadi leader yang mantap menerusi satu proses demokrasi. Ini saya lihat diakui dalam *Economies*, dalam rencana-rencana yang disiarkan oleh *Herald Tribune* dan sebagainya sebab tentulah mereka juga percaya kepada demokrasi dan demokrasi di Malaysia ini saya kira tidak pernahlah menjadi satu persoalan yang terlalu besar sebab terbukti bahawa parti-parti pembangkang juga telah memenangi pilihan raya di negara ini.

Tetapi dalam pada itu agendanya turut diteruskan iaitu mereka tidak senang Mahathir masih meneruskan kepimpinan negara oleh kerana Mahathir adalah

menghalang kelicinan usaha mereka untuk menjatuhkan satu demi satu negara Asia dan menggantikannya dengan pemimpin yang mereka kira boleh mereka tunjuk ajar. Demikian juga dalam soal Singapura umpamanya, mereka tidak senang dengan Goh Chock Thong, maka itulah satu rencana daripada seorang wartawan daripada Singapura yang telah mengatakan bahawa pemimpin Malaysia harus Mahathir sebagai 'top doc' di Malaysia sebabnya itu bukanlah ditujukan kepada Mahathir tetapi ditujukan kepada B.G. Lee, anak kepada Lee Kuan Yew yang telah di'promote'kan oleh American media yang kita lihat jelas serentak oleh *Asia Week*, *Far Eastern Economic Review* pada satu masa serentak menonjolkan B.G. Lee sebagai the future leader of Singapore.

Jadi apa yang ditulis oleh wartawan Singapura itu lebih sindiran kepada Goh Chock Thong sendiri daripada merupakan yang mereka tidak berani lakukan di Singapura tetapi mereka lakukan terhadap kita tetapi sindirannya adalah kepada Goh Chock Thong dan itu dapat kita perhatikan bagaimana Goh Chock Thong punya jawapan yang menarik tentang perlu dan pentingnya hubungan baik antara Singapura dan Malaysia.

Jadi hal ini saya kira masih ada diteruskan sebab saya ingat macam saya katakan bahawa Mahathir is the last bastion of Asian nationalist yang mesti diketepikan untuk meneruskan agenda mereka, tetapi Mahathir meneruskan kempen-kempen untuk memahamkan rakyat, bukan memahamkan dirinya tetapi memahamkan rakyat terhadap agenda Amerika. Saya kira kita tidak bermusuhan, sebab apa dalam banyak hal kita memerlukan Amerika, kita memerlukan Eropah, kita akui hakikat ini tetapi kita juga harus melihat kekuatan kita dan kekuatan ini telah kita buktikan bahawa cuba kita fikirkan di dalam soal menghadapi kegawatan ekonomi bagaimana kita keluar menjadi satu negara yang berkemampuan untuk tegak bersendirian.

Kalau kita tidak mempunyai satu pengurusan ekonomi yang betul, kalau semuanya korup, kalau semuanya cronism, kalau semuanya tidak betul, bagaimana kita masih mempunyai kekuatan dengan segala macam tekanan, kalau pengurusan ekonomi kita tidak betul. Ada kesilapan di sana sini, tetapi bagaimana kita keluar dengan kekuatan kita sendiri, tentulah ada sesuatu yang betul tentang diri kita, sedangkan orang lain semua menyerah kalah. Di Indonesia menyerah kalah, menyerah kalah dengan terlalu hina sehingga Timor Timur diberikan balik kepada Amerika. Apa yang berlaku di Thailand, berapa banyak bank di Thailand yang telah

diambil, kita semua baca dan kita sudah tahu. Philippine, apa Philippine, siapa yang pergi Philippine, apakah asas ekonomi Philippine itu sendiri. Kita berhenti di traffic light, lima belas, dua puluh orang datang minta sedekah sehingga ke hari ini. Tetapi kita bagaimana, bagaimana kita di kampung pada ketika menghadapi kegawatan ekonomi, kedai kopi penuh dengan anak-anak kita, anak sekolah.

Dato' Dr. Chin Fook Weng: Tuan Yang di-Pertua, minta sedikit laluan. Saya ingin menanya rakan saya, kalau keadaan yang telah digambarkan tadi wujud maka bukankah itu kerana kita sendiri membenarkan keadaan semacam ini wujud. Sebagai contoh, kita di rantau ini telah banyak kali dengar pemimpin kita kata bahawa kita harus menubuhkan EAEC, tetapi oleh kerana negara-negara di sini mungkin mereka tidak setuju di atas sebab-sebab tertentu, maka tidak dapat berbuat demikian.

Oleh kerana tindakan-tindakan semacam ini maka pihak-pihak luar telah menguasai kita. So, itu pun serupa dalam negara kita oleh kerana rakyat kita yang berpecah-belah, mungkin kesempatan itu diberi kepada pihak-pihak luar untuk masuk pecahkan kita lagi dan selepas itu mungkin serapkan kita dalam agenda mereka. So, soalan saya, adakah kita sendiri boleh mengatasi masalah ini dengan tindakan-tindakan yang harus kita lakukan ataupun kita biarkan keadaan semacam ini wujud dan berterusan tanpa apa-apa yang dapat kita mengatasinya. Terima kasih.

Datuk Zainudin bin Maidin: Tuan Yang di-Pertua, saya kira kita tidak membiarkan keadaan ini. Walaupun pada satu ketika kita telah tertekan. Kita boleh dikatakan seperti Yang Berhormat Dr. Chin katakan tadi, kita keseorangan. Kita dapat lihat balik sejarah, dalam masa yang singkat, kita keseorangan apabila Amerika menghantarkan wakilnya, Albright, Setiausaha Negara mempropagatekan campur tangan antara ASEAN dibenarkan, kita tidak benarkan. Masa kita tubuhkan ASEAN, kita tidak mahu Singapura campur masalah kita. Kita sentuh masalah Thailand dan sebagainya. Kita tidak mahu.

Tetapi seharusnya dia mendesak di Filipina, dia menuntut supaya dibenarkan campur tangan antara negara-negara ASEAN, apa tujuannya? Tetapi sudah ada negara yang memang alat kepada mereka. Dalam ASEAN ini pun, menjadi alat, oleh kerana masalah ekonomi yang tidak dapat diuruskan. Kita boleh bercakap besar-besar tetapi kalau rakyat miskin, kita tertekan. Bagaimana kita mahu mengendalikan negara apabila tekanan rakyat yang perlu ialah makan, yang perlu ialah *food*. Bagaimana

mahu menjaga pencemaran udara. Kita diheboh tentang pencemaran udara, tentangapa dipanggil ini. Yang asap daripada Indonesia ini, apa dipanggil?

Beberapa Ahli: Jerebu!

Datuk Zainudin bin Maidin: Ha, jerebu. Kita mementingkan jerebu tetapi rakyat di sana tidak pentingkan, apa peduli. Soalnya jerebu, pokok mesti dibakar untuk mendapatkan wang dengan cepat. Perut yang lebih penting. Kita memikirkan soal yang kualiti hidup. Itu yang lebih penting kepada kita. Itu perbezaannya. Di sini ialah kita bercakap tentang kualiti hidup tetapi di sana bercakap tentang kelaparan yang belum diselesaikan, sesudah 30 tahun merdeka, sebab mereka bercakap besar-besar dulu dan sekarang mereka tunduk. Inilah kekuatan kita yang tidak mahu disedari atau sengaja tidak mahu disedari oleh golongan-golongan sosialis, golongan-golongan nasionalis yang memperjuangkan keadaan ini. Ini yang menyedihkan.

Jadi, soalnya kita masih kuat dan sebab kita masih meneruskan. Suara kita masih dilaungkan kepada kepercayaan kita. Kita tidak pernah gementar, bukan kita tidak buat apa-apa, maka itulah yang saya katakan tadi iaitu kita telah menyuarakan supaya ditubuhkan Tabung Kewangan Asia. Kita praktikal benda-benda yang praktikal, Tabung Kewangan Asia untuk membantu Asia. Kalau satu masa lagi, satu lagi serangan Soros kedua datang, kita ada tabung untuk membantu sesama kita. Itu benda-benda yang paling pokok.

Dan kemudian EAEC. EAEC memang pada mulanya Mahathir menyuarakan tetapi kemudiannya Amerika bimbang. Amerika tidak mahu EAEC dan kita tukarkan jadikan apa kemudian supaya lebih nyaman didengar. Kita menghadapi satu perjuangan yang satu-satunya negara di Asia, kalau kita lihat China sedang juga menghadapi masalah bertungkus-lumus untuk memperbaiki hubungan dengan Amerika, di samping mendapat faedah-faedah ekonomi Amerika dan tidak berani menyuarakan suara-suara seperti dahulu lagi. Itu saya kata *the last bastion of the Asian nationalist is* di sini. Tetapi, kesilapannya beberapa krisis politik telah membutuhkan mata kita terhadap apa matlamat kita yang sebenarnya untuk menjadi satu bangsa yang kuat.

Tuan Hassan bin Haji Shukri: Tuan Yang di-Pertua, tadi Yang Berhormat ada menyebutkan tentang krisis politik dan ini diulang lagi krisis politik, berkali-kalilah tentang krisis politik. Tadi disebutkan pada tahun 1998, bolehkah Yang Berhormat menerangkan apa dia bentuk krisis politik yang kita hadapi pada tahun

1998 sehingga hari ini? Dan apakah langkah-langkah yang perlu kita buat bagi menghentikan krisis politik tersebut?

Datuk Zainudin bin Maidin: Yang Berhormat, sebenarnya saya akan sampai di situ. Jadi, minta maaf, saya tidak mahu menjawab sekarang tetapi itulah di akhir ucapan saya nanti tentang krisis politik itu.

Yang terbaru sekali dalam hubungan ini juga, kita melihat lagi satu suara yang dianggap sebagai retorik, paling baru yang telah disuarakan oleh Mahathir lagi pada masa pelancaran Tabung ASB yang terbaru iaitu beliau mengatakan syarikat-syarikat gergasi asing sedang disatukan untuk menjadi bala tentera bagi menggagalkan pemulihan ekonomi bumiputera sebagai retorik mungkin dilihat, katanya “Bala tentera bagi menggagalkan pemulihan ekonomi bumiputera.” Ini mungkin kita lihat juga sebagai seorang nasionalis yang sempit, mungkin tetapi soal bumiputera di sini, beliau menekankan bumiputera sebab bumiputera itu sebagai asas kepada kekuatan dan pencapaian kita dalam dasar-dasar DEB yang telah direstui oleh semua kaum di negara ini.

Tetapi dia menekankan sebab bahayanya ialah kalau dihancurkan pelantar ekonomi itu iaitu bumiputera, maka kehancuran itu akan berlaku pada seluruhnya. Sebenarnya saya kira ia bukan menunjukkan Malaysia antipelaburan asing ataupun mempunyai perasaan buruk sangka terhadap mereka tetapi ia adalah menampakkan satu kebimbangan kita, satu kebimbangan negara terhadap *facts Americana*. Tujuan *facts Americana* ini ialah yang akan menggunakan kuasa modal mereka bagi mendorong rakyat negara ini dan juga rakyat Asia secara sedar atau tanpa sedar untuk melanggar sempadan-sempadan budaya, agama dan prinsip-prinsip hidup mereka lalu menyerah kepada sistem global yang dimonopoli oleh syarikat-syarikat gergasi Barat.

Dan syarikat-syarikat gergasi Barat ini tentulah siapa Mc Donalds, siapa Kentucky Friend Chicken, siapa? Saya suka mengulangi juga iaitu kita jangan pandang kecil. Apa itu, macam Michael Jackson, siapa lagi? The sportsmen yang muncul di dunia. Itu ialah soft culture. Soft Culture untuk menghancurkan budaya-budaya lain, menerusi culture tetapi perniagaan. Berapa banyak disko dibuka? Berapa banyak pasaran kepada Michael Jackson, berapa besar. Jadi, itu yang dikatakan apabila India bebas, apabila China bebas, apa yang dikatakan, disko telah dibuka. Kentucky Fired Chicken telah masuk, Mc Donalds telah masuk.

Bacalah di mana-mana, sama sahaja. *The mentaliti, the Amercain agenda*. Ia satu market yang besar. Anak-anak kita makan McDonalds, apa hendak kata lagi. Di Malaysia, kita mempunyai kekuatan yang sama seperti mereka. Kita juga sekarang mengeksport makanan kita dan sebagainya. Kita mempunyai kekuatan. Jangan kita pandang kecil diri kita sebab kekuatan yang ada pada Amerika itu, ada pada kita sebab kita mengetahui strategi dan kita memakai strategi-strategi itu untuk dikembangkan kepada orang kita. Jika tidak ada halangan-halangan politik, jika tidak ada gangguan-gangguan politik, maka, agenda-agenda kita ini akan lebih licin tetapi yang penting ialah persefahaman antara kaum antara Melayu, Cina, India untuk lebih yakin terhadap apa yang sedang kita lakukan.

Tetapi, dalam pada itu, saya mengatakan kebimbangan bahawa ada orang yang akan menyerah kepada sistem ekonomi global ini. Kita apabila menghadapi krisis ekonomi yang banyak, kita telah pun melihat golongan korporat yang tidak senang, bukan sahaja orang pembangkang tetapi ada golongan-golongan korporat kita sendiri yang tidak senang dengan langkah-langkah kerajaan tidak menari mengikut rentak yang dikehendaki oleh IMF dan juga oleh *World Bank*. Itu ada. Ada golongan korporat kita sendiri dan mereka ini, saya tahu bercakap di hadapan pemimpin-pemimpin negara, bercakap menyokong langkah-langkah yang diambil oleh kerajaan tetapi di belakang mereka tidak menyokong.

Mereka turut gentar dengan serangan-serangan yang dibuat oleh pemimpin negara terhadap kuasa-kuasa asing. Di belakang, mereka kata tidak betul. Kita tidak boleh, mana boleh lawan Amerika. Dengan saya sendiri pun ada juga jumpa, mana boleh lawan Amerika, tidak boleh. Kita tidak boleh. Jadi, mereka mahu supaya sebab pada mereka masa itu apakah yang mereka fikirkan – kepentingan diri mereka sendiri. Kepentingan menyelamatkan bank mereka, kepentingan menyelamatkan *conglomerate* mereka. Itu yang difikirkan. Bukan soal-soal yang ada kepentingan kepada negara, tidak. Ada, dalam korporat-korporat besar ini, ada yang begini. Ada!

Kerajaan tahu siapa mereka, saya kira. Kenapa hal ini berlaku? Saya akan pergi kepada Yang Berhormat Ustaz Hassan tadi. Ini adalah menunjukkan kesetiaan sesetengah korporat begitu rapuh terhadap, bukan semua. Saya tidak menafikan bahawa ada kalangan swasta yang telah memberikan sumbangan kepada kemantapan, kekuatan dalam masa krisis tetapi ada sesetengah golongan korporat begitu rapuh

terhadap negara, kesetiaan mereka. Tidak ada komitmen terhadap inspirasi pemimpin dan rakyat.

Sekiranya tokoh-tokoh besar korporat hanya mementingkan diri, tidak dapat ikut serta dalam membantu dan membina strategi ekonomi yang telah dianjurkan oleh pemimpin dan kerajaan. Hanya menunjukkan keyakinan terbuka tetapi mengkritik kerajaan di belakang, maka mereka sebenarnya telah melakukan sabotaj terhadap ekonomi negara secara langsung ataupun tidak langsung. Kerajaan tentunya menyedari adanya tokoh-tokoh korporat yang seumpama ini yang tidak bertindak mengikut strategi kerajaan dalam peringkat awal. Amat jelas. Saya ingat nama-nama mereka pun pernah disebut. Jelas, mereka tidak mengikut strategi kerajaan.

Pernah saya di satu majlis yang dianjurkan oleh sebuah akhbar Jepun di sini, seorang ahli korporat yang saya dengar tentang bahawa dia tidak begitu senang dengan langkah-langkah Kerajaan Malaysia apabila orang lain bertepuk tangan, apabila Mahathir menyerang Amerika, dia diam, tunduk. Tidak ikut serta dalam suatu serangan terhadap Amerika. Bagaimanapun, kerajaan kita ini pragmatik dan telah memberikan nafas baru kepada mereka dan apabila Dana harta dan Dana modal ditubuhkan, mereka ini juga mendapat sokongan, mendapat bantuan, saya kira.

Ada di antara mereka yang mendapat kemudahan dan sebagainya dan hanya dalam soal ini, saya kira kerajaan seharusnya, walaupun kita telah mengalami satu serangan ekonomi yang paling teruk, yang belum pernah kita hadapi, mungkin kita kurang pengalaman tetapi ini adalah mengajar kita mengingatkan kepimpinan negara bahawa kita haruslah menyediakan agenda kita sendiri, perancangan dan menyediakan satu proses bagi melahirkan tokoh-tokoh korporat besar yang sentiasa mengutamakan misi terhadap bangsa dan negara walau dalam keadaan apa pun dan bukan korporat-korporat yang lebih dikenali kerana kehidupan mereka yang mewah, kerana perbezaan-perbezaan mereka daripada orang biasa, kerana perbelanjaan-perbelanjaan mereka yang besar-besar, kerana pembaziran dan sebagainya.

Kita mestilah berupaya untuk melahirkan korporat-korporat yang menyedari kemiskinan bangsanya, yang menjadi aktivis, yang menjadi dermawan dan yang mempunyai kesedaran sebagai suatu bangsa yang beragama Islam. Dalam sebuah negara yang bebas dan demokrasi, mungkin sukar untuk mengadakan kawalan serupa ini. Tetapi mungkin tidak sukar untuk memahamkan mereka terhadap sejarah dan dasar negara dan terhadap cita-cita nasional supaya kita tidak mempunyai golongan

korporat yang kosong jiwanya dan roh mereka yang menganggap kerajaan benar hanya apabila kerajaan kuat, kerajaan teguh dikaji dan kerajaan yang lemah harus dikesampingkan dan harus kita lari darinya dan mencari sendiri cara-cara untuk menyelamatkan diri.

Apa yang telah berlaku adalah menunjukkan adalah juga, saya kira, menunjukkan dasar-dasar penerapan nilai Islam tidak mencapai sasaran dan tidak mencakupi sektor-sektor penting negara. Mungkin juga ia disebabkan tidak adanya dasar penerapan nilai Islam yang konkrit. Tidak digubal dengan rapi dan konkrit tetapi hanya dilahirkan oleh kerana untuk kepentingan jangka pendek dan keperluan semasa.

Maka itu, berlakulah proses perkembangannya yang mengelirukan, yang lebih memperlihatkan persaingan antara masyarakat Islam sendiri, yang memperlihatkan persaingan antara madani dengan Wawasan 2020, antara Islam bertudung dengan Islam yang tidak bertudung, antara Islam berjanggut dan Islam yang tidak berjanggut, antara Islam yang *substance* dan Islam yang kulit atau Islam yang lebih mementingkan simbol dan *political ritual* atau bukan Islam dengan izin, bukan Islam *in term of universal value* yang membolehkan kita untuk survive, untuk selamat dalam satu cabaran yang telah saya katakan tadi.

Yang memerlukan ilmu, yang memerlukan kekuatan politik, yang memerlukan tidak hanya sekadar pelajaran agama yang tinggi, yang tidak perlu menonjolkan kekuatan-kekuatan agama yang menakutkan, yang tidak perlu menunjukkan fanatisme, yang tidak perlu menunjukkan chauvinisme ataupun menunjukkan keluasan, keupayaan untuk kita berinteraksi dengan sesiapa juga, untuk bergaul dengan sesiapa juga. Dalam pergaulan ini, kita mempunyai ketahanan-ketahanan diri yang diberikan, yang dibina oleh unsur-unsur pendidikan yang telah ada. Tetapi malangnya ini tidak berlaku. Malangnya apa yang kita lihat ialah satu kelahiran yang lebih besar anak-anak Melayu yang tidak dapat berinteraksi, yang sempit fikirannya, yang mengatakan menari tidak boleh seperti tadi yang dikatakan perkara-perkara ini, hiburan tidak boleh, apakah semua ini tidak boleh tetapi bagaimana? Soalnya ialah kita memperadabkan perkara yang kita rasa akan merosakkan. Jadi hal inilah saya kata kita membawa kepada Islam yang lebih sempit, bukan Islam untuk memperkukuhkan diri kita sebagai orang-orang antarabangsa, sebagai orang-orang yang universal bukan hanya orang-orang Malaysia yang boleh laku di kampung-kampung.

Ini kita tidak mahu, inilah asas di mana saya kata berlaku kekeliruan dan kekeliruan ini, persaingan ini bukan saja berlaku di luar UMNO, bukan saja berlaku di luar UMNO atau di luar ataupun hanya merupakan persaingan antara PAS dengan UMNO, tidak. Ia telah merupakan suatu masalah orang Melayu. Suatu masalah orang Melayu dan krisis politik yang saya katakan, krisis politik UMNO yang berlaku pada 1998, maksud saya ialah penyingkiran Timbalan Presiden UMNO, penyingkiran Timbalan Perdana Menteri telah mendedahkan kita, telah mendedahkan kita kepada umum bagaimana agama telah digunakan untuk mencetuskan suatu revolusi daripada dalam yang sekali pun gagal tetapi telah pun mengakibatkan sesuatu perpecahan Melayu yang amat mahal dan amat sakit, amat menyakitkan dan besar sekali untuk diubati.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, silakan.

Tuan Hassan bin Haji Shukri: Tan Sri Yang di-Pertua, saya ingin penjelasan. Apakah krisis yang berlaku pada tahun 1998 itu, kenapa ianya disalahkan kepada agama? Saya ingat Islam tak ada...., agama Islam tidak campur dalam persoalan krisis yang berlaku di antara Presiden UMNO dengan Timbalan Presiden UMNO dan satu lagi tadi telah dikatakan bahawa sesungguhnya kerajaan telah salah perancangan, salah strategi dalam membentuk kefahaman Islam di kalangan rakyat di negara ini terutama sekali barangkali di kalangan umat Islamlah. Jadi saya ingin tahu, siapakah yang merancang strategi itu sehingga strategi yang dibuat itu macam memakan diri kita sendiri. Terima kasih.

Datuk Zainudin bin Maidin: Saya tidak mengatakan agama salah tetapi agama telah disalahgunakan.

Tuan Hassan bin Haji Shukri: *[Menyampuk]*

Datuk Zainudin bin Maidin: Terdapat pemimpin....

Tuan Hassan bin Haji Shukri: ...memang dalam Barisan Nasional ini, itu satu minta penjelasan.

Datuk Zainudin bin Maidin: Terdapat pemimpin-pemimpin UMNO sendiri telah menyalahgunakan agama.

Tuan Hassan bin Haji Shukri: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kerana itu satu pengakuan yang telah dibuat oleh seorang Ahli Yang Berhormat dalam Majlis yang mulia ini.

Datuk Zainudin bin Maidin: Itu bukan satu pengakuan tetapi suatu rahsia yang telah diketahui umum apabila berlakunya krisis '98 tidak ada pertikaian dalam soal ini, terdedah suatu perkara yang amat jelas sekali. *[Disampuk]* Ya?

Tuan Hassan bin Haji Shukri: Saya tidak menganggap itu sebagai rahsia umum kerana saya tidak tahu, yang saya tahu itu krisis dalaman dan kita tidak campur dalam krisis dalaman parti itu.

Datuk Zainudin bin Maidin: Saya tidak mengatakan pihak PAS, kita tidak boleh elak dalam soal politik campur tangan tetapi sebagai sebuah parti politik, PAS telah dengan bijak, kalau saya jadi PAS pun akan mempergunakan juga kesempatan yang ada untuk menghancurkan lawan tetapi PAS tidak dapat menafikan telah mengambil kesempatan ini untuk menghayati keadaan ini untuk mempropagatekan kezaliman dan kekejaman tanpa suatu keterangan-keterangan yang sah bagi kepada faedah PAS sendiri. Itu tidak dapat dinafikan dan kemenangan seperti saya katakan tadi, dulu yang saya juga tidak suka bincang perkara ini kemenangan PAS kali ini dirahmatkan oleh suatu senjata 'mata lebam' yang telah digunakan di seluruh negara. Itu tidak dapat dinafikan dan agama tidak pernah salah, agama tidak pernah salah, saya orang Islam saya tidak menyalahkan agama tetapi agama telah disalahkan dari masa ke semasa.

Kita boleh bicarakan perkara ini panjang tetapi inilah perkara yang menyedihkan dan yang keduanya, saya ingat tadi penerapan nilai-nilai Islam tadi, UMNO salah, UMNO tidak menyediakan satu penerapan nilai Islam yang konkrit, yang meyakinkan, yang melihat bahawa penerapan itu sesuai dengan kehendak-kehendak UMNO itu sendiri, ya. PAS ada Islam PAS itu yang PAS katakan Apakah nilai-nilai Islam UMNO? Nilai Islam UMNO tidak mengharamkan hiburan, tidak. Tidak salah, perkara ini '*khilafiah*' yang saya ingat tidak harus dibincangkan

Kalaulah umpamanya..., katalah saya bagi contoh Siti Nurhaliza tidak boleh pergi ke Kelantan mengadakan pertunjukan secara terbuka di Kelantan, ribuan orang akan datang tetapi Siti Nurhaliza berada di setiap rumah di Kelantan Di setiap rumah orang Kelantan ada Siti Nurhaliza, apakah kita boleh kontrol? Apakah kita boleh mengatakan tidak boleh, tidak boleh. Ini apa dikatakan sebagai nurani manusia. Kalau kita sekat perkara-perkara buruk, banyak berlaku.

Di Jeddah sendiri, saya sebagai seorang wartawan kadang-kadang saya sedih apa yang berlaku. Barangkali ustaz sendiri lebih tahu. Apabila kita menekan,

manusia tidak melakukan secara terbuka, dia melakukan secara sembunyi-sembunyi, ini lebih buruk. Ini kita biar terbuka, kita biarkan terbuka dan kita dedahkan rakyat kepada suatu masyarakat yang terbuka kepada segala percubaan daripada luar, kepada segala apa yang dianggap sebagai wajar yang kalau kita seorang Islam yang kuat, kita ada ketahanan diri, kita tidak akan melakukan. Barangkali di Genting Highlands kita ada kasino, kita ada arak di Terengganu, masih ada walaupun satu dua lesen dikatakan tetapi ada tetapi kita sebagai seorang Islam kita tidak akan minum kalau kita orang Islam yang baik.

Itu adalah lebih baik daripada kita menyekat langsung dan tampak umat Islam yang dicuba untuk menghadapi ancaman-ancaman ini yang tidak pernah dicabar. Siapakah yang lebih kuat? Saya tidak mahu pergi membawa hearsay dalam perkara ini, banyak. Saya ingat Yang Berhormat Ustaz Hassan lebih maklum dari diri saya sendiri tentang bagaimana keadaan dunia Arab yang tidak dapat membetulkan keadaan diri mereka dan mereka bukanlah contoh untuk diri kita. *[Disampuk]*

Saya juga akhirnya saya ingin menyatakan bahawa krisis politik ini juga telah menampakkan suatu krisis ekonomi dalam masyarakat Melayu yang memerlukan rawatan semula supaya kelihatan lebih adil, lebih terkawal dan lebih bersih tanpa merungkaikan dasar dan matlamat dasar-dasar ekonomi baru yang kemudiannya dikenali sebagai Dasar Ekonomi Nasional.

Demikianlah Tan Sri Yang di-Pertua, pandangan-pandangan saya yang saya berikan mendahului sokongan saya terhadap belanjawan yang telah dikemukakan kepada Dewan ini. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Puan Safinah.

3.25 ptg.

Puan Safinah binti Jusoh: Terima kasih Tan Sri Yang di-Pertua. Terima kasih kerana memberi kesempatan kepada saya untuk mengambil bahagian dalam perbincangan Belanjawan 2000 sebagaimana yang dibentangkan oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan.

Firman Allah S.W.T. yang mafhumNya: *“Sesungguhnya kami telah bentangkan amanah ini kepada langit, bumi, bukit bukau namun semuanya enggan dan menolak kerana bimbang tidak dapat melaksanakannya kemudian ianya diterima oleh manusia, a sesungguhnya manusia adalah zalim lagi jahil”*.

Tan Sri Yang di-Pertua, tiada suatu pengecualian kepada mana-mana makhluk yang bergelar manusia di atas muka bumi Allah ini dalam hal memikul amanah terhadap pencipta yang Maha Perkasa. Menurut Al-Qhurtubi Ibnu Kasif Fakrurazzi, amanah membawa maksud menegakkan agama serta mentadbir seluruh dunia dengan berlandaskan agama iaitu Din Nul Islam. Di sini saya suka untuk menyentuh berkenaan pembangunan insan yang seimbang di sudut rohani, jasmani, emosi dan intelektual. Berdasarkan Belanjawan 2000 dinyatakan bahawa sejumlah RM44.6 juta telah diperuntukkan bagi program-program pembangunan belia khususnya melalui Rakan Muda. Menurut Yang Berhormat Menteri ianya adalah untuk membanteraskan gejala sosial yang semakin menular di kalangan generasi muda negara.

Program-program yang akan diadakan pula lebih menumpu kepada program khidmat sosial yang bertujuan membina kecemerlangan diri, pembentukan perilaku yang baik, membina kepimpinan di samping menganjurkan aktiviti-aktiviti sihat dan seumpamanya. Memang kita tidak dapat nafikan bahawa ianya adalah satu niat dan cita-cita yang murni. Walau bagaimanapun saya mencadangkan agar pihak yang bertanggungjawab terlebih dahulu membuat suatu kajian dan pemantauan berkenaan prestasi dan keberkesanan program-program yang telah diadakan sebelum ini contohnya pada tahun yang lepas. Sewajarnya apa dan berapa pun jumlah peruntukan yang diberikan untuk tujuan pembangunan belia mestilah bersesuaian dengan kemampuan atau kejayaan program-program tersebut sebelum ini.

Kita tidak mahu bertindak seumpama mencurah air ke daun keladi tetapi biarlah kita melakukan apa jua usaha untuk kepentingan negara umpama menabur sebiji benih walau jatuhnya di tengah lautan tetaplah tumbuh menjadi pulau. RM44.6 juta bukanlah satu jumlah yang sedikit. Kalaulah ianya dapat digunakan secara optimum dan mengadakan aktiviti-aktiviti yang lebih seimbang dengan cara yang terbaik maka insya-Allah hasilnya juga akan menjadi lebih baik dan berkat. Malangnya apa yang berlaku sehingga kini seolah-olah tidak memberikan impak yang baik dalam pembangunan dan pentarbiahan belia. Gejala penyakit sosial menjadi semakin kronik dan menular. Akhlak golongan remaja kebanyakannya menjadi semakin buruk selain daripada itu tindak tanduk sosial mereka yang menjadi semakin berani dalam erti kata negatif dan menakutkan hatta kita golongan dewasa. Masalah gengsterisme contohnya menggambarkan seolah-olah negara Malaysia bukan lagi sebuah negara yang berlatarbelakangkan adab tatasusila ketimuran.

Tan Sri Yang diPertua, pengaruh budaya kuning dan kebaratan yang secara mudah memasuki negara ini sama ada secara langsung melalui perlakuan para pelancong asing yang tidak menghormati budaya dan adab setempat yang bercirikan masyarakat Timur ataupun secara tidak langsung menerusi media elektronik dan media cetak menjadi antara punca kejanggalan perilaku generasi muda. Dahulunya kita kelihatan bersungguh-sungguh menyekat deras arus kebejatan moral yang dicontohkan daripada semua itu namun semakin kita pantas berlari mengejar status negara maju dan meredah gelombang globalisasi kita seakan-akan terlupa untuk menangani persoalan tersebut secara serius dan yang lebih penting kita mengetengahkan satu bentuk program pembangunan manusia yang lebih bersepadu dan seimbang di samping menutup segala bentuk laluan dan corong pengaruh-pengaruh buruk daripada sampai kepada generasi belia kita.

Tuan Yang diPertua, bukanlah bermakna apabila kita menyentuh soal negara maju, globalisasi dan pengaruh Barat maka kita ini anti kepada kemajuan dan pembinaan tamadun kemanusiaan hatta tamadun kebendaan. Apa yang ingin kita sebutkan di sini ialah agar keghairahan kita dalam membina tamadun ini tidak sekali-kali mengelepikan kesan realiti yang akan berlaku. Dalam usaha kita membangunkan generasi muda, kita sewajarnya menyediakan program-program yang bersifat sealiran fitrah khasnya aspirasi hidup beragama. Segala ilmu yang diperturunkan kepada mereka juga haruslah meletakkan agama itu sebagai “akar tunjang” dalam kehidupan mereka.

Kita mengetahui asas semua agama yang ada di dunia ini menyeru kepada kebaikan dan mencegah daripada segala kejahatan hanya rasanya bahawa sekiranya kita perdalamkan keyakinan dan kefahaman ilmu ini kepada generasi muda maka secara tidak langsung kita membina satu peradaban yang baik dan nilai-nilai murni dalam kehidupan mereka. Malangnya aktiviti yang dijalankan kebanyakannya hanya mengundang kepuasan fizikal dan nafsu serta kefahaman yang bersifat sementara di kalangan generasi muda.

Sehingga kini berapa ramai pelajar Islam contohnya gagal dalam subjek Pengetahuan Agama Islam atau subjek Moral bagi yang bukan Islam. Kita boleh katakan hampir separuh daripada pelajar sekolah menengah biasa menghadapi masalah ini. Kalau hendak dihalusi lagi ramai pelajar Islam yang masih tidak tahu apa itu sembahyang lima waktu, perkara yang cukup dasar bagi seorang Muslim.

Oleh yang demikian, saya menyeru agar pihak bertanggungjawab memastikan agar program pembangunan belia mestilah diatur susun dengan lebih bertanggungjawab.

Tuan Yang diPertua, saya juga ingin menyentuh berkenaan kualiti kesihatan dan perkhidmatan perubatan yang ada di dalam negara kita ini. Memang kita boleh berbangga dengan kemampuan kita dalam meningkatkan tahap jangka hayat rakyat Malaysia sehingga kepada 72 tahun, fakta tahun 1997, berbanding kadar purata 77.7 tahun yang dicapai oleh negara-negara maju pada tahun yang sama. Kita juga mengharapkan agar jumlah RM3.4 bilion yang disediakan untuk Rancangan Malaysia Ketujuh bagi tujuan projek-projek pembangunan kesihatan bermanfaat kepada seluruhnya. Saya memberikan penghargaan yang tidak ternilai kepada dedikasi dan komitmen kerja yang telah ditunjukkan oleh semua pihak hospital.

Sehubungan dengan itu saya mencadangkan agar pihak berwajib dapat melaksanakan satu pemantauan berkenaan perkhidmatan perubatan yang diterima oleh rakyat sama ada di hospital hospital dan klinik kerajaan. Ini memandangkan terdapat rungutan dan sungutan, kekecewaan dan rasa tidak puas hati daripada kalangan rakyat khususnya mereka yang merupakan rakyat biasa dan berpendapatan rendah terhadap layanan yang diberikan oleh pihak hospital dan klinik kepada mereka.

Tuan Yang diPertua, seperti yang kita sedia maklum, rakyat Malaysia secara umumnya adalah masyarakat Timur yang cukup menjaga adat resam dan budaya hidup masing-masing. Ini ditambah pula dengan mentaliti dan personaliti hidup kita beragama khususnya umat Islam. Apa yang perlu diketengahkan ialah sikap dan layanan yang diberikan oleh pihak hospital kerajaan untuk memberikan perkhidmatan perubatan kepada para pesakit. Contohnya, pihak-pihak ini kurang didedahkan berkenaan penjagaan, kehormatan para pesakit khususnya sebagai contohnya ketika ibu-ibu melahirkan bayi-bayi mereka. Ramai doktor dan jururawat seolah-olah tidak ambil kisah lantaran kononnya mereka telah lali dengan cara dan keadaan itu.

Kalau kita mengambil contoh perkhidmatan perubatan untuk kes sebegini yang diguna pakai di negeri Mesir, kita akan dapati betapa para pengamal perubatan menjalankan tugas mereka selari dengan tuntutan Islam khasnya dalam menjaga 'ikhzah' iaitu kemuliaan para pesakit. Rasa malu dan bersalah tidak menghantui diri para pesakit di samping itu mereka berasa selesa dan selamat sepanjang menerima rawatan.

Saya juga mengharapkan perkhidmatan perubatan yang selari dengan syariah Islam dan penjagaan maruah para pesakit kita dapat dilaksanakan di negeri ini. Perlu juga diingat bahawa ubat semata-mata tidak menjanjikan kesihatan dan keceriaan pesakit. Sikap mesra, toleransi, dedikasi dan ambil berat pihak pengamal perubatan turut memberi kesan yang baik kepada kesihatan emosi dan mental kepada pesakit.

Selain daripada itu, saya juga mencadangkan agar pihak-pihak bertanggungjawab dapat mengambil inisiatif untuk turun padang dalam memberikan penerangan dan khidmat kesihatan percuma kepada seluruh rakyat masyarakat desa. Ini dalam usaha membantu rakyat negara kita menjadi rakyat yang ceka kesihatan serta tahu hak dan tanggungjawab mereka dalam membantu meningkatkan tahap kesihatan rakyat negara ini. Sesungguhnya melalui cara tersebut akan dapat menjinakkan hati rakyat khususnya kawasan luar bandar untuk menerima khidmat nasihat perubatan moden daripada mereka yang lebih arif di samping pengamalan perubatan tradisional yang mereka gunakan sebelum ini.

Sekian, saya mohon menyokong. Terima kasih.

3.38 ptg.

Tuan Parasuraman a/l Sanasamy: Saya ingin mengambil kesempatan di Dewan yang mulia ini, untuk membahas Akta Perbekalan 2000 dan mengucapkan penghargaan yang tidak terhingga kepada pemimpin-pemimpin Barisan Nasional yang telah bekerja kuat untuk meraih kemenangan majoriti untuk menerajui semula kerajaan dan prestasi ekonomi kita yang kian mantap dan pencapaian dalam semua bidang sosial, ekonomi, pendidikan dan kesihatan.

Negara kita aman damai dan maju sejak merdeka. Kita sudah menikmati pembangunan negara dan sudah sampai 43 tahun. Kerajaan perlu mengimbas kembali sejarah negara dan masyarakat amnya terhadap beberapa kelemahan dan kekurangan dalam menguruskan kesejahteraan dan prasarana kehidupan masyarakat khususnya kaum India. Pilihan raya lalu memberi gambaran yang jelas kepada kerajaan bahawa pengundi-pengundi kaum India begitu setia kepada Kerajaan Barisan Nasional dan mengundi dan memilih kembali kerajaan ini untuk memerintah lima tahun lagi. Ini sendiri telah diakui oleh Perdana Menteri dan pemerhati-pemerhati dunia. Jadi, eloklah Kerajaan Barisan Nasional memberi sedikit perhatian kepada pembangunan kaum India di Malaysia.

Saya ingin membawa ke tengah kedudukan sekolah-sekolah Tamil di Malaysia. Kebanyakan sekolah-sekolah Tamil terletak di ladang-ladang. Kesemua sekolah ini mengalami situasi yang amat mendukacitakan, bangunannya uzur dan kerusi meja tidak mencukupi, peralatan-peralatan pejabat, jalan-jalan serta persekitaran yang tidak sesuai. Lagipun kesemua sekolah Tamil di ladang-ladang adalah sekolah bantuan modal. Sejak merdeka ini sehingga ke hari ini keadaan sekolah-sekolah masih tidak berubah. Apakah balasan Kerajaan Barisan Nasional kepada kaum India yang begitu setia dan memberi sokongan yang tidak berbelah bagi?

Lagipun tumpuan langsung daripada Jabatan Pendidikan Negeri tidak begitu memuaskan kaum India. Jabatan Pendidikan Negeri tidak membuat perlantikan seorang pegawai atau penyelia yang boleh memberi perhatian serius kepada pembangunan sekolah-sekolah Tamil mengikut daerah. Jabatan Pendidikan Negeri tidak membawa sebarang perubahan pencapaian sekolah-sekolah Tamil dalam peperiksaan UPSR, pembinaan bangunan sekolah yang baru tidak ada, kemudahan-kemudahan sekolah yang usang dan perlantikan guru mengikut opsyen masih pada tahap tidak membanggakan. Ini seolah-olah kerajaan menganaktirikan sekolah-sekolah Tamil, namun begitu kesetiaan kaum India terhadap Barisan Nasional tidak berbelah bagi.

Saya harap kerajaan perlu segerakan beberapa tindakan supaya kesetiaan dan sokongan kaum India dikekalkan selama-lamanya. Antaranya ialah semua sekolah Tamil di ladang-ladang ditukarkan daripada sekolah bantuan modal kepada sekolah bantuan penuh, perlu melantik seorang pegawai atau penyelia yang boleh menjaga keberkesanan sekolah-sekolah mengikut daerah. Kerajaan perlu menyegerakan bantuan-bantuan kepada sekolah-sekolah Tamil bagi memperbaiki prasarana sekolah seperti bangunan baru, bilik komputer, jalan tar, buku bantuan teks yang terbaru, biasiswa untuk pelajar-pelajar dari keluarga kurang berkeupayaan dan kemudahan-kemudahan lain. Saya berharap kerajaan akan mengambil kira semua perkara ini dan akan bertindak bijak untuk menawan hati kaum India di Malaysia.

Salah satu punca pendapatan kerajaan ialah dari industri pelancongan. Setiap tahun ramai pelancong datang ke Malaysia menjelang cuti hujung tahun untuk menarik lebih ramai pelancong ke Malaysia. Kerajaan perlu mendekati pelbagai langkah segera mengenal pasti banyak tempat pelancongan yang belum lagi diterokai.

Membina dan menyiapkan tempat-tempat peranginan dengan pelbagai ciri yang boleh menawan hati pelancong, antaranya ialah dengan izin, underworld pool, snake park yang terbesar, Malaysia Disneyland atau Disneyland ala Malaysia.

Pendapatan kerajaan semakin bertambah dari industri pelancongan memandangkan kerajaan telah mengisytiharkan hari Sabtu minggu pertama dan ketiga setiap bulan. Ini telah memberi peluang kepada pelancong tempatan melawat dan bersukaria bersama keluarga masing-masing. Industri kecil juga telah mendapat perhatian dan pendapatan juga turut bertambah bagi pengusaha-pengusaha industri kecil. Para pelancong melawat negara kita pada hari perayaan agama.

Saya ingin mengemukakan tentang perayaan Thaipusam di negara kita. Ramai penganut Hindu menyambut hari ini dengan penuh mesra dan menunaikan nazar di kuil-kuil Murugan di seluruh Malaysia. Di tempat yang menerima penganut-penganut Hindu begitu ramai ialah Batu Caves, Pulau Pinang, Ipoh, Maran, Johor Bahru dan Sungai Petani. Ramai pelancong juga datang melihat kaum Hindu menyambut Hari Thaipusam dengan melihat purata kedatangan pelancong pada Hari Thaipusam adalah agak tinggi tetapi penduduk tempatan tidak dapat bersama dengan keluarga melihat perayaan Thaipusam memandangkan kerajaan tidak mengisytiharkan cuti umum pada Hari Thaipusam. Beberapa buah negeri memberi cuti tetapi tidak keseluruhan negara. Ini telah mematahkan semangat rakyat Malaysia untuk merayakan bersama Hari Thaipusam. Kerajaan hendaklah lebih praktis dan mengambil kira segala rungutan kaum India.

Perayaan Thaipusam disambut meriah bukan sahaja oleh kaum India, namun kaum-kaum lain di Malaysia begitu mesra dan seronok pada hari Thaipusam. Eloklah juga kerajaan mengisytiharkan Hari Thaipusam sebagai cuti umum. Ini akan memberi peluang kepada semua rakyat keluar melibatkan diri dengan Hari Thaipusam dan tidak kurang juga ramai akan pergi melancong ke tempat-tempat peranginan pada cuti Thaipusam. Ini akan menambahkan lagi pendapatan kerajaan daripada peluang pelancongan tempatan.

Saya ingin mengucapkan terima kasih kepada pihak pasukan Polis Diraja Malaysia yang telah dapat mengawal keamanan hingga aktiviti pemulihan ekonomi dapat berjalan dengan lancar tanpa gangguan daripada pengacau-pengacau jalanan yang telah cuba berdemonstrasi pada 14, 15 dan 16 April 2000 baru-baru ini di seluruh negara. Sikap bertoleransi dan mesra dengan orang ramai telah disalah erti

oleh segelintir pengacau-pengacau yang mendapat restu daripada parti pembangkang dari dalam dan luar negeri kerana kecekapan pasukan polis kita, demonstrasi-demonstrasi ini dapat dihindar dan rakyat jelata boleh bebas menjalankan aktiviti harian mereka. Masanya sudah tiba bagi pasukan Polis Diraja kita bertindak lebih tegas dan jangan teragak-agak hendak menahan mereka yang berdemonstrasi iaitu lebih daripada tiga orang, pihak polis mestilah perintah kepada mereka supaya bersurai.

Selain daripada ini, fitnah dan khabar angin yang banyak dan kerap kali disebar melalui Internet hendaklah juga disiasat oleh pasukan polis kerana aktiviti-aktiviti ini telah membara semangat reformasi dan antikerajaan yang menjadi cara hidup mereka yang menyokong demonstrasi. Masanya sudah sampai bagi kerajaan menyemak semula gaji pasukan polis supaya setanding dengan pasukan polis di negara jiran kita yang terdekat iaitu Singapura dan peluang-peluang kenaikan pangkat diadakan terutama daripada pangkat rendah hingga ke peringkat pegawai bagi anggota yang berpangkat rendah.

Sekarang saya ingin menyentuh mengenai Kementerian Kesihatan. Akhir-akhir ini dua jenis penyakit yang kian menular dan mangsanya kian bertambah walaupun kedua-dua penyakit ini hampir-hampir tidak wujud lagi kerana telah dihapuskan oleh usaha giat oleh petugas-petugas kesihatan kita. Penyakit ini ialah malaria dan batuk kering. Nampaknya kes penyakit ini telah bertambah, apakah sebabnya penyakit ini boleh muncul? Semua adalah orang-orang asing yang menjadi pendatang haram dan pendatang sah telah membawa penyakit ini ke Malaysia ataupun perhatian kurang terhadap penyakit ini. Ingat, ia boleh bertambah dengan nyata sekali.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin menyentuh sedikit berkenaan masalah kepincangan sosial serta jenayah yang telah melanda golongan belia masyarakat India di negara kita. Telah banyak laporan yang kita semua dengar daripada laporan media massa yang menunjukkan penglibatan golongan remaja India di dalam kes-kes jenayah dan sosial di negara ini. Saya mengharapkan agar pihak kerajaan dapat mengkaji apakah punca sebarang permasalahan ini boleh berlaku kerana golongan belia adalah aset penting kepada negara kita yang mana mereka semua ada penentu kepada kejayaan negara kita di masa-masa akan datang.

Tuan Yang di-Pertua, justeru itu saya menyeru dan mengesyorkan agar kebenaran diberikan untuk mendirikan kuil-kuil di satu-satu projek perumahan,

taman-taman dan di ladang-ladang di mana majoritinya adalah penghuni berbangsa India. Sekurang-kurangnya satu tempat untuk beribadat dan tempat pengajaran moral dan agama kepada masyarakat India di samping menjalankan aktiviti-aktiviti yang boleh membina kemahiran belia-belia dalam bidang vokasional (not academic). Tidak ketinggalan juga kuil-kuil di rumah ibadat yang sedia ada ini seelok-eloknya dibaik-pulih dan diperlengkapkan dengan infrastruktur untuk kemudahan masyarakat terutama belia-belia bangsa India. Saya percaya prinsip Kepercayaan kepada Tuhan seperti yang termaktub dalam Rukun Negara Malaysia akan menjadi didikan asas dalam mengurangkan masalah sosial yang timbul ekoran kadar pengangguran yang semakin ketara. Saya berkeyakinan penuh, sekiranya perkara-perkara ini dapat diadakan, maka masalah yang tersebut di atas sekurang-kurangnya dapat diatasi.

Sekian, terima kasih.

3.51 ptg.

Datuk William Lau Kung Hui: Tuan Yang di-Pertua, ribuan terima kasih kerana memberikan peluang kepada saya untuk membahaskan Rang Undang-undang Perbekalan 2000 pada hari ini.

Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya ingin mengucapkan tahniah kepada Yang Berhormat Menteri Kewangan yang telah membentangkan satu Belanjawan yang proaktif, pro perkembangan, pro perundangan yang boleh memberi manfaat kepada rakyat di seluruh negara pada tahun ini.

Tuan Yang di-Pertua, pertama sekali izinkan saya menyentuh tentang peruntukan bagi Kementerian Pengangkutan. Saya sedar bahawa kementerian berkenaan akan diperuntukkan wang sejumlah RM339,734,500. Memang tidak dapat dinafikan bahawa kementerian ini memainkan peranan yang penting dalam negara ini. Tuan Yang di-Pertua, bagi setiap persidangan untuk Dewan yang mulia ini, kita telah mendengar permintaan yang dituju kepada Kementerian Pengangkutan supaya menggunakan bidang kuasa yang diperuntukkan untuk meningkatkan bilangan penerbangan di negeri Sabah dan Sarawak di samping menawarkan harga yang sesuai untuk semua golongan masyarakat.

Tuan Yang di-Pertua, seperti yang kita semua sedia maklum, negeri Sabah dan Sarawak telah dipisahkan daripada Semenanjung Malaysia oleh Laut China Selatan. Malaysia Airlines, dengan izin, MAS merupakan satu-satunya syarikat penerbangan yang cekap dan berjaya. Walau bagaimanapun, penduduk di negeri Sabah dan

Sarawak selalu berpendapat bahawa untuk berkunjung ke Kuala Lumpur iaitu ibu negara Malaysia merupakan satu perkara yang sukar dan membebankan. Kadangkala walaupun seorang itu mampu menanggung bayaran untuk sesuatu penerbangan tetapi bilangan tempat duduk yang disediakan pula tidak mencukupi. Senario sedemikian hanya akan menjejaskan dan memperlahankan usaha kerajaan merapatkan perhubungan antara rakyat Malaysia dan mempromosikan integrasi di antara Sabah dan Sarawak dengan Peninsular Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, bagi kebanyakan penduduk di negeri Sabah dan Sarawak mereka masih tidak mengalami sebarang pembaharuan terutamanya dalam dua perkara yang tertentu. Pertamanya, bayaran untuk tiket penerbangan dan keduanya, bilangan tempat duduk yang tidak mencukupi dalam satu-satu penerbangan khususnya semasa musim perayaan. Perkara ini telah mengakibatkan penduduk Sabah dan Sarawak terutamanya pelajar yang menuntut di Semenanjung Malaysia terpaksa menyambut perayaan mereka di rantau asing kerana tidak berjaya mendapat tiket penerbangan ataupun tidak mampu membeli tiket penerbangan untuk balik ke negeri mereka. Dalam keadaan begitu majikan di negeri Sabah dan Sarawak pun terjejas dan mereka mengalami kerugian kerana rancangan perniagaan mereka pun tidak dapat dijalankan. Masalah ini telah wujud sejak beberapa tahun yang lalu.

Tuan Yang di-Pertua, selain itu, masalah itu juga membawa kesan mendalam ke atas pelbagai percubaan yang dilakukan oleh kedua-dua buah negeri ini dalam usaha memperkenalkan industri pelancongan di negeri masing-masing. Saya juga sedar bahawa Lembaga Pelancongan di negeri Sabah dan Sarawak telah membuat permintaan bagi mendapatkan bayaran yang lebih murah dan bilangan penerbangan yang lebih kerap di Sabah dan Sarawak.

Tuan Yang di-Pertua, dengan ini saya ingin mencadangkan supaya kementerian yang berkenaan harus mengambil tindakan yang sewajarnya untuk menubuhkan sebuah jawatankuasa yang terdiri daripada Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, Kementerian Pengangkutan, pegawai-pegawai dari negeri Sarawak dan Sabah dan pegawai dari Malaysia Airlines System, dengan izin, demi mencari jalan yang sesuai untuk menyelesaikan masalah ini. Ekoran daripada itu, penduduk negeri Sabah dan Sarawak bukan sahaja akan ditawarkan dengan bayaran yang lebih murah, malah mereka berpeluang menikmati bilangan penerbangan yang lebih kerap. Dengan ini diharap kita tidak akan mendengar aduan tentang masalah ini

lagi. Ini pun boleh sekaligus membantu usaha mempromosikan integrasi di antara rakyat di negeri Sabah dan Sarawak dan Semenanjung Malaysia. Tuan Yang di-Pertua, saya berharap cadangan ini haruslah diberi kajian yang hebat dan serius oleh kementerian yang berkenaan.

Tuan Yang di-Pertua, di samping itu, saya ingin menyentuh satu lagi perkara mengenai dengan lapangan terbang di negeri Sarawak. Saya tidak ingin menyentuh perkara tentang the runway, dengan izin, tetapi saya akan menyentuh terminal utama di Lapangan Terbang Antarabangsa Kuching yang telah diperluas dan diperbaharui. Baru-baru ini 2 buah aero-bridges, dengan izin, telah ditambah dan menjadi bilangan aero-bridges dari 6 kepada 8 buah semuanya. Ini merupakan langkah yang amat digalakkan dan digiatkan terutamanya bagi penduduk di negeri Sarawak. Dengan ini saya ingin merakamkan ucapan tahniah kepada Kementerian Pengangkutan. Walaupun begitu, Tuan Yang di-Pertua, saya mendapati bahawa selepas kerja memperluas disiapkan ia memerlukan 10 bulan lagi untuk kerja pemasangan 2 buah aero-bridges, dengan izin, tersebut.

Selain itu, pembaharuan yang dilakukan ke atas Lapangan Terbang Sibu juga telah siap baru-baru ini dan kerja pemasangan bagi 2 buah aero-bridges, dengan izin, sedang giat dijalankan. Aero-bridges tersebut dijangka akan mula beroperasi kira-kira sebulan lagi iaitu pada Jun yang akan datang. Saya berharap pemasangan aero-bridges ini tidak akan ditangguhkan atas sebab-sebab yang tertentu.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, menurut Peraturan Mesyuarat 6(1) saya menjemput Yang Berhormat Dato' Michael Chen Wing Sum untuk mempengerusikan mesyuarat.

[Dato' Michael Chen Wing Sum *mempengerusikan Mesyuarat*]

Dato' Michael Chen Wing Sum:: Sila, Yang Berhormat.

Datuk William Lau Kung Hui: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya kurang pasti sama ada dua buah aero-bridges dengan izin, ini akan dipindah dari Lapangan Terbang Antarabangsa Sultan Abdul Aziz yang lama. Jikalau demikian, saya ingin menyarankan agar kementerian yang berkenaan bukan sahaja harus mempercepatkan kerajaan perpindahan dan pemasangan aero-bridges tersebut, malah kementerian juga harus memastikan bahawa aero-bridges ini akan beroperasi dengan berkesan tanpa sebarang ketidaksempurnaan.

Tuan Yang di-Pertua, selain itu saya ingin menyentuh satu perkara lagi yang berkenaan dengan Kementerian Pengangkutan. Baru dua hari lalu, pejabat JPJ di bandar Sibu telah dibakar yang mana bahagian pertimbangan telah dilupuskan menyebabkan sebahagian dokumen-dokumen yang penting pun hangus. Kejadian ini dipercayai bahawa telah dilakukan dengan sengaja oleh pihak yang tertentu yang belum lagi dikenal pasti. Saya ingin mengemukakan soalan kepada kementerian tentang jenis pengawalan keselamatan yang disediakan untuk pejabat ini. Jikalau pegawai keselamatan yang disediakan adalah secara peribadi, bagaimana kejadian sedemikian boleh berlaku.

Buat masa ini kebanyakan penduduk di Sibu mempersoalkan sama ada kejadian ini berkaitan dengan penahanan dua orang pegawai JPJ baru-baru ini yang disyaki terlibat dalam kes pemalsuan dokumen mengimport kenderaan.

Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya menyentuh sedikit tentang informasi teknologi IT dari segi perkembangan di negeri Sarawak. Tuan Yang di-Pertua, kita sering memperkatakan tentang kepentingan bagi rakyat Malaysia untuk menguasai IT. Memang tidak dapat dinafikan bahawa negara kita telah mencapai taraf yang baik dalam pembangunan IT tetapi belum lagi menjadi terbaik berbanding dengan negara lain yang telah memasuki era teknologi maklumat terlebih awal.

Walau bagaimanapun, pihak kerajaan pula sedang giat berusaha untuk meningkatkan pengetahuan komputer bagi orang ramai supaya menjadikan negara kita sebuah negara yang maju dengan pembangunan. Berhubung dengan ini, saya mengucapkan tahniah kepada kementerian yang berkenaan.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengambil kesempatan ini untuk menyeru kementerian yang berkenaan supaya memberi perhatian yang lebih untuk negeri Sabah dan Sarawak. Baru-baru pagi ini, di sesi Pertanyaan Bagi Jawab Lisan Yang Berhormat Setiausaha Parlimen menjelaskan ada beberapa sekolah di luar bandar di Sarawak masih tidak dapat menggunakan komputer kerana tidak ada bekalan elektrik. Bekalan elektrik memang suatu masalah yang membimbangkan di Sarawak. Memang tidak dapat dinafikan bahawa kebanyakan jabatan kerajaan sedang giat menggunakan komputer untuk menguruskan segala urusan pejabat, malah ada yang online network, dengan izin. Walaupun begitu, kebanyakan penduduk Sabah dan Sarawak adalah kurang arif dalam bidang komputer.

Saya juga dapati pihak kerajaan telah mengambil langkah untuk menggalakkan penggunaan IT melalui siaran TV, radio dan pelbagai jenis media massa yang lain tetapi oleh sebab negeri Sarawak mempunyai keluasan yang besar, kita perlu mencurahkan usaha yang lebih dalam menangani masalah ini.

Tuan Yang di-Pertua, seperti yang kita sedia maklum negeri Sarawak adalah sama luas dengan Semenanjung Malaysia jika tidak termasuk negeri Perlis. Kita harus mengadakan lebih banyak pameran, seminar dan forum yang berkaitan dengan IT. Langkah sedemikian akan meningkatkan kesedaran mereka tentang kepentingan IT Ramai antara mereka yang pernah dengar serta melihat komputer tetapi malangnya mereka tidak tahu cara untuk menggunakannya. Kemungkinan besar golongan tua juga pernah mengunjungi cyber cafe yang terdapat di bandar-bandar tetapi mereka masih tidak tahu menggunakannya. Mereka tidak tahu cara untuk dengan izin, online atau menggunakannya.

Bagi generasi muda yang sering mengunjungi cyber cafe mereka hanya tahu menggunakan komputer tersebut untuk berbual-bual dan bermain permainan komputer tetapi mereka tidak menggunakan dengan sebaik-baiknya untuk membuat kajian atau mencari maklumat yang berguna dalam pelajaran mereka.

Tuan Yang di-Pertua, dalam pelbagai cadangan yang telah dibuat untuk negeri Sabah dan Sarawak, saya juga memahami bahawa tidak mungkin kita dapat memperuntukkan sebuah komputer dalam setiap keluarga ataupun setiap rumah panjang tetapi demi mendorong negeri Sarawak untuk menjadi sebuah negeri yang berpengetahuan IT, di samping mempercepatkan proses pembangunan negara dalam semua segi seperti e-commerce dan e-cyber pendidikan, saya ingin mencadangkan supaya proses pembelajaran dapat dijalankan dengan menubuhkan pusat komputer di tempat yang tertentu untuk beroperasi secara berkesan dan cost efficiency, dengan izin.

Tuan Yang di-Pertua, pihak kerajaan telah mengusahakan satu langkah yang berkesan dan menggalakkan dengan membenarkan pengeluaran sebahagian wang daripada KWSP untuk membeli komputer walaupun hanya terhad kepada mereka yang mempunyai anak yang berumur 10 tahun ke atas, ini merupakan satu langkah yang bijak.

Tuan Yang di-Pertua, walau bagaimanapun, saya ingin menarik perhatian daripada pihak kerajaan supaya mencari satu kaedah yang berkesan untuk

mengelakkan serta mengurangkan penyalahgunaan tersebut. Sebagai contoh, sektor swasta telah mendapat pengalaman daripada kisah lampau di mana pinjaman kerajaan telah disalahgunakan oleh mereka. Wang yang diperuntukkan untuk sesuatu tujuan yang tertentu telah disalahgunakan. Seorang ahli KWSP yang berkelayakan untuk mengeluarkan wang bagi tujuan membeli komputer untuk anak-anak mereka, kemungkinan besar mereka boleh berpakat dengan penjual komputer untuk meningkatkan harga komputer atau hanya semata-mata menyamar sebagai seorang pembeli dengan membuat resit palsu.

Tuan Yang di-Pertua, memang tidak dapat dinafikan bahawa pengeluaran wang daripada KWSP untuk membeli komputer merupakan satu langkah yang amat digalakkan. Sehubungan dengan ini saya mencadangkan pihak kerajaan haruslah mencari langkah yang sesuai untuk mengesan penyalahgunaan tersebut. Di samping mengenakan hukuman yang berat bagi sesiapa yang didapati melakukan penyelewengan tersebut. Saya juga ingin mencadangkan supaya pihak kerajaan dapat mengesan cara penyelewengan yang berkemungkinan berlaku dan berusaha untuk mengatasinya.

Tuan Yang di-Pertua, dengan kata-kata ini saya ingin memohon untuk menyokong dengan sepenuhnya Rang Undang-undang Perbekalan 2000 dan saya sekali lagi mengucapkan terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua, kerana menjemput saya mengambil kesempatan berbahas rang undang-undang ini. Terima kasih.

Dato' Michael Chen Wing Sum: Yang Berhormat Tuan Haji Karim bin Salleh.

4.14 ptg.

Tuan Haji Karim bin Salleh: Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan jutaan terima kasih kerana diberi peluang kepada saya bagi membahaskan tentang Belanjawan tahun 2000 yang telah dibentangkan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri pada hari semalam.

Tuan Yang di-Pertua, seperti yang kita maklum bahawa Belanjawan tahun 2000 merupakan Belanjawan pertama di alaf baru yang mana fungsi utamanya antara adalah untuk terus meningkatkan kesejahteraan taraf hidup rakyat. Dalam konteks ini kita perlu sedar bahawa peratusan rakyat di negara ini yang tinggal di luar bandar masih tinggi berbanding dengan rakyat di bandar.

Justeru itu mestilah dipastikan betul-betul supaya peruntukan perbelanjaan kepada rakyat di luar bandar benar-benar sampai kepada sasarannya. Kita tidak mahu kerenah birokrasi terus menjadi faktor yang dikenal pasti sebagai penghalang kepada agihan peruntukan seperti yang ditetapkan dan dihasratkan oleh kerajaan.

Tuan Yang di-Pertua, sehubungan dengan itu sukalah kita mendapat maklumbalas terkini mengenai tahap kemajuan projek-projek pembangunan luar bandar di seluruh negara yang dijalankan sehingga tahun 1999 merangkumi projek kemudahan asas seperti berikut:

- (a) jalan raya;
- (b) bekalan elektrik;
- (c) bekalan air;
- (d) sekolah menengah dan sekolah rendah;
- (e) klinik dan pusat kesihatan; dan
- (f) kemudahan telefon.

Tuan Yang di-Pertua, perkara ini perlu terus dibangkitkan di Dewan yang mulia ini, kerana kerajaan yang dibentuk sehingga ke hari ini terus didokong sebahagian besarnya oleh rakyat di luar bandar. Oleh itu, proses membandarkan kawasan luar bandar tanpa mengubah fungsi asas luar bandar perlu diteruskan supaya rakyat luar bandar yang kebanyakan terdiri daripada orang-orang Melayu atau bumiputera menikmati kehidupan yang lebih baik.

Pembangunan yang dijalankan di luar bandar dengan sasaran meningkatkan tahap sosioekonomi masyarakat di sana perlu dinilai secara kuantiti dan kualiti. Perkara ini penting kerana penyediaan kemudahan-kemudahan asas tanpa penilaian kuantiti dan kualiti yang berterusan hanya menampakkan kesan positif luaran yang bersifat sementara di mana masyarakat di sana seolah-olah telah membangun tetapi hakikatnya sebahagian besar mereka masih terbelenggu dengan kehidupan yang masih ditahap lama.

Justeru itu, garis kemiskinan perlu dikaji semula dan tahap pendapatan isi rumah juga perlu disemak supaya lebih realistik sesuai dengan perubahan semasa yang penuh mencabar. Kajian yang lebih terperinci perlu diteruskan bagi mengenal pasti kelompok rakyat yang termiskin di luar bandar dan program pembangunan rakyat termiskin perlu ditingkatkan.

Tuan Yang di-Pertua, pendidikan merupakan ejen pembangunan yang paling utama, ini selaras dengan saranan hadis Nabi Muhammad s.a.w. yang masyhur, dengan izin, *[membaca hadis Nabi]* yang bermaksud: “*Sesiapa yang berkehendakkan kebahagiaan di dunia mestilah memiliki ilmu pengetahuan dan barang siapa hendak kebahagiaan di akhirat juga mestilah berilmu pengetahuan dan barang siapa hendak kebahagiaan dunia dan akhirat juga mestilah mempunyai ilmu pengetahuan.*”

Rakyat negara ini perlu berterima kasih kepada kerajaan kerana menyediakan peruntukan yang besar untuk sektor pendidikan. Saya rasa tidak ada sebuah negara sedang membangun di dunia ini selain daripada Malaysia yang meletakkan pelaburan dalam bidang pendidikan sebagai pelaburan terbesar untuk rancangan pembangunannya. Hasil dari pelaburan berkenaan mula dinikmati sekarang di mana negara kita mempunyai ramai penduduk terpelajar dan tahap kenal huruf yang tinggi, membolehkan mereka memasuki pasaran pekerjaan dengan mudah. Sistem latihan teknik dan vokasional yang disediakan juga membolehkan mereka menjadi tenaga pekerja mahir.

Tuan Yang di-Pertua, walaupun tumpuan dan perbelanjaan yang besar dikeluarkan bagi sektor pendidikan, kerajaan hendaklah melihat peningkatan akademik kaum bumiputera terutamanya di luar bandar. Keputusan PMR dan SPM yang diumumkan bagi tahun 1999 menunjukkan sekolah-sekolah dan pelajar-pelajar cemerlang lebih tertumpu kepada sekolah-sekolah berasrama penuh atau sekolah-sekolah di bandar. Pelajar-pelajar tersebut sememangnya terpilih dan mereka memang logik memperolehi keputusan cemerlang. Kalau dinisbahkan pelajar di sekolah tersebut, dengan pelajar di sekolah luar bandar ternyata bilangan pelajar bumiputera yang cemerlang masih lagi belum memuaskan.

Tuan Yang di-Pertua, justeru itu usaha gigih perlu terus dilaksanakan oleh kerajaan bagi melahirkan lebih ramai pelajar bumiputera cemerlang di sekolah harian, terutamanya di luar bandar. Saya mencadangkan supaya bilangan asrama desa ditambah bagi menyediakan peluang-peluang yang lebih luas kepada murid-murid di luar bandar di seluruh negara. Kerajaan juga dicadangkan supaya memberi insentif ataupun ganjaran khas kepada para pendidik di sekolah-sekolah kawasan pedalaman yang berjaya meningkatkan prestasi akademik dan kokurikulum di sekolah berkenaan.

Perkara ini pada pendapat saya perlu diberi perhatian kerana kebanyakan pelajar di luar bandar atau di kawasan pedalaman terdiri daripada pelajar-pelajar

bumiputera. Mereka perlu dibantu supaya boleh bersaing dengan pelajar bukan bumiputera di bandar-bandar, tanpa mengambil kira masalah pembangunan di luar bandar dan kawasan pedalaman adalah dikhuatiri jurang pencapaian akademik kaum bumiputera dengan kaum bukan bumiputera akan meningkat. Keadaan ini boleh mewujudkan pola kaum di masa hadapan.

Tuan Yang di-Pertua, dasar terbuka negara dalam bidang pendidikan menyaksikan bertambahnya bilangan IPTA dan IPTS di Malaysia. Kita perlu mengubah pendekatan dengan melihat aspek pendidikan dalam konteks yang lebih luas lagi, pendidikan tinggi menjadi satu industri yang berpotensi besar. Kita berhasrat untuk menjadikan Malaysia sebagai tumpuan pelajar dari seluruh dunia.

Selain dari itu, kita juga berhasrat menjadikan taraf pendidikan di Malaysia bertaraf dunia. Kita mengucapkan tahniah dan syabas kepada pihak kerajaan.

Walau bagaimanapun, kerajaan perlu memastikan hasrat ini tidak bercanggah dengan Dasar Pendidikan Negara dan hasrat mendaulatkan Bahasa Malaysia. Sesungguhnya kerajaan perlulah membuat pemantauan yang berterusan terhadap institusi-institusi ini bagi menjamin kualiti pendidikan supaya berada di tahap yang dikehendaki. IPTS terutamanya perlu menyediakan kemudahan asas yang lebih baik dan memuaskan kepada para pelajarnya.

Kerajaan melalui Kementerian Pendidikan dan Kementerian Sumber Manusia juga harus memandu IPTA dan IPTS dalam menyediakan kursus-kursus di institusi-institusi berkenaan supaya sentiasa relevan dan peka terhadap kehendak pasaran tenaga kerja di Malaysia dan juga di peringkat antarabangsa. Kita merasa terkejut bila mendapati seramai 39,000 graduan lepasan universiti dan kolej masih menganggur kerana bidang pengajian mereka tidak memenuhi kehendak pasaran kerja negara sekarang.

Keadaan ini jika tidak diberikan perhatian, boleh mewujudkan suasana yang tidak sihat. Individu yang berpendidikan tinggi tetapi tidak mempunyai pekerjaan, sekiranya tidak didampingi boleh terjebak ke dalam aktiviti yang tidak diingini dan boleh menjejaskan kestabilan negara.

Tuan Yang di-Pertua, Malaysia sebagai sebuah negara yang aman selesa dan makmur dengan izin Allah S.W.T. serta hasil kepimpinan yang berwawasan berjaya keluar dari kegawatan ekonomi. Perkembangan ini membolehkan banyak peluang pekerjaan baru diwujudkan sama ada di sektor pekerjaan atau di sektor swasta. Kita

semua sedia maklum bahawa bilangan buruh asing yang bekerja di negara kita secara sah berjumlah satu juta orang. Jumlah ini akan menjadi lebih menggerunkan bila ditambah dengan pekerja-pekerja tanpa izin.

Kita bayangkan betapa besarnya jumlah wang kita mengalir ke negara luar melalui pekerja asing ini. Kita sememangnya menghargai sumbangan pekerja asing kepada pembangunan ekonomi negara dan ia sudah menjadi kebiasaan bila sesebuah negara itu senang atau maju, maka ramailah orang akan bertumpu di situ. Bak kata pepatah, 'di mana ada gula di situlah ada semut'. Walau bagaimanapun, kita mestilah berwaspada kerana pekerja asing ini telah mewujudkan masalah sosial di negara kita. Mereka kini bukan sahaja mencari makan, tetapi mula menampakkan kelompok mereka.

Pendedahan pihak media massa berkenaan pekerja atau pendatang asing di negara kita baru-baru ini perlu diberi perhatian. Kita juga mengetahui bahawa pekerja asing seperti di Pulau Pinang telah dikenal pasti sebagai pembawa virus Malaria, kita dapat melihat bagaimana pendatang asing telah berani membuka penempatan haram di negara kita. Kita juga dapat melihat bagaimana pendatang asing seolah-olah monopoli kawasan perniagaan di bandar-bandar besar. Keadaan ini boleh dilihat di tempat-tempat seperti di Chow Kit dan di Jalan Haji Taib di Kuala Lumpur.

Tuan Yang di-Pertua, di pihak luar pula seperti yang kita semua sedia maklum ada terdapat negara yang mengusulkan kepada Pertubuhan Buruh Antarabangsa (ILO) supaya pekerja asing diberi layanan yang sama dengan pekerja tempatan. Di situ juga kita akan lihat bagaimana pekerja asing atau pendatang asing mengambil alih peluang pekerjaan dan juga peluang perniagaan rakyat tempatan.

Mereka juga mewujudkan masalah sosial di negara kita. Persoalannya ialah kenapa kebanjiran pekerja dan pendatang asing tanpa izin berlaku di negara kita. Negara jiran yang lebih kaya dari kita berjaya menangani perkara ini. Kedudukan geografi negara kita dengan kawasan sempadan yang luas mungkin menjadi fakta bagi memudahkan kemasukan pekerja asing atau pendatang asing tanpa izin ini.

Tuan Yang di-Pertua, masalah pekerja asing dan pendatang asing tanpa izin ini pasti akan menjadi masalah nasional yang cukup kritikal di alaf baru ini sekiranya semua pihak bermula dari rakyat hinggalah kepada kerajaan, melalui kementerian dan agensi terlibat, tidak menanganinya secara sepadu. Cukuplah kita lihat bagaimana

masalah dadah dan AIDS yang menjadi masalah nasional sekarang dan betapa kerajaan terpaksa mengeluarkan perbelanjaan yang besar untuk mengatasinya.

Kita juga mengetahui bahawa kerajaan melalui langkah-langkah kawalan undang-undang mengenakan peraturan yang ketat bagi kemasukan pekerja asing dan pendatang tanpa izin. Dalam hal ini kita mengucapkan tahniah kepada agensi yang terbabit terutamanya Jabatan Imigresen terhadap langkah kawalan yang dijalankan, pun begitu saya ingin mencadangkan seperti berikut:

- (i) levi ke atas pekerja asing dinaikkan;
- (ii) hukuman yang lebih berat dikenakan ke atas majikan dan pekerja asing bagi kesalahan berkaitan dengan pekerja asing tanpa izin.

Saya juga menyokong saranan CUEPACS supaya penuntut-penuntut universiti atau kolej dibenarkan dan digalakkan bekerja di sektor perkhidmatan yang bersesuaian dan *credit hours*, dengan izin, diberikan ke atas pekerja tersebut. Sebagai kawalan kepada kemasukan pendatang asing tanpa izin, saya mencadangkan langkah-langkah tambahan seperti berikut:

- (i) dikuatkuasakan larangan terhadap pendatang asing supaya tidak menjalankan apa-apa perniagaan sama ada perniagaan makanan, perniagaan di pasar-pasar malam atau apa-apa jua perniagaan yang mengambil alih peluang-peluang perniagaan rakyat tempatan;
- (ii) hukuman sebat mandatori dikenakan kepada pendatang asing yang tinggal lebih dari tempoh yang dibenarkan;
- (iii) hukuman yang lebih berat dikenakan kepada rakyat tempatan yang menjadi pelindung kepada pendatang-pendatang asing atau membenarkan pendatang asing menggunakan apa juga kemudahan perniagaan yang diperolehi oleh mereka;
- (iv) penerangan kepada masyarakat tempatan secara besar-besaran berhubung dengan buruh asing dan pendatang asing perlu dibuat ke seluruh negara;
- (v) kesan keselamatan akibat kemasukan pendatang asing juga perlu diterangkan.

Tuan Yang di-Pertua, penerangan perlu untuk menyedarkan masyarakat tempatan bagi mewujudkan semangat patriotik terhadap negara dan meningkatkan rasa prihatin bahawa pengambilan buruh asing bukanlah langkah terbaik bagi memajukan negara. Langkah ini hanya bersifat sementara. Kemasukan pendatang asing untuk bekerja pada hakikatnya perlu dilihat sebagai mengurangkan peluang-peluang ekonomi atau pekerjaan masyarakat tempatan. Kita perlu melihat bagaimana ketatnya dasar ini di negara seperti Jepun dan Singapura.

Tuan Yang di-Pertua, pendatang asing akan mencari jalan untuk terus tinggal di negara ini kerana peluang ekonomi yang lebih baik berbanding dengan negara mereka. Kita biasanya setelah tempoh tertentu, membenarkan mereka menjadi pemastautin tetap, lama kelamaan mereka memohon pula menjadi warganegara. Keadaan ini pada hemat saya tidak menguntungkan negara.

Justeru itu, saya mencadangkan supaya kerajaan mengkaji semula syarat menjadi pemastautin tetap apatah lagi menjadi warganegara. Kita perlu mencontohi Arab Saudi, Jepun dan Brunei di dalam soal kerakyatan ini. Perkara ini amat penting untuk *survival* kita di masa hadapan. Arab Saudi umpamanya, tidak memberikan taraf kerakyatan meski pun tinggal di negara berkenaan sehingga berpuluh-puluh tahun. Keadaan yang sama juga telah dipraktikkan di Jepun.

Tuan Yang di-Pertua, kegawatan ekonomi yang melanda negara memberikan banyak pengajaran dan rahsia yang tersembunyi yang perlu dikaji dengan lebih teliti. Kesemua ini menjadikan kita lebih matang dan lebih bersedia dengan krisis yang bakal melanda negara di masa hadapan. Kita sekarang perlu lebih berwaspada dan perlu merapatkan barisan antara kita dalam negara bagi menghadapi alaf baru ini. Seterusnya kita akan lebih kenal siapa kawan dan siapa lawan dan dalam masa sebegini. Kita melihat bagaimana bank dan institusi kewangan dalam negara tidak mampu bertahan semasa kegawatan ekonomi. Tindakan bijak kerajaan menggabungkan bank-bank menjadi sepuluh bank teras perlu dipuji. Sekali gus menjadi strategi penting dalam usaha-usaha menyelamatkan industri perbankan dari krisis ini.

Penyusunan semula bank memberi kelebihan bersaing apabila pasaran kewangan dibuka kepada pihak luar selaras dengan dasar liberal kewangan di peringkat antarabangsa. Saiz modal yang besar, teknologi perbankan yang terkini, tenaga pengurusan kakitangan yang berkualiti menjadi antara syarat keutuhan

industri perbankan. Walau bagaimanapun, kita dikejutkan dengan berita kehilangan wang melalui mesin ATM di beberapa bank tempatan. Sebenarnya jumlah wang tersebut adalah kecil tetapi memberi kesan negatif terhadap keyakinan orang ramai kepada pendepositan dana di bank-bank tempatan. Perkara ini perlu diberi perhatian serius kerana kita berhasrat menjadi pusat kewangan utama di rantau ini pada masa hadapan.

Tuan Yang di-Pertua, penyusunan semula bank conventional atau tradisi yang dilaksanakan seolah-olah mengetepikan bank berteraskan syarak. Kita sedia maklum bahawa modal dan aset bank-bank berteraskan syarak seperti Bank Islam, Bank Muamalat dan Bank Rakyat jauh lebih kecil dari bank teras conventional yang terkecil. Oleh itu apabila pasaran kewangan dibuka kepada pihak luar, peranan yang boleh dimainkan oleh bank berteraskan syarak tentunya terhad. Seperti yang kita ketahui kegawatan ekonomi yang melanda tidak banyak menjejaskan prestasi bank berteraskan syarak, berbanding dengan bank conventional. Ini membuktikan bahawa sistem perbankan berteraskan syarak dengan sendirinya mampu bertahan dalam apa juga keadaan ekonomi. Perkara inilah yang perlu diterangkan kepada semua pihak dalam dan luar negara. Secara tidak langsung keadaan ini menampakkan kesucian dan ketinggian Islam sebagai cara hidup bermuamalat yang lebih sempurna dan bersifat sejagat.

Tuan Yang di-Pertua, oleh yang demikian kerajaan perlu menimbang dengan serius supaya bank-bank berteraskan syarak digabung menjadi bank teras yang kesebelas. Penggabungan-penggabungan ini selain dari membolehkan bank-bank berteraskan syarak mampu bersaing dan memainkan peranan yang lebih luas, juga menunjukkan kerajaan kita benar-benar komited mengembangkan perbankan berteraskan syarak di mana negara kita telah diakui seluruh dunia sebagai peneraju utama perbankan Islam.

Tuan Yang di-Pertua, kegawatan ekonomi juga menyaksikan banyak syarikat-syarikat menghadapi masalah kewangan dan mudah tunai bagi meneruskan operasinya. Di BSKL terdapat syarikat bertaraf mega menanggung hutang berbilion ringgit, secara keseluruhannya prestasi syarikat-syarikat lain juga turut terjejas dengan teruk dan terdapat syarikat-syarikat menjadi insolvent, dengan izin, serta diletakkan di bawah tanggungan. Ini menjadi pengajaran kepada syarikat supaya lebih berhemat di masa hadapan. Langkah kerajaan mewujudkan Dana harta dan

Dana modal perlu dihargai meskipun terdapat nada sumbang mengenai fungsi dan kewujudannya.

Tuan Yang di-Pertua, bagi meletakkan syarikat di tahap viable, penyusunan semula perlu dilakukan. Antara langkah yang perlu dilaksanakan termasuklah melupuskan aset, menjadualkan semula hutang dan mencari rakan kongsi baru. Langkah ini perlu disokong oleh kerajaan. Walau bagaimanapun, bagi syarikat yang menjalankan perniagaan berkepentingan awam atau strategi, pembabitan rakan kongsi asing perlu dikaji dengan lebih mendalam kerana ia melibatkan kepentingan negara dan awam. Dalam hal ini, pengambilan saham Hicom oleh Petronas dilihat sebagai langkah terbaik yang perlu dicontohi. Saya juga mencadangkan supaya badan kewangan atau amanah seperti Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP), Lembaga Tabung Haji (LTH) dan Permodalan Nasional Berhad (PNB) diberi keutamaan menjadi rakan kongsi baru syarikat strategik tempatan. Walau bagaimanapun, badan-badan tersebut perlu mempunyai kakitangan yang berpengalaman dan pengurusan yang berwibawa.

Tuan Yang di-Pertua, akhir sekali saya ingin sentuh campur tangan kuasa asing. Malaysia sebagai sebuah negara berdaulat mesti terus mempertahankan kedaulatannya. Kita maklum kejayaan membangunkan negara dalam tempoh terdekat sehingga ke tahap sekarang adalah di atas usaha kita serta mengikut acuan sendiri. Malaysia mempunyai kerajaan yang stabil dan kukuh yang ditunjangi UMNO. Kejayaan keluar dari kemelut ekonomi yang melanda seluruh dunia sudah tentu tidak disukai dan disenangi terutamanya oleh pihak Barat.

Negara Barat bernafsu serakah terus ingin menjadikan negara yang sedang membangun termasuk Malaysia dicorakkan mengikut kehendak dan kepentingan mereka. Mana-mana negara yang sedang membangun yang melawan arus perdana ala Barat dilabelkan dengan pelbagai aspek negatif. Tekanan demi tekanan atas nama demokrasi, kebebasan bersuara dan lain-lain pendekatan dikenakan sama ada secara terus atau melalui agensi-agensi yang mereka kuasai. Semua ini dilakukan kepada negara-negara yang sedang membangun semata-mata untuk terus melemahkan negara itu dan kekallah negara berkenaan bergantung kepada mereka dan mengikut segala tunjuk ajar mereka.

Tuan Yang di-Pertua, campur tangan negara Barat secara langsung atau tidak langsung dalam hal ehwal dalaman negara kita perlulah ditentang. Dalam hal ini

Amerika Syarikat sebagai negara kuasa besar tidak perlu menjadi guru mengajar kita tentang kebebasan, kemanusiaan dan demokrasi ala Amerika Syarikat kerana Amerika Syarikat merupakan sebuah negara yang kerap melanggar apa yang mereka laungkan sebagai kebebasan kemanusiaan dan demokrasi. Kita sedia maklum bahawa Amerika Syarikat mencapai kemerdekaan beratus tahun yang lampau, tetapi bilakah kaum kulit hitam diberikan hak mengundi. Kita juga melihat bagaimana hipokritnya negara-negara Barat menangani krisis di Bosnia, Iraq, Kosovo, Palestine dan Chechnya. Oleh itu sebarang campur tangan atau nasihat daripada negara itu atau agensi-agensinya mereka didalangi tidak perlu didengar, jauh sekali di terima pakai. Negara kita adalah tanggungjawab kita.

Tuan Yang di-Pertua, kita perlu peka dan berupaya mengenal pasti secara berterusan agenda jangka panjang negatif negara Barat yang tersembunyi terhadap negara kita. Agenda ini dilaksanakan melalui saluran ekonomi, politik, sosial serta agama dengan hasrat akhirnya adalah melemahkan keupayaan negara kita. Apa yang lebih menyedihkan adalah apabila terdapat orang atau pihak-pihak tertentu di dalam negara yang menyokong tindakan tersebut. Sebagai pengamal demokrasi, rakyat boleh bebas memilih kerajaan yang mereka sukai melalui pilihan raya bukannya dengan cara rusuhan di jalanan atau perhimpunan haram. Budaya ini tidak diterima oleh rakyat yang cintakan keamanan dan kestabilan negara. Adalah dicadangkan supaya penerangan yang menyeluruh dan berterusan mengenai taktik-taktik negatif Barat disampaikan kepada semua peringkat masyarakat terutamanya kepada generasi muda. Ini tidak bermaksud kita menolak nilai-nilai positif yang mereka amalkan dan boleh diterima serta disesuaikan dengan keadaan di negara kita.

Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya turut menyokong Belanjawan tahun 2000. Terima kasih.

Dato' Michael Chen Wing Sum: Yang Berhormat Tuan Haji Gapar.

4.40 ptg.

Tuan Haji Gapar bin Gurrohu: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin turut membincangkan Undang-undang Perbekalan 2000 yang sedang dibahaskan pada petang ini.

Kita berterima kasih kepada kerajaan kerana kenaikan gaji 10% kepada kakitangan awam termasuk yang telah bersara. Langkah ini sesungguhnya adalah sebagai satu penggalak untuk terus berkhidmat dengan cemerlang untuk rakyat. Kita

juga bersyukur mempunyai kakitangan awam sama ada di peringkat pengurusan profesional, mahupun di peringkat pegawai-pegawai sokongan. Sesungguhnya kakitangan awam dan juga swasta memikul tanggungjawab mengendalikan sesuatu proses perkhidmatan ke arah pembinaan dan pengukuhan sebuah peradaban sama ada secara ketara ataupun tersirat dan bukan sekadar menjalankan tugas atau makan gaji sahaja. Bukti yang paling nyata keupayaan dan kebolehan kesetiaan kakitangan awam dan swasta terhadap kemajuan dan pembangunan negara kita.

Sebagaimana yang kita telah maklum, tidak mungkin akan berlaku kemajuan seperti yang ada kita dapat rasakan, kita dapat lihat di sekeliling kita tanpa kita mempunyai kakitangan awam dan juga kakitangan swasta yang komited bersungguh-sungguh untuk memajukan negara ini.

Bukti kedua, baru-baru ini kita dilanda dengan kegawatan ekonomi. Kita bersyukur para pemimpin kita telah mencari jalan keluar dan ini tidak akan selesai kalau sekiranya tidak sama-sama disahut oleh kakitangan awam kita dan juga di akhir-akhir ini kakitangan swasta. Kita amat berterima kasih kerana pegawai-pegawai kita telah dapat dengan jayanya baru-baru ini mengatasi pepijat ala f Y2K menjelang tahun 2000 yang lalu.

Ada yang bersengkang mata lebih daripada jam 12.00 malam untuk melihat agar tidak berlaku suatu perkara yang tidak diingini terutama daripada sektor-sektor yang penting. Ini lahir daripada semangat kerja berpasukan, kemahiran mengurus, ketahanan fizikal dan mental, keupayaan memimpin adalah ciri-ciri pegawai kita yang berjaya.

Di akhir akhir ini kita sering terdengar dengan rungutan orang ramai terhadap kakitangan awam dan swasta yang melanggar kod etika kerja. Rakan saya Yang Berhormat Datuk Zainudin telah pun menyentuh sedikit sebanyak tadi tentang Kod Etika Kewartawanan. Contoh pegawai yang melanggar kod etika di akhir ini kita dengar satu perkara yang kita anggap serius di mana pegawai-pegawai bank bocorkan rahsia pelanggan. Kita juga sering mendengar di akhir-akhir ini guru-guru menghasut anak-anak murid membenci pemimpin dan kerajaan, dan satu perkara juga yang tidak boleh dikesampingkan aduan orang ramai terhadap layanan buruk atau kurang memuaskan di kaunter-kaunter pejabat kerajaan, juga amalan-amalan rasuah yang semakin meningkat seperti yang dilaporkan oleh Badan Pencegah Rasuah

terdapat 122 kes dalam 6 bulan pertama tahun 1999 yang lalu dan ini melibatkan pula wang sebanyak RM500,000.

Pelanggaran etika kerja, rasuah adalah hambatan dan juga merupakan rintangan masa depan negara yang sedang menghadapi cabaran yang begitu besar. Kita sekarang ini sudah pun bercakap tentang produktiviti, kita bercakap tentang kualiti, kita pergi lebih jauh bercakap tentang globalisasi dan liberalisasi. Pelanggaran kod etika ini adalah satu gerak ke belakang dan pastinya akan menjejaskan nama baik dan mencacatkan kekuatan tenaga kerja kita dari sektor awam dan swasta. Unit ataupun pasukan kaunseling dalaman yang telah kerajaan cadangkan kita rasa dapat membantu mengatasi masalah ini.

Walaupun kita tahu masalah ini belum begitu serius tetapi kita perlu menanganinya dengan lebih awal agar perkara ini tidak berleluasa sebelum nasi menjadi bubur, kata pepatah Melayu. Kita juga perlu jika difikirkan perlu latihan-latihan ala tentera untuk menyemai sikap disiplin kepimpinan, membentuk personaliti, intelek serta ketahanan fizikal dan mental pegawai-pegawai khususnya yang kita dapati mempunyai kelemahan terhadap ini. Perkara-perkara yang merunsingkan mereka seperti SSB - Skim Saraan Baru yang banyak telah diperkata dan dipertikaikan perlu mendapat penilaian semula.

Langkah-langkah penggalak seperti pengiktirafan anugerah cemerlang layak diteruskan. Kita juga boleh memberikan penghormatan dengan bintang dan darjah kebesaran kepada kakitangan awam dan swasta kita, naik pangkat atau mohon naik pangkat adalah sesuatu yang diharuskan. Tentang perkhidmatan dengan kerajaan, marilah kita lihat sepotong ayat dari Al-Quran yang mengisahkan cerita Nabi Yusuf menawarkan diri kepada Raja Mesir untuk menjaga harta perbendaharaan negeri Mesir seperti terungkap dalam ayat Al-Quran, Surah Yusuf ayat 55 yang membawa maksud; *“Jadikanlah aku pengurus perbendaharaan negeri Mesir sesungguhnya aku sedia menjaganya dengan sebaik-baiknya dan aku akan mengurus dan mentadbirkannya”*.

Sebagai seorang pengurus perbendaharaan, Nabi Yusuf memikul tanggungjawab yang berat itu untuk kesejahteraan rakyat. Semasa menjawat jawatan itu secara kebetulan Mesir dilanda kemarau panjang, tanaman tidak menjadi dan perbendaharaan yang mengandungi stok makanan yang disimpan oleh Nabi Yusuf telah dapat menyelamatkan negeri Mesir dan rakyat Mesir daripada kelaparan.

Tuan Yang di-Pertua, pengajaran dari ayat ini ternyata sebuah negara itu akan runtuh dan gawat jika tidak diurus oleh pentadbir-pentadbir yang amanah dan cekap mentadbir. Tuan Yang di-Pertua, jika nilai-nilai tinggi profesion seperti amanah, komited, tidak rasuah dan patuh kepada etika kerja, berdaya maju ada pada kakitangan awam dan swasta, kita akan maju dan mampu mengatasi segala cabaran di hari muka. Sebaliknya jika kita tergelincir dari nilai-nilai tinggi profesion ini kita akan diselubungi oleh kejahilan, emosi, diskriminasi yang akan mengambil tempat, kita akan ditimpa malapetaka yang buruk. Kaunseling, latihan dan kekuatan mental dan fizikal serta patuh kepada kod etika akan dapat mengembalikan kakitangan awam yang menyeleweng dan lemah semangat kerja. Perlu ada anjakan paradigma jika kita ingin terus maju. Sebenarnya kerja-kerja yang baik ini adalah satu ibadah.

Tuan Yang di-Pertua, kita semua baru-baru ini terkejut dengan kejadian penculikan di Pulau Sipadan dekat Semporna Tawau Sabah. 20 orang termasuk 10 pelancong luar negara telah diculik oleh enam orang yang dikatakan tidak dikenali identiti mereka. Kita bersyukur dalam insiden ini telah mendapat kerjasama daripada polis Filipina dan juga polis Indonesia dan kita difahamkan oleh Menteri Luar kita semalam bahawa mereka yang diculik ini berada dalam keadaan selamat sehingga berita pagi tadi saya tidak dapat perkembangan lanjut tentang perkara ini. Kita berharap dengan sikap profesionalisme polis dan tentera kita perkara ini akan dapat diselesaikan.

Sebenarnya beberapa tahun yang lalu kita juga telah digemparkan dengan serangan orang-orang yang bersenjata di bandar Semporna tidak jauh daripada tempat kejadian sekarang ini dan nampaknya perkara ini berulang lagi walaupun dalam bentuk yang lain. Kita sungguhpun percaya dengan keupayaan pasukan keselamatan kita termasuklah polis dan tentera, kita berharap bahawa pulau-pulau kita dilindungi secukupnya kerana kita tidak mahu kejadian ini akan menggugat kepercayaan pelancong-pelancong luar untuk datang ke negara kita. Kita tidak tahu apa motif sebenar peristiwa yang baru berlaku di Pulau Sipadan ini, ada yang mengatakan ini balas dendam, ada juga yang menyangka ini motif politik, ada yang mengatakan ini adalah datang daripada pemisah Abu Sayaf di Filipina.

Peristiwa penculikan di Pulau Sipadan ini perlu mengajar kita harus waspada selalu. Pulau-pulau kita khususnya yang ada potensi sebagai pusat pelancongan perlu

dikawal dan dijaga keselamatannya agar ianya dapat memberikan keyakinan kepada pelancong-pelancong luar.

Tuan Yang di-Pertua, Menteri Sumber Manusia kita baru-baru ini telah mendedahkan seramai '39' orang graduan tempatan masih menganggur. Ini kerana kelayakan mereka tidak bertepatan dengan pesanan.....

Dato' Abdul Aziz bin Abdul Rahman: Minta laluan sedikit Tuan Yang di-Pertua, saya hendak membetulkan angka itu, 39,000 bukan 39 orang.

Dato' Michael Chen Wing Sum: Hampir 40,000 orang.

Tuan Haji Gapar bin Gurrohu: Maafkan saya silap. 39,000 orang graduan tempatan masih menganggur [*Ketawa*] Ini dikatakan kerana kelayakan mereka tidak bertepatan dengan pasaran kerja semasa. Bidang yang diperlukan ialah bidang komputer, kejuruteraan dan teknologi maklumat. Sebenarnya perkara ini telah menimbulkan tanda tanya kepada kita semua. Ekonomi telah mula pulih, permintaan barangan dan perkhidmatan dalam dan luar negeri sudah pun mula meningkat, kenapa ini boleh berlaku? Di mana salahnya?

Sebenarnya bukan kali pertama perkara ini berlaku Beberapa tahun yang lalu peristiwa seumpama ini berlaku juga. Pada ketika itu lantaran inflasi permintaan barangan dan perkhidmatan berkurangan, peluang kerja berkurangan dan saya rasa suasana ini ramai boleh faham, tetapi tidak pada kali ini.

Punca graduan menganggur ini ada yang mengatakan kerana ramai graduan yang keluar daripada institusi pengajian tinggi awam dan juga institusi pengajian tinggi swasta sehingga melimpah ruah tidak ada lagi peluang kerja. Ada mengatakan graduan terlalu memilih kerja mungkin dari keluarga yang berada. Kita tidak fikir graduan-graduan yang daripada keluarga yang kurang berada terlalu memilih kerja. Ramai juga graduan mempunyai sikap masih bergantung kepada makan gaji sama ada dengan kerajaan atau swasta. Dikatakan tidak ramai yang benar-benar mahu kerja sendiri dengan ilmu yang ada pada mereka, bahkan ada di antara mereka yang lebih rela menganggur dan sikap ini perlulah dibetulkan. Jadikan ilmu yang ada pada mereka sebagai asas modal untuk mereka memulakan perusahaan sendiri dan peranan universiti perlu untuk membimbing mereka ke arah ini. Agensi-agensi kerajaan seperti Unit Perancang Ekonomi, MAMPU, Majlis Pembangunan Sumber Manusia, kita rasa dapat membantu Kementerian Pendidikan dan universiti dalam menambah

atau mengurangkan pengambilan pelajar mengikut jurusan seperti yang diperlukan oleh negara dalam keperluan tenaga kerja.

Pada masa ini graduan yang dikatakan menganggur, kita rasa apa yang perlu dibuat ialah melengkapkan diri mereka dengan ilmu komputer dan teknologi maklumat untuk dibolehkan menceburi dalam dunia pekerjaan yang sekarang. Sebenarnya inilah peluang untuk menukar haluan dari makan gaji dan terus menjadi usahawan kecil. Badan-badan yang boleh membantu seperti MARA, Tabung Usahawan Bumiputera untuk graduan yang berminat untuk mencuba nasib dalam bidang keusahawanan sentiasa terbuka seperti kata pepatah di mana ada kemahuan di situ ada jalan.

Walau bagaimanapun, semua pihak mahasiswa, universiti, agensi-agensi yang disebutkan boleh membantu yang terlibat dalam masalah graduan menganggur ini perlu elakkan seberapa boleh gejala yang menyusahkan ini kepada anak-anak muda kita. Ramai graduan yang datang daripada keluarga yang kurang berada. Angka 39,000 orang ini adalah satu angka yang dianggap terlalu besar dan perlu dilihat secara serius.

Tuan Yang diPertua, kita berterima kasih kepada Timbalan Menteri Dalam Negeri yang baru-baru ini telah mendedahkan kita kepada masalah penagihan dadah. Jenis-jenis dadah dan para peminatnya juga difahamkan mempunyai sifat multi racial ada orang Melayu, anak muda Melayu, ada anak muda Cina dan termasuk juga anak muda India. Bahkan ia lebih bersifat multi nasional, ia telah menjadi masalah dunia ianya bukan sahaja masalah kita, ia menjadi masalah Asia, Eropah, Amerika termasuk juga Amerika Selatan. Serangan dadah nampaknya datangnya dari darat, laut dan udara, pendeknya datang daripada segenap penjuru. Kita didedahkan dengan perangkaan 199,870 orang penagih antara tahun 1988 hingga Mac 2000 ini.

Pada tahun ini sahaja, daripada Januari hingga Mac 2000, seramai 5,757 orang telah dikesan. Daripada angka ini, 2,523 adalah penagih baru iaitu 43.82%. Purata 1,919 orang penagih setiap bulan dan 64 orang purata sehari, berlaku penagih-penagih baru. Jenis-jenis dadah sepertimana yang kita maklum disebutkan heroin, morfin, ganja, shabu, candu dan lain-lain.

Tuan Yang diPertua, langkah-langkah pencegahan yang telah dibuat, tangkap pesalah dadah. Purata setiap bulan ialah 99 orang. Ada yang kena hukuman mati mandatori, 227 orang penjara seumur hidup. Pada akhir tahun 1999, seramai 53,724

orang dikatakan mengikut program pemulihan di 27 pusat serenti, 8,559 di institusi penjara dan 450 di pusat rawatan swasta. Semua ini adalah berita sedih bagi kita semua, kepada ibu bapa dan masyarakat.

Apa yang lebih mendukacitakan ialah di kalangan penagih dadah ini terdiri juga anak-anak sekolah, belia-belia yang menjadi harapan negara, lelaki dan perempuan, Melayu, Cina dan India. Ada juga orang tua-tua yang terlanjur tetapi bilangannya agak kecil. Bukan sahaja mereka menjadi masalah kepada diri mereka dan keluarga mereka, penagih dadah ini juga dikatakan terlibat dengan kes jenayah yang berat termasuk membunuh. Ramai juga yang membunuh diri mereka sendiri sepertimana baru-baru ini dipaparkan di dada akhbar, ada yang leka mengambil dadah sehingga dihanyutkan oleh air sungai. Ada yang menghidu gam terlebih sangat sehingga ketiga-tiganya keras di belukar.

Salah guna dadah ini telah menjadi terlalu serius dan sesungguhnya ia merugikan negara. Wala upun kita telah menganggapnya sebagai musuh negara, kita telah menganggapnya sebagai najis tetapi masalah dadah ini terus berleluasa di bandar, di pinggir bandar, termasuk juga di kampung-kampung. Kalau bolehlah kita simpulkan dengan izin, *we are fighting a losing battle* dengan masalah dadah ini dan ini kita perlu teruskan.

Kita minta semua ibu bapa, pelajar-pelajar, sama ada pelajar sekolah ataupun institusi pengajian tinggi, para pemimpin masyarakat, guru besar, pengetua, guru-guru dan orang ramai mestilah kita isytihar perang dadah besar-besaran. Nampaknya, tindakan polis, Pemadam masih tidak mencukupi. Semua nampaknya kena sama turun padang untuk menyelamatkan belia-belia, anak-anak kita yang kita kasihi ini.

Tuan Yang di-Pertua, mungkin hari ini kita berfikir mereka ini bukan dari darah daging kita tetapi kalau ini telah menjadi masalah negara dan merebak, anak, cucu-cicit kita juga tidak akan terlepas daripada cengkaman dadah ini. Sebelum terlewat, marilah sama-sama kita mengisytiharkan perang terhadap dadah ini. Pendidikan agama, pendidikan rohani boleh memberikan kekuatan dalaman bagi membentengi anak-anak kita dalam masalah najis dadah ini. Pendidikan agama juga perlu diberikan di peringkat awal lagi, jika boleh di peringkat tadika dan dimantapkan lagi di sekolah rendah dan juga menengah.

Jadi, masalah pada kita ialah kerana di sekolah ini, kita para ibu bapa lebih banyak menekankan kejayaan dari segi mendapatkan pengiktirafan sijil dan lain-lain.

Masalah-masalah kekuatan rohani ini juga adalah perlu ditekankan kerana ianya menjadi benteng untuk kejayaan dunia dan akhirat. Kita juga perlu mengisytiharkan sarang-sarang dadah perlu diserbu oleh polis dan dibersihkan. Maklumat-maklumat orang ramai tidak boleh diabaikan dan perlu diambil tindakan segera.

Kita lihat sekarang ini, Rela sudah berkesan di kampung-kampung dan di bandar-bandar. Mungkin pasukan Rela juga boleh dapat membantu kita dalam mengatasi masalah dadah ini. Lain-lain badan NGOs, badan-badan kebajikan, kita berharap sama-sama menyingsing lengan turut membantu dalam masalah gerak-gempur dadah secara besar-besaran ini. Oleh kerana ramai anak-anak Melayu dan Islam yang terlibat dalam masalah dadah ini, kita tidak menolak agar mimbar masjid juga digunakan untuk memberikan kesedaran, keinsafan kepada para ibu bapa dan anak-anak muda kita.

Tuan Yang di-Pertua

Puan Jamilah binti Ibrahim: *[Bangun]*

Dato' Michael Chen Wing Sum: Yang Berhormat, ada yang minta laluan.

Puan Jamilah binti Ibrahim: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya memang tertariklah dengan perbincangan yang telah diberikan oleh Yang Berhormat. Cuma, bolehkah saya selitkan ayat ini kalau sesuai dalam *relate* kan perkembangan ini, Allah menyebut *[membaca sepotong ayat Al-Quran]* Maknanya, “Allah telah memberitahu kepada kita lebih awal supaya kita mengawasi, kita merasa gerun, kita merasa bimbang kalau-kalau tertinggalnya satu zuriat di belakang kita”. Generasi anak-anak di belakang kita, kita tinggalkan mereka dalam keadaan mereka ini lemah. Mereka ini tersisih, terbiar dengan kerana kelemahan mental, fizikal dan sebagainya. Bolehkah kita *relate* kan perbincangan dadah dan masalah remaja kita dengan mentafsirkan ayat ini? Terima kasih.

Tuan Haji Gapar bin Gurrohu: Saya setuju, Yang Berhormat. Bahkan sebenarnya anak merupakan amanah Allah kepada kita. Kita tidak akan lepas daripada tanggungjawab sebagai pendidik, sebagai ibu dan bapa kepada anak-anak ini. *[Membaca sepotong ayat Al-Quran]* yang bermaksud: “Kita adalah pembimbing kepada anak-anak kita”.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin menyentuh tentang Perkhidmatan Bomba dan Penyelamat dalam perbincangan ini. Kemajuan dan pembangunan negara telah memesatkan penduduk di bandar dan juga di sekitar bandar. Bandar dari hari ke

sehari bertambah sesak. Rumah-rumah kos rendah dan juga rumah setinggan seperti di Kuala Lumpur, Johor Bahru dan bandar-bandar besar seperti menjadi masalah. Kebakaran sering berlaku. Diberitakan di Kuala Lumpur, dari segi bilangan penduduk ataupun setinggan pada tahun 1998 sahaja seramai 130,000 orang setinggan, satu bilangan yang agak besar.

Dalam tahun 1999, kepadatan ini telah membawa malapetaka. Dilaporkan sebanyak 25 kes kebakaran telah berlaku di kawasan setinggan dan kerugian harta benda dinilaikan sebanyak RM1.7 juta. Ramai juga yang tinggal sehelai sepinggang. Mereka yang duduk di rumah setinggan, di rumah-rumah teres yang sesak ini bukanlah daripada golongan yang senang. Mereka ini adalah orang yang berpendapatan rendah. Kalaulah berlaku kebakaran, seperti kata pepatah “sudah jatuh ditimpa tangga” pula.

Kita sering juga mendengar alasan yang diberikan oleh Perkhidmatan Bomba dan Penyelamat dalam usaha untuk melakukan atau bantuan memadam api, jalan masuk ke kawasan-kawasan setinggan ini begitu sesak sehingga menyebabkan mereka tidak dapat masuk ke tempat yang berkenaan dengan cepat. Di Kuala Lumpur ini, jalan raya pun sebenarnya sesak dan apabila sudah sampai pula, kita sering pula mendengar kesukaran air. Ini masalah yang menjadi alasan, maka kita berharap, kita tidak tahu setakat ini adakah masalah ini sudah pun diatasi.

Satu perkara lagi, ini kisah pembangunan dan kejayaan negara kita. Bangunan yang tinggi-tinggi semakin hari semakin bertambah termasuklah hotel-hotel di mana pelancong-pelancong luar hadir. Cuma kita ingin tahu setakat ini bagaimana dengan Pasukan Bomba dan Penyelamat kita, adakah mereka telah meningkatkan perkhidmatan mereka dan alatan-alatan canggih untuk bersedia berhadapan dengan keadaan-keadaan kecemasan jika berlaku. Saya menimbulkan soalan ini saya lihat di bandar-bandar kecil perkhidmatan bomba dan penyelamat ini masih di luar kemampuan.

Saya ambil contoh di sebuah bandar kecil di tempat saya, bomba masih lagi pakai kereta sorong. Untuk makluman Tuan Yang di-Pertua, kereta sorong yang saya maksudkan ini dia pakai tolak, pakai man power, tak pakai machine dan airnya mesti dipam pula. Ini berada di sebuah bandar kecil, kalaulah boleh saya istilahkan ini dengan izin, sudah out of date. Yang inilah menimbulkan cetusan idea saya bimbang kalau-kalau bila kita berdepan dengan masalah-masalah ini yang akan datang dan

yang saya sebutkan tadi bandar kecil ini bomba yang terdekat dengan bandar kecil ini yang berada di bandar Kluang kira-kira 30 kilometer jauhnya, jadi bermakna kalau sesuatu kebakaran berlaku tidak mungkin bomba yang berada sejauh atau sejarak 30 kilometer ini berkejar ke tempat kejadian. Kalau sampai pun, api dah padam dengan sendirinya dan segalanya telah menjadi abu. Inilah kita berharap supaya perkhidmatan bomba dan penyelamat ini akan terus dapat dipertingkatkan supaya masalah-masalah yang berada di depan kita nanti dapat ditangani dengan jayanya.

Saya juga ingin menyentuh, Tuan Yang di-Pertua, institusi zakat kita. Institusi zakat ialah satu institusi Islam yang tertua. Institusi zakat di negara kita terletak di bawah tadbir Majlis Agama Islam negeri-negeri. Institusi zakat ini kita fikir sudah sampai waktu dan ketikanya perlu tampil turut memikul tanggungjawab dan menyelesaikan pelbagai masalah umat yang ada masa kini seperti dalam pembangunan sosio ekonomi, pendidikan, dakwah dan masalah keluarga dan di akhir-akhir ini kita sering mendengar masalah-masalah ibu tunggal dan kita berharap masalah-masalah yang disebutkan tadi, masalah pembangunan, sosio ekonomi, pendidikan, dakwah dan masalah keluarga akan dapat dibantu oleh institusi zakat ini.

Selain daripada tugas asasi institusi zakat ini di mana kita tahu mengagihkan zakat atau wang zakat ini kepada 8 asnaf antaranya misalnya memberi kepada orang miskin, mualaf, pada fisabilillah dan lain-lainnya. Kita berharap zakat boleh membantu mereka keluar daripada lingkaran kemiskinan. Contoh seperti memberikan mereka bantuan atau kursus perniagaan kecil agar mereka dapat berdikari dan keluar daripada lingkaran kemiskinan ini. Institusi zakat juga perlu melaksanakan tanggungjawab fardu kifayahnya dengan memberikan bantuan pendidikan, bukan sekadar menghulurkan beberapa ringgit tetapi membentuk satu tabung yang benar-benar dapat membantu anak-anak kita daripada golongan yang miskin ini sehingga mereka dapat melanjutkan ke pusat-pusat pengajian tinggi dan akhirnya lahir sebagai seorang profesional muslim, tidak sekadar memberikan bantuan ala kadar sahaja. Yang akhirnya profesional muslim ini kita berharap dapat menyumbang terhadap perkhidmatan mereka kepada umat sejagat khususnya di negara kita ini.

Kita lihat juga anak-anak yatim kita masih ramai sama ada di bandar mahupun di kampung ada mereka telah ditempatkan di asrama anak-anak yatim. Semua ini adalah kerja-kerja amal yang dibuat oleh masyarakat setempat. Jawatankuasa anak yatim ini juga kita difahamkan menadah bantuan di sana sini dan kita berharap juga

institusi zakat memikul tanggungjawab ini. Anak yatim bukan sahaja mesti dibela tetapi mesti dididik seperti diharapkan oleh agama sehingga anak-anak ini bolehlah dianggap nantinya berjaya di dunia dan juga di akhirat.

Kita juga berharap institusi zakat ini yang kita tahu tabungnya semakin hari semakin bertambah khususnya kita lihat di Wilayah Persekutuan di mana jumlah pungutan semakin bertambah dari masa ke semasa. Ini kemungkinan kesedaran umat yang ada di bandaraya ataupun ibu kota ini dan juga kesedaran terhadap agama semakin bertambah maka kita berharap ia juga dapat membantu ke arah mengimarahkan masjid dan surau kita yang berada di merata seluruh pelosok tanah air kita. Kita mahukan bukan sahaja bentuk kewangan, kita berharap juga institusi zakat ini dapat memberikan tenaga pensyarah yang diperlukan untuk membimbing dan memberikan ilmu dunia dan juga akhirat. Sebagaimana yang kita maklum, sekarang ini dalam pendekatan baru masjid dan surau tidak sahaja dijadikan institusi ibadah, sembahyang, zikir di dalamnya tetapi ianya perlu tampil berperanan dalam sosio ekonomi, kesihatan, pendidikan dan lain-lainnya. Pendeknya, masjid dan surau menjadi institusi umat Islam yang benar-benar bergerak dan mampu mengatasi dan membantu masalah-masalah umat setempat.

Kita juga berharap agar institusi zakat ini di bawah Majlis Agama Islam di negeri-negeri akan dapat terus maju dan terus cemerlang dalam masalah pengurusan hal-ehwal agama, kemasyarakatan, sosio' dan ekonomi kita. Dengan harapan ini kita berharap institusi zakat ini kehadirannya akan dapat dirasakan oleh masyarakat Islam di seluruh negara kita ini.

Dengan kata-kata ini maka, ini ada satu lagi masalah yang saya ingin..., nampaknya telah dihulurkan oleh sahabat saya ini. Kita bercakap tentang orang tengah, tentang perkhidmatan kaunter. Satu berita yang dikeluarkan bahawa orang tengah telah menguasai kaunter di pejabat JPJ. Ini antara aduan-aduan, contoh yang kita sebutkan tadi supaya perkara ini dapat diatasi. Mereka ini benar-benar menyusahkan orang ramai yang hendak berurusan dengan JPJ kerana mereka telah mendahului ataupun mengenyepikan orang ramai tetapi memberikan orang tengah kesempatan untuk berkhidmat dan kita difahamkan orang ramai ini ada setengahnya datang daripada jauh dan kecewa kerana orang tengah sudah membolot peluang mereka ataupun mendahului mereka dan mendapatkan perkhidmatan.

Jadi, dengan itu saya rasa menambahkan fakta dari segi hujah saya tadi bahawa rungutan orang ramai terhadap kaunter di pejabat-pejabat kerajaan. Dengan ini saya menyokong rang undang-undang yang kita bahaskan pada petang ini. Sekian.

Dato' Dr. Chin Fook Weng: Tuan Yang di-Pertua, saya minta sedikit penjelasan tentang orang tengah ini. Apa yang dimaksudkan dan apa peranan yang dimainkan orang tengah ini sehingga orang ramai itu terganggu dalam urusan mereka dengan JPJ? Terima kasih.

Tuan Haji Gapar bin Gurrohu: Orang tengah yang dimaksudkan - saya tidak baca teks ini keseluruhannya tetapi apa kita difahamkan ialah Sekolah-sekolah Memandu, mereka ini mempunyai pelanggan-pelanggan dan mereka ini juga bila berurusan begitu banyak sekali, bukan hal mereka sahaja. Ia membawa beberapa urusan orang lain, pelanggan-pelanggannya dan oleh itu kita dapati bila kita berdiri di belakangnya saya rasa mungkin ambil masa setengah jam walaupun kita orang kedua mereka ini akan terus berurusan dan ini dilakukan setiap masa kerana kemungkinan dari segi perkhidmatan, mereka ini tidak dapat masuk pintu belakang kerana disekat oleh pegawai-pegawai JPJ tetapi mereka ini pergi ke hadapan pula dan oleh kerana tidak ada had untuk berurusan mereka bawa satu fail terus dan kita terpaksa menunggu dan kita kadang-kadang tidak sabar. Maknanya ini boleh diuruskan dengan cara yang lain tetapi kita perlu memberikan perkhidmatan memuaskan hati kepada orang ramai. Ini yang disebutkan dan ini di antara rungutan di kaunter-kaunter. Terima kasih.

Dato' Dr. Chin Fook Weng: Soalan lagi Tuan Yang di-Pertua, tentang perkara ini kerana setahu saya di tempat saya di Pulau Pinang, setiap kali kita ada urusan dengan JPJ maka kita diberi satu nombor dan mengikut giliran. So, pada awal-awal pagi kita telah datang untuk mengambil nombor ini dan kemudian kita duduk di sana, tengok TV dan tunggu sehingga giliran kita dipanggil. Apabila dipanggil maka kita uruskan apa hal yang kita mahu uruskan tanpa apa-apa gangguan. Di tempat saya juga kaunter-kaunter tertentu untuk orang ramai dan kaunter-kaunter tertentu untuk Sekolah-sekolah Memandu, sama ada ini mungkin tidak dilaksanakan di tempat ini tetapi kalau ini dilaksanakan maka queue untuk orang ramai hanya uruskan satu perkara demi satu perkara. Seorang hanya layak untuk satu urusan. Queue untuk Sekolah Memandu itu mungkin banyak urusan dan mereka queue di antara mereka sahaja, oleh kerana itu tidak mengganggu. So, sama ada itu benar tidak benar

dalam tempat ini tetapi setahu saya di Pulau Pinang ini memang berlaku. Terima kasih.

Tuan Haji Gapar bin Gurrohu: Saya sukar hendak jawab kerana ini yang berlaku yang saya sebutkan tadi. Kata pepatah Melayu, “lain padang, lain belalang”. Walaupun ada satu arahan tetapi kadang-kadang pegawai-pegawai yang berkenaan cara pentadbirannya mengikut citarasa mereka itu sendiri. Ini antara yang kita kata yang disebutkan orang tengah ini, mereka ini sebenarnya mengambil upah atau komisyen untuk faedah., ha! ini yang menyusahkan kita selain daripada masa kita, dia dapat keuntungan sedangkan kita terpaksa menunggu begitu lama, ini dari segi kes JPJ.

Kalau kita lihat ada sesetengah kaunter, orang ramai beratur begitu panjang, pegawai yang melayannya seorang sedangkan kaunter lain kosong, kita pun tidak faham. Jadi, oleh itulah kita sebagai pemimpin masyarakat melihatkan semua ini, menyusahkan kita. Orang ramai menunggu lama sedangkan bukan tidak ada kakitangan, ada tetapi pengurusan yang efektif tidak dilaksanakan.

Walau bagaimanapun, orang akan berkata inilah kelemahan kerajaan. Kelemahan-kelemahan seumpama ini ditujukan sebagai kelemahan kerajaan sedangkan ada cara kita boleh membaiki masalah-masalah ataupun dipanggil krisis management ini. Jadi, walaupun masalah-masalah untuk menangani telah dikursuskan, diseminarkan kadang-kadang masih lagi berlaku. Jadi, oleh itu kita rasa perkara ini perlu dibangkitkan kembali supaya ianya dapat diatasi. Sekian.

Dato' Abdul Aziz bin Abdul Rahman: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mengambil bahagian di dalam Perbahasan Perbekalan 2000 yang dibentangkan oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan di Dewan Rakyat pada 5 Februari 2000 dahulu dan pada 24 Februari 2000 baru-baru ini oleh Timbalan Menteri Kewangan di Dewan yang mulia ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya merasakan strategi-strategi yang dimantapkan oleh kerajaan kita menerusi belanjawan baru ini memang jelas sekali mencerminkan komitmen kerajaan untuk menentukan supaya rakyat jelata di setiap lapisan masyarakat dapat dipertingkatkan dengan indeks kualiti hidup yang sentiasa meningkat. Saya perhatikan janji-janji Kerajaan Barisan Nasional yang dibuat pada tahun 1999, iaitu sebelum pilihan raya dan selepas pilihan raya memangnya tidak berubah bahkan ia diperbaiki selepas pilihan raya di mana Kerajaan Barisan Nasional

telah memenangi dua pertiga kerusi-kerusi di Dewan Rakyat. Belanjawannya diperbaiki dan tanggungjawabnya dipertingkatkan semata-mata bagi menyedarkan rakyat jelata bahawasanya kerajaan ini kerajaan yang bertanggungjawab. Jadi, saya hendak ucapkan tahniah terutama sekali kepada Yang Amat Berhormat Dato Seri Dr. Mahathir selaku Perdana Menteri yang telah pun memperkuatkan lagi kedudukan ekonomi kita setelah ianya dilanda satu serangan yang amat hebat pada tahun 1997.

Saya masih ingat dan pernah saya utarakan di Dewan yang mulia ini, bagaimana Dato Seri Dr. Mahathir sebagai pemimpin negara kita ini mendahului pemimpin-pemimpin lain dalam idea-idea yang lebih tinggi, lebih meluas dan tidak hanya terkongkong kepada masalah di Malaysia tetapi ianya membuka jalan meluaskan minda pemikiran pemimpin-pemimpin.

Yang Berhormat tadi, saudara Senator Datuk Zainudin Maidin, mengatakan bagaimana Perdana Menteri mengukir wawasan untuk mewujudkan EAEC misalnya East Asia Economic Caucus atau Perundingan Ekonomi Asia Timur semata-mata kerana Perdana Menteri kita menginsafi. Kalau kita hendak bersaing dengan negara-negara Barat atau negara-negara maju yang lain, kita memerlukan kekuatan tersendiri dan Malaysia sebagai sebuah negara yang hanya 22 juta manusia tidak begitu kuat. Tetapi kalau digabungkan dengan China, Jepun, Korea, Taiwan dan ASEAN seluruhnya kita merupakan satu blok yang amat kuat seperti blok yang dibuat oleh Amerika, iaitu Amerika membuat blok AFTA misalnya Amerika, Canada, Mexico, Machosa di South America, European Union di Eropah

Dato' Michael Chen Wing Sum: Bolehkah Yang Berhormat sambung esok.

Dato' Abdul Aziz bin Abdul Rahman: Sudah habis masa. Saya akan sambung insya-Allah esok.

Dato' Michael Chen Wing Sum: Ahli-ahli Yang Berhormat, masa sudah cukup. Ahli-ahli Yang Berhormat, Majlis ini ditangguhkan sehingga pukul 10.00 pagi esok.

Mesyuarat ditangguhkan pada pukul 5.30 petang.

LAMPIRAN

24 April 2000

AHLI-AHLI DEWAN NEGARA

- Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, Tan Sri Dato' Haji Mohamed bin Ya'acob, P.S.M., P.M.K., S.P.M.K., Dato' Bentara Kanan, S.M.T., P.G.D.K., D.A. (Dilantik)
- “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri,
Dato' Paduka Dr. Haji Abdul Hamid bin Haji Othman,
D.H.M.S., S.I.M.P., D.S.D.K., J.S.M., K.M.N., P.P.T. (Dilantik)
- “ Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi,
Tan Sri Datuk Kasitah Gaddam, P.S.M., P.G.D.K., J.S.M.
(Dilantik)
- “ Menteri Pendidikan,
Tan Sri Dato' Seri Musa bin Mohamed, P.S.M., D.P.M.N.,
D.P.C.M. (Dilantik)
- “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri,
Datuk Pandikar Amin bin Haji Mulia (Dilantik)
- “ Timbalan Menteri Pendidikan,
Datuk Abdul Aziz bin Shamsuddin, D.P.M.S. (Dilantik)
- “ Tuan Abdillah bin Abdul Rahim (Sarawak)
- “ Dato' Abdul Aziz bin Abdul Rahman (Dilantik)
- “ Tuan Haji Abdul Malek bin Haji Abdul Ghani (Perlis)
- “ Tuan Haji Abdul Wahid bin Varthan Syed Ghany (Dilantik)
- “ Dato' Haji Ahmad bin Ismail (Pulau Pinang)
- “ Tuan Haji Bakri bin Haji Ali Mahamad, A.M.N., A.M.K.,
B.K.M. (Kedah)
- “ Tuan Benedict Bujang Tembak (Sarawak)
- “ Dato' Charern Intachat, D.S.D.K., A.M.N., B.C.K. (Dilantik)
- “ Dr. Charlie Chau-Lap Chang (Dilantik)
- “ Puan Chew Poh Thoi (Dilantik)
- “ Puan Chia Chui Ket (Dilantik)
- “ Dato' Dr. Chin Fook Weng (Pulau Pinang)
- “ Datuk Christina Lorline Tibok @ Christine Vanhouten (Sabah)
- “ Puan Faridah binti Abu Hassan (Dilantik)
- “ Tuan Haji Gapar bin Gurrohu (Dilantik)

“ Datuk Ghazi @ Hasbullah bin Haji Ramli, D.P.M.S., D.I.M.P.
(Sela ngor)

Yang Berhormat Tuan Hassan bin Haji Shukri (Terengganu)

“ Datuk Hajah Hazizah binti Mohd. Sultan (Melaka

“ Tuan Ho Lim Teck (Melaka)

“ Puan Hajah Hunaizah binti Mohd. Noor (Kelantan)

“ Puan Hajah Che Jam binti Haron (Dilantik)

“ Puan Jamilah binti Ibrahim (Kelantan)

“ Tuan Jang Chow Thye @ Yio Chow Thye (Dilantik)

“ Puan Jaya Partiban (Dilantik)

“ Datuk Joseph Balan Seling (Dilantik)

“ Datuk Haji Karim bin Ghani (Sabah)

“ Tuan Haji Karim bin Salleh (Perlis)

“ Datuk Haji Kasim bin Mh. Yusop (Dilantik)

“ Tuan Khoo Lay Hin (Dilantik)

“ Dato' Lee Pit Chern (Negeri Sembilan)

“ Tuan Lim Eng Kok (Dilantik)

“ Datuk Long bin Jidin (Dilantik)

“ Tuan Marimuthu a/l Nadeson, A.M.P., A.M.N., P.P.N.,
P.J.K., J.P. (Dilantik)

“ Dato' Dr. T. Marimuthu (Dilantik)

“ Dato' Haji Mazlan bin Abu (Johor)

“ Puan Hajah Melati binti Ali (Pahang)

“ Dato' Michael Chen Wing Sum (Dilantik)

“ Tuan Mustaffa Kamal bin Mohd. Nawi, A.M.P., P.P.N.,
P.J.K. (Perak)

“ Datuk Nor Azah binti Awin (Dilantik)

“ Datuk Norjan binti Khan Bahadar (Dilantik)

“ Puan Nosimah binti Hashim (Dilantik)

“ Tuan Parasurama n a/l Sanasamy @ Sinnasamy (Kedah)

“ Puan Hajah Puizah @ Faezah binti Haji Abu Kassim (Dilantik)

“ Tuan Haji Rosli bin Mat Hassan (Dilantik)

Yang Berhormat Puan Safinah binti Jusoh (Terengganu)

“ Puan See Too Mee (Johor)

“ Puan Siti Hawa @ Karimah binti Mohd. Nor (Dilantik)

“ Tuan Tan Ek Huat (Perak)

“ Dato' V.K.K. Teagarajan, D.P.M.S., A.M.N. (Dilantik)

“ Datuk Tee Thiong Hock, D.S.S.A., S.S.A., A.M.N., P.J.K.
(Selangor)

“ Dato' Ting Check Sii, D.I.M.P. (Dilantik)

“ To' Puan Wan Seri @ Wan Asiah binti Ahmad (Dilantik)

“ Datuk William Lau Kung Hui (Dilantik)

“ Tuan Zainal bin Rampak (Dilantik)

“ Datuk Zainudin bin Maidin (Dilantik)

“ Tuan Zakaria bin Arshad (Negeri Sembilan)

DEWAN NEGARA

PEGAWAI-PEGAWAI KANAN

Setiausaha Dewan Negara:

Abdullah bin Abdul Wahab

Ketua Penolong Setiausaha:

Zamani bin Haji Sulaiman

Haji Mustakin bin Selamat

Shahrom bin Haji Hasan

Penolong Setiausaha:

Haji Mustafa bin Abdul Rahman

Ruhana binti Abdullah

Riduan bin Rahmat

BENTARA MESYUARAT

Mejar (B) Abdul Halim bin Haji Ali

Mejar (B) Zakaria bin Salleh

Mejar (B) Kamaruddin bin Abdullah

PETUGAS-PETUGAS CAWANGAN DOKUMENTASI

Azhari bin Hamzah

Monarita binti Mohd. Hassan

Hajah Shamsiah binti Mohd. Yusop

Mohd. Saleh bin Mohd. Yusop

Mohamed bin Osman

Norishah binti Mohd. Thani

Shamsina binti Janor

Ramlah binti Mohd. Yusuff

Jamilah Intan binti Haji Bohari

Khairul Azila binti Haji Khairuddin

Noor Effarizan binti Mat Satib

Taharah binti Mohamed

Nik Elyana binti Ahyat

Mashitah binti Kamaruddin

Abu Bakar bin Hasan

PETUGAS-PETUGAS CAWANGAN MESIN CETAK

Kamal bin Oyub

Haji Latif bin Ismail

Kamaroddin bin Mohd. Yusof

PARLIMEN KESEPULUH

PENGGAL KEDUA

MESYUARAT PERTAMA

Jilid II

Bil. 6

Selasa

25 April 2000

K A N D U N G A N

**JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI
PERTANYAAN-PERTANYAAN**

(Halaman 1)

RANG UNDANG-UNDANG:

Rang Undang-undang Perbekalan 2000

(Halaman 27)